

**4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2019**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT KETIGA (BAJET)**

---

**SHAH ALAM, 4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tuan Amirudin bin Shari (Sungai Tua)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.  
(Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali  
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, D.P.N. (Batang Kali)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Tuan Rizam bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj Hanafi (Semenyih)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

**4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Masri bin Mohd Daud, D.S.A.P., P.C.M.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

**4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Muhajirih bin Ahmad  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
**Bentara**

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi  
Puan Nur Syahira Shazrin binti Mat Rohani  
**Pelapor Perbahasan**

\

**4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**(TUAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT)**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Selamat pagi dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Keempat belas pada 4 November 2019 dimulakan dengan bacaan Doa.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN:** Doa.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER :** Salam sejahtera. Selamat pagi. Kita bersidang semula saya menjemput Yang Berhormat Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Selamat pagi Tuan Speaker, soalan saya nombor 1.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : JUMLAH PERUNTUKAN DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN KEPADA KERAJAAN NEGERI**

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
  - a) Sila senaraikan berapa jumlah yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan mulai 2015 sehingga hari ini.
  - b) Berapa jumlah adalah dibawah MARRIS dan berapa adalah untuk projek-projek lain?
  - c) Apakah jangkaan penerimaan daripada Kerajaan Persekutuan untuk tahun 2020? Sila perincikan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Speaker dan Bukit Lanjan yang mempertanyakan soalan berkenaan dengan peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri sejak daripada 2015. Pada tahun 2015 Kerajaan Negeri telah menerima RM708,437,687.26 sebagai sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan dan pada tahun 2016 kita telah menerima RM711,933,567.70.

Pada tahun 2017 kita menerima RM729,539,517.95, 2018 kita telah menerima RM787,923,740.06. Sehingga Oktober 2019 kita telah menerima RM745,389,505.40. Trendnya meningkat dari tahun ke tahun dan secara keseluruhan sehingga 31 Oktober 2019 daripada 2015 sampai Oktober 2019 kita telah menerima RM3,683,224,018.37

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

daripada Kerajaan Persekutuan. Berapakah untuk MARRIS, tiap-tiap tahun peruntukan untuk MARRIS mencecah lebih daripada RM450,000,000.00. Tahun 2015 RM468.7 juta, tahun 2016 RM496.9 juta, tahun 2017 RM511.8 juta, tahun 2018 RM527.1 juta dan sehingga Oktober 2019 kita telah menerima RM446.7 juta.

Jadi kalau diukur secara puratanya setiap penerimaan yang kita dapat lebih daripada 50% hampir 60% adalah pemberian-pemberian bentuk wang MARRIS ataupun untuk *maintainance* ataupun untuk penyelenggaraan jalan dan bahu jalan dan parit dan tali air. Apakah jangkaan penerimaan Kerajaan Persekutuan untuk tahun 2020.

Jadi untuk tahun 2020 kita menganggarkan sebanyak RM768,274,138.00 ataupun kalau kita mudahkan RM768.3 juta dan daripada perincinya kalau kita boleh rinci ia adalah dalam bentuk MARRIS lebih daripada RM525 juta dalam bentuk pemberian berdasarkan tahap pembangunan RM18.4 juta, pemberian mengikut orang RM7.5 juta, pembiayaan perbelanjaan mengurus bagi jabatan-jabatan senarai bersama ataupun *concurrent list* ataupun 50% yang dibagi adalah RM7.9 juta, pemberian khas kepada kerajaan bagi kehilangan Wilayah Persekutuan RM25.8 juta, pemberian pembayaran perkhidmatan 10% kerana penglibatan kakitangan kerajaan dalam melaksanakan projek-projek persekutuan RM3.5 juta, pemberian pertambahan hasil RM30 juta, pemberian pelancongan RM10 juta ia merupakan 50% daripada kutipan keseluruhan pelancongan dan elaun Majlis Pengurusan Kampung Komuniti Kampung MPKK Kampung Baru RM1.03 atau RM1.04 juta. Jadi keseluruhan kita akan menerima dianggarkan menerima RM768,274,138.00. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Tuan Speaker, saya ada soalan tambahan. Memandangkan Negeri Selangor merupakan penyumbang GDP yang paling tinggi di Malaysia dan selama 10 tahun ini kita di sini boleh dikatakan kurang kasih sayang daripada Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2008. Saya ingin tanya Kerajaan Negeri adakah Kerajaan Negeri telah membuat permohonan untuk mendapat beberapa peruntukan tambahan selain daripada untuk perkhidmatan, bekalan, pengurusan, saya nampak apa yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar jumlah yang terbesar adalah sebenarnya MARRIS yang lain kurang daripada lebih kurang untuk bekalan dan perkhidmatan.

Jadi tambahan juga Tuan Speaker memandangkan Bukit Antarabangsa hadir pada pagi ini saya rasa kita amat bertuah dan ini merupakan satu Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh buat yang sepatutnya. Sekian, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Speaker, soalan itu saya kena jawab yang memberi maknanya adalah Bukit Antarabangsa. Bisik jelah dekat sebelah apa masalahnya.

Yang Berhormat sekalian, setakat yang saya sebutkan tadi ada beberapa kriteria termasuk elaun JKK dan pemberian-pemberian yang saya sebutkan itu adalah pemberian yang wajib. Memang kita telah mengemukakan termasuk dalam mesyuarat bersama Perdana Menteri namun kita belum dapat mengemukakan satu formula yang melihat sumbangan Kerajaan

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Persekutuan bergantung pada GDP ataupun bergantung kepada peratusan sumbangan yang telah diberikan.

Namun begitu kita juga mengambil maklum dengan kehadiran representasi besar Menteri-menteri kita di peringkat federal ada 6 orang di peringkat federal dan termasuk kita juga dapat memasukkan beberapa *wish list* ataupun senarai-senarai yang kita minta untuk Rancangan Malaysia ke-11 dan Rancangan Malaysia Ke-12 terutamanya untuk memastikan projek-projek yang kita dapatkan laksanakan itu dapat mendatangkan hasil.

Paling sebagai contohnya adalah bagaimana kita telah menggunakan dulu peruntukan rizab kita untuk menaik taraf dan untuk membina Jabatan Ketiga Klang dan kita juga telah mengemukakan cadangan kepada Kerajaan Persekutuan kenapa tidak Kerajaan Persekutuan mengembalikan balik rizab yang telah kita gunakan lebih daripada RM400 juta tersebut.

Alhamdulillah, secara asasnya telah diterima tapi bukan dalam bentuk *cash* tetapi dalam bentuk peruntukan untuk menaik taraf Jabatan Ketiga Klang untuk Fasa Yang Ketiga dan jumlahnya juga dalam angka sekitar yang tersebut. Jadi sumbangan-smbangan yang wajib itu satu hal dan satu perkara ialah dalam bentuk projek-projek yang tidak masuk dalam akaun yang disatukan.

Ini yang termasuk dalam akaun yang disatukan yang kita kira sebagai Sumbangan Persekutuan dalam bentuk projek dan sebagainya itu dalam bentuk kementerian dan sebagainya yang kalau kita bariskan lebih banyak angka yang kita terima. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Terima kasih Tuan Speaker. Yang Amat Berhormat, saya hendak bertanya berkenaan soalan tadi iaitu adakah Kerajaan Negeri Selangor menerima jumlah lebih kurang sama dengan negeri lain ataupun satu jumlah yang lebih bagus ataupun jauh berbeza daripada negeri-negeri lain. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih. Sudah pasti ia berbeza kerana kalau kita lihat peruntukan MARRIS bergantung pada panjang jalan. Peruntukan melihat per orang ia melihat kepada jumlah penduduk dan juga bancian penduduk di atas yang tinggal di Negeri Selangor dan kalau kita lihat daripada jumlah MPKK sudah pasti jumlah MPKK kita berbeza, kita ada 371 keseluruhan 400 lebih di bawah EXCO Luar Bandar dan Kampung Baru dan Ketua Komuniti dan sudah pasti angkanya lebih dan memang kita antara penerima yang tinggi tetapi kalau dilihat dengan saiz orang dan sebagainya ada persamaan dengan beberapa negeri-negeri yang lain. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Batang Kali.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Orang lama. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Disebutkan tadi Y.A.B Menteri Besar bahawa MARRIS antara sumbangan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan. Di sebutkan juga tadi MARRIS juga dikaitkan dengan jalan so di kawasan-kawasan ADUN misalannya adakah pihak Kerajaan untuk melibatkan ADUN untuk senarai semak kepada projek-projek MARRIS yang telah dilaksanakan di peringkat PBT.

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Ada kalanya rakyat memberikan aduan, *complaint* dan sebagainya terhadap projek-projek MARRIS yang dilaksanakan ini. Adakah Kerajaan bercadang melibatkan ADUN sebagai penyemak akhir kepada projek ini. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih. Dalam bidang pengurusan kita telah dipraktikkan saya kira dari penggal yang lepas dan penggal dua penggal yang lepas sebenarnya bahwasanya semua Ahli Dewan Negeri akan terlibat dalam memeriksa senarai jalan-jalan dan projek-projek tertentu sama ada longkang dan jalan ataupun accessory jalan dan longkang untuk disemak dalam nilai RM3 juta bagi setiap Ahli Dewan Negeri dan boleh memilih mengikut *priority* dan pandangan.

Namun begitu ia harus ditimbangkan berdasarkan Laporan Teknikal daripada pihak Majlis-majlis Tempatan ataupun Ahli Dewan sekalian supaya kita dapat membandingkan di antara *peretti politic* ataupun melalui *peretti utama* ataupun *peretti technical* dan keperluan sebab kadang-kadang jalan dia ada level nya dia da tahap A, B,C,D, E ada tahap-tahap yang dah memang uzur memang terlalu. Kadang-kadang ia perlu ditukar dan kita memerlukan *technical report* untuk menjawab dan juga untuk memutuskan di mana projek-projek itu harus dibuat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Yang Berhormat Tuan Speker soalan saya nombor 2.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL (N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

#### **TAJUK : PEMANSUHAN SKIM AIR PERCUMA**

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah anggaran perolehan hasil pendapatan Kerajaan Negeri Selangor dengan pemansuhan Skim Air Percuma kepada rakyat pada Mac 2020 nanti?
- b) Adakah perolehan tersebut akan digunakan untuk inisiatif lain untuk kepentingan rakyat?

**TUAN SPEAKER :** Kajang.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Sungai Air Tawar dan saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan nombor 74 Sungai Panjang dan juga Semenyeh 197, Yang Berhormat Pandamaran 230 dan Yang Berhormat

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Batang Kali. Pertamanya saya ingin menjelaskan bahawa tidak ada Program Pemansuhan Air Percuma yang kita lakukan penjajaran air percuma.

Bila kita tanya pemansuhan seolah-olah kita hendak hapuskan air percuma dalam keadaan sekarang air percuma masih wujud. Cuma jumlah kadar penerima dan sebagainya dinilai balik supaya ia menepati apa yang telah digariskan oleh *sustainable development* ataupun kajian yang dibuat UNBP supaya pembangunan dan perancangan kerajaan menepati kepada corak perbelanjaan dan pengurusan untuk *sustainable* dan kelestarian sesuatu polisi dan program. Untuk Yang Berhormat Sungai Air Tawar dan Pendamaran anggaran perolehan hasil pendapatan Kerajaan Negeri dengan Penjajaran semula Skim Air Percuma ini kepada Skim Air Selangor Darul Ehsan adalah akan memberi manfaat kepada 700 ribu akaun daripada 1.6 juta akaun yang ada di dalam akaun-akaun ataupun seluruh Negeri Selangor.

Untuk makluman Yang Berhormat Kerajaan Negeri telah berbelanja RM1.8billion (RM1,812,421,674.67) ataupun secara mudah RM1.8billion bagi menampung pembiayaan Program Air Percuma 20 Meter Padu untuk semua rumah di Negeri Selangor semenjak Jun 2008 sehingga Ogos 2019. Jumlah pembiayaan Kerajaan Negeri di bawah Skim Air Darul Ehsan ini dianggarkan akan berkurangan 180 juta setahun kepada RM96 juta. Now, setiap tahun untuk Air Percuma lebih kurang 180 dan dengan kadar pertumbuhannya mungkin dia akan mencecah RM200 juta tidak berapa lama lagi, tapi dengan Skim Air Selangor Darul Ehsan, kita mengurangkannya hampir 50% kepada 98juta.

Untuk Yang Berhormat Sungai Panjang dan Yang Berhormat Semenyih,

Apakah mekanisme yang digunakan dalam pelaksanaan pemberian air percuma kepada kumpulan sasar dalam usaha memastikan tiada golongan sasar yang tertinggal menikmati Skim Air Darul Ehsan. Kerajaan Negeri menggesa supaya pemohon yang layak memenuhi syarat membuat permohonan melalui pendaftaran sama ada secara atas talian melalui laman web Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) di laman web [www.ssipr.selangor.gov.my](http://www.ssipr.selangor.gov.my) atau secara manual mengisi borang permohonan Program IPR (Skim Air Darul Ehsan). Pendaftaran Skim Air Darul Ehsan ini bermula daripada 30 September dan dijangka akan berakhir pada 31 Disember 2019.

Proses pendaftaran adalah untuk mengumpul dan mengemas kini semua data permohonan Skim Air Selangor Darul Ehsan dan kemudian ia akan disemak silang dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri ataupun data-data Lembaga Hasil Dalam Negeri. Proses semak silang hanya akan bermula selepas tarikh tutup iaitu bermula Januari. Maknanya *InsyaAllah* pada Mac 2020 kita akan dapat mempunyai senarai mereka-mereka yang layak berdasarkan permohonan-permohonan yang dibuat.

Untuk seterusnya Yang Berhormat Sungai Panjang dan Yang Berhormat Batang Kali amat mengambil berat berkenaan golongan M40 dan mencadangkan supaya Skim Air Selangor Darul Ehsan diperluas kepada kelompok M40. Mengikut tafsiran kelompok M40 adalah di kalangan lingkungan yang berpendapatan RM6,180.00 sehingga RM12,469.00. Kerajaan Negeri berpandangan M40 berkemampuan untuk membayai RM11.40 untuk penggunaan 20 meter padu bagi sebulan.

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Dan pada masa yang sama, Kerajaan Negeri menyediakan program kebijakan dan kepentingan golongan M40. Antaranya program-program seperti TVET, Hadiah Masuk Universiti yang kita pertingkatkan dan program-program pendidikan seperti penjenamaan *Selangor Brand Bank* kepada Vitara. Dan ini semua secara tidak langsung ataupun secara langsung memberi manfaat kepada kelompok M40 dan kita meletakkan sasaran yang tertentu supaya ia tidak dibazirkan (ia tidak berbelanja dengan begitu banyak).

Kerajaan Negeri belum lagi mempertimbangkan saranan Yang Berhormat Batang Kali untuk meningkatkan kadar air percuma kepada 30 meter kerana berdasarkan kadar purata yang telah dibuat di Negeri Selangor, penggunaannya pada tiap-tiap bulan ialah pada kadar 20 sehingga 25 meter padu. Jadi kalau 20 meter padu itu dapat digunakan dengan baik dan sempurna, ia sudah mencukupi untuk satu keluarga yang berkapasiti purata 5 orang bagi setiap isi rumah. Malahan mengikut kajian tertentu, penggunaan air kita juga adalah yang tertinggi di Malaysia dan juga di negara-negara jiran. Kadarnya lebih. Kita 234 liter satu hari (lebih kurang).

Dan ini adalah satu kadar yang sangat tinggi jika dibandingkan dengan apa yang sepatutnya disyorkan oleh pihak (maafkan saya) 222 liter (ini kadar purata untuk Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor). Dan kadar yang telah disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ialah pada kadar 164 liter sehari (kadar purata). Dan dengan menggunakan kempen penggunaan bidal (sebagai contoh) dan penjimatan air yang dibuat oleh Air Selangor, kita percaya ia dapat untuk mengurangkan penggunaan air secara menyeluruh dan 20 meter padu masih lagi mencukupi untuk kegunaan seharian.

Akhirnya Yang Berhormat Sungai Panjang juga bertanya adakah akan berlaku kenaikan tarif? Sudah pasti Kerajaan Negeri perlu melihat keseluruhan *business* modal sebab kita baru saja mendapat lesen daripada pihak PAB dan juga pihak kementerian untuk pengurusan air daripada Air Selangor. Kita sedang mempertimbangkan dan kenaikan ini juga amat perlu untuk memastikan pengurusan dan perkhidmatan bekalan air itu adalah *sustainable* ataupun berdaya saing dan tidak berhadapan dengan tekanan hutang dan operasi dan juga menaik taraf kemudahan-kemudahan serta penggantian-penggantian paip. Namun sekali lagi Kerajaan Negeri berjanji bahawa kita akan menilai keseluruhan. Sebab itu Kerajaan Negeri mengambil dan berhati-hati untuk mengubah beberapa aspek penjajaran ini supaya melihat aspek persekitaran dan ekonomi yang tidak membebankan rakyat secara keseluruhan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Tuan Speaker. Apakah justifikasi yang dibuat untuk mengambil kira penerima di bawah RM4,000.00 pendapatan? Kerana ini adalah sebahagian daripada kumpulan B40. Dan apakah jumlah sebenarnya yang diberikan sama ada 20 ataupun 25 liter meter padu pada penerima?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang. Dalam pelan asal kerajaan adalah untuk meletakkan 20 meter padu bagi penerima B40. Baik. Di dalam takrifan B40 Negeri Selangor ialah di bawah RM6,180.00 dan ke bawah. Dan kalau kita letakkan angka tersebut sudah pasti jumlahnya lebih besar. Tapi dalam takrifan kemiskinan yang telah digariskan oleh pihak Kerajaan Negeri terutama pada kajian akhir yang dibuat oleh Universiti Selangor dan UNITAR (kalau tidak salah saya) pada ketika

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

itu, kita meletakkan RM1,900.00 sebagai garis kemiskinan dan kita cap kepada RM2,000.00. Pada asalnya kita cuba letakkan di bawah RM2,000.00.

Kalau diletakkan di bawah RM2,000.00 kita boleh berikan kepada 25 meter padu. Namun Kerajaan Negeri memikirkan untuk menambah jumlahnya. Sebab itu kita pertingkatkan kepada RM4,000.00 sebagai cap supaya lebih ramai yang akan menikmati. Sebab itu 700,000 dianggarkan akan menerima akaun Air Percuma ataupun dapat menerima air percuma berbanding hanya RM2,000.00 yang jumlahnya adalah kurang daripada 100,000 orang ataupun kurang daripada 200,000 orang daripada sedar 1.6 juta yang telah yang mempunyai akaun-akaun yang dipilih. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Batang Kali.

**Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR :** Oleh kerana soalan Batang Kali juga dijawab oleh Dato' Menteri Besar, terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

Saya masih melihat bahawa golongan M40 ini diletakkan siling RM4,000.00 untuk mendapatkan air percuma. Tetapi bagi golongan M40 ini, RM4,000.00 ke atas tetapi adakah kerajaan bercadang untuk memberikan air percuma ini dengan lebih bersasar misalnya? Mungkin ada golongan ini yang gaji RM4,000.00 ke atas tetapi pendapatan benar mereka lebih teruk daripada B40. Ada tanggungan yang ramai misalnya. Mungkin anak yang ramai dan mereka lebih susah daripada golongan B40. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya mengambil kira forum terakhir belanjawan kita bersama dengan Dr. Mohd Khalid (Penasihat Ekonomi Perdana Menteri). Beliau selalu menyebutkan akhirnya memang berapa banyak subsidi yang telah disediakan oleh perkhidmatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri akhirnya melimpah kepada kelompok M40. Cuma ia secara tidak langsung, sebagai contoh kalau kita tanyakan MRT, LRT dan beberapa kemudahan-kemudahan yang diberikan, ia akhirnya memberikan kemudahan yang luar biasa kepada kelompok M40 tetapi ia tidak dalam bentuk *cash*. Ia tidak dalam bentuk *hand out* yang mereka terima dengan tangan mereka.

Sebab itulah saya rasa, saya cuba menjajarkan ini melihat kepada keperluan. Keperluannya saya sebutkan tadi (program pendidikan, TVET, hadiah masuk universiti dan sebagainya) sebagai satu contoh. Dan lihat juga program pembangunan usahawan kita. Kita pertingkatkan hingga RM36juta untuk tahun 2020. Jadi saya percaya apa yang telah kita laksanakan itu boleh dipertimbangkan tetapi takrifan melihat kemiskinan itu, saya percaya harus dirincikan. Ia bukan melihat M40 dan B40 kepada pendapatan, tetapi juga harus diukur dengan saiz rumah dan juga kualiti hidup sesuatu komuniti dan masyarakat.

Saya percaya apa yang dijuruskan oleh Batang Kali ialah perincian terhadap kelompok miskin dan perincian kepada kelompok menengah yang ada sekarang B40, M40 masih lagi melihat kepada pendapatan dan kita harus bergantung kepada kira-kira dan *solusi* tersebut. Dan kita memerlukan data dan pengurusan data yang lebih detil. Sebab itu kita nak *move to Smart Selangor* yang akhirnya akan melihat kepada *big data analysis*. Melihat data yang lebih rinci dan *accurate* bagi setiap data-data yang dikemukakan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Panjang.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Berkennaan dengan Skim Air Darul Ehsan. Tadi saya ada mendengar Yang Amat Berhormat Menteri Besar menerangkan berkenaan dengan mekanisme. Berkennaan dengan mekanisme ini, ada beberapa persoalan yang timbul. Yang pertamanya, adakah mekanisme ini (pemberian air percuma ini) akan diberikan hanya kepada pemilik akaun? Dan bagaimana pula penghuni-penghuni premis yang menyewa premis tersebut? Adakah mereka ini juga akan layak mendapat Skim Air Darul Ehsan ini?

Yang keduanya adalah soalan berkaitan dengan janji kerajaan yang sebelum ini yang mana sebelum ini menjanjikan bahawa penjajaran air percuma ini disasarkan kepada 25 meter padu. Dan akhirnya kerajaan membuat keputusan untuk mengekalkan 20 meter padu. Jadi, apa sebenarnya perancangan daripada pihak kerajaan? Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih. Untuk soalan pertama, sememangnya dengan pendaftaran Skim Air Darul Ehsan ini kita akan dapat menyampaikan kepada mereka yang selayaknya. Sebab itu kita membuka kepada pendaftaran-pendaftaran ini. Untuk premis-premis yang disewa, akaun itu akan tetap di caj kepada akaun tersebut. Namun bergantung kepada pemilik, ataupun pendaftar tersebut.

Maknanya, kalau didaftarkan kepada nama A, akaunnya nama akaunnya pada akaun tertentu yang milik orang lain. Jadi nama tersebut akan didaftarkan dengan akaun tersebut di caj. Suatu hari nanti, bila A akan berpindah ke premis yang lain, dia harus mendaftar kepada (memberitahu) kepada Air Selangor kerana Air Selangor juga akan caj kepada akaun baru di mana premis-premis yang diadukan. Ia tetap di caj kepada akaun tetapi bergantung kepada nama yang berdaftar dengan pihak Air Selangor untuk menerima Skim Air Darul Ehsan yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri.

Untuk soalan kedua, saya ingin tegaskan kembali Kerajaan Negeri mula mempertimbang untuk 25 meter padu. Dan kita cuba meletakkan di angka RM2,000.00 dan ke bawah. Tapi bila kita lihat RM2,000.00 dan ke bawah, jumlahnya sangat kecil. Penerimanya juga sangat kecil. Sebab itu Kerajaan Negeri dan Air Selangor mencadangkan dalam *retreat* terakhir kita pada Mac tahun ini, kita melihat 'oh, adalah lebih baik kita pertingkatkan penerima daripada RM4,000.00 ke bawah tetapi kitakekalkan kepada 20 meter padu air percuma dalam masa yang sama ia juga melengkapi kepada hasrat yang telah dikemukakan oleh PBB yang saya sebutkan tadi supaya air digunakan secara berhemah dan tidak dilaksanakan (tidak dibazirkan) walaupun ia dilaksanakan secara percuma'. Kenapa tak buat? Sebab kita mempertimbang supaya lebih ramai menerima. Maknanya dengan RM4,000.00 dan ke bawah ini dianggarkan 60% daripada penerima-penerima akaun pada hari ini akan tetap menikmati air percuma yang diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Saya persilakan Yang Berhormat Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PENJANAAN TENAGA SOLAR DI BANGUNAN KERAJAAN**

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah usaha kerajaan supaya semua bangunan kerajaan menjana tenaga solar untuk keperluan tenaga bangunan tersebut di bawah Skim Net Energy Metering yang diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan?

**Y.B. TUAN HEE LOY SAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Kerajaan Negeri komited untuk melaksanakan projek pemasangan solar panel di semua bangunan Kerajaan Negeri selaras dengan seruan dasar Kerajaan Persekutuan melalui Pelan Utama Teknologi Hijau Malaysia 2017 sehingga 2030 berhubung boleh diperbaharui.

Bagi menjayakan hasrat pemasangan solar panel di semua bangunan Kerajaan Negeri, beberapa siri perbincangan telah diadakan bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB). Selain itu pihak TNB juga telah membuat pembentangan bertajuk 'cadangan pemasangan panel solar di bangunan-bangunan Kerajaan Negeri Selangor di bawah Skim Solar Energy Purchase (SEP)' pada Mesyuarat Tindakan Ekonomi Negeri (MTES) pada tarikh 30 Mei 2019. Skim Solar Energy Purchase adalah salah satu pakej di bawah *Enact Energy Metering* yang dikenalkan oleh Kerajaan Persekutuan di mana pengguna atau dalam konteks ini Kerajaan Negeri tidak perlu mengeluarkan modal dan kos pemasangan serta penyelenggaraan sepanjang tempoh kontrak akan ditanggung oleh TNB. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah menimbang taklimat cadangan dan juga meluluskan cadangan pemasangan panel solar di bangunan-bangunan Kerajaan Negeri Selangor iaitu di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS) dan semua 9 Pejabat Tanah dan Daerah di bawah Skim Solar *Energy Purchase* oleh TNB.

Selain itu pihak UPEN diminta untuk mengadakan perbincangan langsung dan terperinci dengan TNB bagi mengkaji semua tempoh kontrak dan juga kadar tarif yang akan dikenakan. Pada satu mesyuarat mengenai cadangan Pemasangan Panel Solar Di Bangunan-bangunan Kerajaan Negeri Selangor yang telah diadakan pada 9 hari bulan Ogos 2019. Pihak TNB memaklumkan bahawa mereka masih lagi dalam peringkat pengiraan kelulusan kawasan pemasangan panel Solar. Cadangan tarif dan juga tempoh kontrak akan dikemukakan oleh kepada UPEN selepas pihak TNB mendapatkan kiraan keluasan pemasangan Panel Solar.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Gasing.

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Soalan tambahan saya ialah, adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa Solar Energy Purchase ini terdapat banyak syarikat dan kemungkinan syarikat Worldwide anak syarikat Negeri Selangor pun akan menceburii bidang ini, jadi adakah kerajaan akan membuat satu tender ataupun *request proposal* untuk bandingkan harga daripada TNB berbanding syarikat lain dan juga yang kedua *Net Energy Metering* yang disebutkan tadi akan tamat pada 31 Disember 2020, jadi adakah permohonan ini akan dibuat sebelum tamatnya Skim *Early Bird Promotion* ini?

**Y.B. TUAN HEE LOY SAN :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gasing. Kita memang hanya setakat ini mendapat cadangan daripada pihak TNB. So tidak masuk *line services provider* dan kita akan mempertimbangkan kalau ada syarikat-syarikat sudi datang untuk memberikan *offer* yang lebih bagus terutama daripada tarif dan juga jumlah tempoh kontrak yang di *offer* itu. So kita memang mengalukan semua syarikat yang terlibat datang untuk memberikan cadangan yang bagus yang lebih menguntungkan Kerajaan Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Banting

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO tentang Bangunan baru yang akan dibina oleh Majlis Daerah Kuala Langat dan banyak lagi bangunan-bangunan baru yang akan dibina oleh PBT. Sama ada mereka perlu menunggu arahan daripada Kerajaan Negeri ataupun mereka boleh berjumba dengan kontraktor-kontraktor swasta di luar untuk menjalankan inisiatif ini kerana daripada jawapan yang dibekalkan tadi nampaknya bangunan PBT khususnya PBT yang akan mempunyai bangunan baru tidak disebut dan kita juga tidak harus lupa ada juga balai raya dan dewan orang ramai yang di selenggara oleh PBT yang sebenarnya ada potensi untuk mereka memasang fasiliti di sini. Jadi saya ingin mendapat jawapan.

**Y.B. TUAN HEE LOY SAN :** Terima kasih Banting. Setakat ini kerajaan hanya menumpukan kepada Bangunan SUK, Bangunan ini dan juga 9 Daerah. So kita juga menggalakkan PBT, 12 PBT supaya juga ada cadangan yang sama. So menggalakkan bangunan mereka kalau sesuai. Bukan semua bangunan sesuai memasang Panel Solar ini kerana ia merupakan bumbung yang rata yang ada kuat dan juga luas yang di mana matahari boleh terus untuk menembusi Solar Panel itu. So saya memang menggalakkan semua supaya mereka boleh buat keputusan sendiri untuk mencari *offer* yang lebih bagus untuk memasang Solar Panel ini.

**TUAN SPEAKER :** Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ya, untuk makluman Yang Berhormat iaitu bangunan baru akan dibina oleh Majlis Daerah Kuala Langat jadi saya rasa ada potensi di situ. Jadi kalau ada masalah dari segi kesesuaian struktur bangunan itu, saya rasa ini mungkin tidak akan jadi masalah untuk Kuala Langat.

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN HEE LOY SAN :** Saya rasa Majlis Daerah Kuala Langat boleh buat keputusan sendiri so tak payah tunggu Kerajaan Negeri. So dia ada hak untuk buat keputusan.

**TUAN SPEAKER :** Ijok

**Y.B. TUAN DR IDRIS BIN AHMAD :** Terima kasih Tuan Speaker. Ijok ingin menanya kepada Yang Berhormat EXCO adakah ....

**TUAN SPEAKER :** Minta Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN DR IDRIS BIN AHMAD :** Yang Berhormat EXCO adakah kerajaan hasrat kerajaan untuk memanjangkan kemudahan *Solar Energy* ini kepada rumah-rumah atau bangunan-bangunan di luar bandar yang jauh di dalam yang tidak ada kemudahan *electricity*.

**Y.B. TUAN HEE LOY SAN :** Saya rasa ini bergantung kepada pihak TNB atau pun kita memang menggalakkan bangunan yang sesuai, di mana ada cadangan juga sekolah-sekolah, bangunan sekolah juga diadakan memasang solar panel ini. Tetapi kadang-kadang struktur bangunan sekolah tidak sesuai untuk memasang solar panel tetapi ada yang sesuai dan TNB saya rasa TNB pihak TNB membuat kajian tentang kaedah ini. So mereka nak memperluaskan supaya pemasangan solar panel boleh diperluaskan selain bangunan kerajaan.

**TUAN SPEAKER :** Hulu Kelang dipersilakan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya no 4.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB (N18 HULU KELANG)**

#### **TAJUK : DASAR PERUMAHAN MAMPU MILIK (DRMM)**

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk memastikan dasar Rumah Selangorku selari dengan DRMM?

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih kepada Tuan Speaker dan juga Yang Berhormat Hulu Kelang yang bertanyakan tentang dasar Rumah Selangorku dan juga dasar Rumah Mampu Milik yang telah dilancarkan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Dasar Rumah Selangorku 2.0 yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri dan telah dikuatkuasakan pemakaianya bermula 2 April 2018. Adalah bertujuan untuk merealisasikan matlamat “**Satu Keluarga Satu Kediaman Yang Selesa dan Sempurna**”. Rumah Selangorku merupakan rumah harga kawalan di mana harga jualan dan pembelinya dikawal sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Harga Rumah Selangorku adalah bermula dari RM42,000.00 sehingga RM250,000.00 seunit yang mana mampu dimiliki oleh golongan berpendapatan rendah sehingga dan juga sederhana.

Dalam merangka dan melaksanakan dasar ini, Kerajaan Negeri bersama-sama Kerajaan Persekutuan telah mengambil langkah dalam memastikan dasar ini mengambil kira enam (6) perkara ataupun kriteria utama perumahan mampu milik yang telah ditetapkan didalam dasar Rumah Mampu Milik oleh pihak Kerajaan Persekutuan jadi saya buat sedikit perbandinganlah 6 kriteria tersebut berbanding dengan dasar rumah Selangorku yang kita laksanakan.

Kalau di dalam perkara pertama kategori harga rumah mampu milik mengikut negeri, ini bawah dasar rumah mampu milik meletakkan harga jualan adalah di bawah RM300,000.00 seunit. Jadi kalau dalam dasar rumah Selangor 2.0 harga yang kita tawarkan adalah RM42,000.00 sehingga RM250,000.00 jadi di dalam kategori yang dinyatakan oleh dasar rumah mampu milik.

Perkara yang kedua ataupun kriteria kedua Piawaian Perumahan Mampu milik kalau di dasar rumah Selangorku, spesifikasi minimum yang kita letakkan untuk unit-unit RSKU ini diadakan supaya unit-unit yang ditawarkan adalah unit-unit yang berkualiti dan setanding dengan produk perumahan harga bebas.

Dan kriteria ketiga, Piawaian Perumahan Rumah Berkualiti, ini juga Kerajaan Negeri cuba menerapkan bahan binaan yang mendapat pengiktirafan SIRIM dan Perakuan Pematuhan Piawaian Bahan Binaan serta galakkan Skim Pensijilan Sistem Penilaian Kualiti Dalam Pembinaan oleh CIDB.

Dan kriteria ke empat dalam dasar Rumah Mampu Milik iaitu kawalan Rumah Mampu Milik. Ini juga kita laksanakan di dalam dasar Rumah Selangorku. Pindah milik hanya dibenarkan selepas lima tahun daripada tarikh Perjanjian Jual Beli yang ditandatangani dan perlu mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

Dan kriteria ke lima dalam dasar Rumah Mampu Milik iaitu Kawalan Pembangunan Rumah Mampu Milik. Ini juga telah menetapkan supaya pemaju membina sama ada dahulu Rumah Selangorku atau bersekali dengan rumah harga bebas. Bagi memastikan unit-unit untuk Rumah Selangorku ini tidak dibina terakhir. Jadi ini juga merupakan kawalan kita terhadap pembangunan RSKU.

Kemudian kriteria terakhir, Kuota Pemilikan Bumiputra. Dasar Rumah Selangorku juga menetapkan syarat Kuota Bumiputra Jenis A dan B sebanyak 70%, Jenis C dan D sebanyak 50%. Jadi ini perbandingan yang kita adalah, antara Dasar Rumah Mampu Milik selari dengan Dasar Rumah Selangorku. 2.0. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Soalan tambahan.

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**TUAN SPEAKER :** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Tuan Speaker. Perkara yang berkaitan dengan Perumahan ini adalah termaktub dalam perisytiharan Hak Asasi Manusia Artikel 17 yang menyatakan setiap orang berhak memiliki harta secara bersendirian atau berkongsi dengan orang lain.

Soalan tambahan saya, di manakah pendekatan hak asasi manusia ini digunakan untuk memajukan peranan kerajaan dalam bidang perumahan dan apabila kedua apabila ia menjadi hak asasi manusia, kerajaan perlu memainkan peranan sebagai pemaju. Di manakah peranan pemaju itu dimainkan oleh kerajaan?

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih kepada Hulu Kelang. Pendekatan Kerajaan Negeri dalam menyediakan keperluan asasi iaitu tempat untuk berlindung atau pun atau sebuah kediaman. Satu adalah dengan menyediakan unit-unit rumah pada harga kawalan, maknanya harga dikawal dan syarat-syarat pemilikan pertama dibuka kepada mereka yang belum ada kemampuan untuk memiliki rumah-rumah harga kawalan ini. Dan pendekatan kedua adalah untuk menyediakan juga unit-unit untuk disewa sekiranya golongan ini belum ada kemampuan untuk membeli atau pun memiliki unit-unit untuk diri mereka.

Jadi dalam skim penyewaan ini kita ada unit-unit di bawah Skim *Smart Sewa* yang ditawarkan kepada mereka yang belum ada kemampuan untuk membeli unit. Soalan kedua, daripada soalan tambahan tadi berkaitan dengan bagaimana Kerajaan Negeri boleh bertindakan sebagai pemaju? Betul. Untuk menyediakan unit-unit rumah harga kawalan ini. Sebenarnya terdapat anak-anak syarikat di bawah Kerajaan Negeri yang sudah pun menjalankan tanggungjawab ini hanya kita perlu melihat dari segi bilangan unit yang diperlukan ya. Termasuk juga pembinaan PPR di bawah Kerajaan Persekutuan juga diambil kira bilangan unit yang maknanya disediakanlah. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat yang nak bertanya berkenaan Rumah Kos Rendah yang berharga RM42,000.00 sebab mungkin Kerajaan telah memberikan subsidi. Adakah kita ada sebarang syarat ataupun terma di mana pembeli tidak boleh menyewakan rumah itu atau pun tidak boleh menjual dalam tempoh berapa tahun? Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih kepada Jeram. Berkaitan dengan syarat pemilikan ya, unit-unit rumah harga kawalan ini. Memang kita ada mensyaratkan bahawa mereka perlu merupakan pembeli atau pun rumah pertama yang mereka milikilah maknanya tidak ada suami atau isteri tidak mempunyai apa mana-mana rumah sebelum ini.

Kemudian mereka juga tidak boleh menjual unit-unit yang mereka miliki itu dalam tempoh lima tahun daripada menandatangani perjanjian jual beli. Jadi selepas lima tahun baru

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

dibenarkan. Kemudian syarat penyewaan, ini juga kita melihat peranan yang dimainkan oleh pihak badan pengurusan bersama atau dengan COB juga MC untuk melaksanakan perkara ini supaya unit-unit RSKU ini tidak disewakan tapi dihuni oleh pembelilah. Melainkan ada bukti bahawa mereka tidak boleh menghuni di situ telah berpindah kerja di tempat yang lebih jauh, jadi tidak memungkinkan mereka untuk tinggal di situ ya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Tuan Speaker. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai dasar tertentu bagi MBI atau pun Kerajaan Negeri untuk memiliki rumah-rumah mampu milik ataupun Selangorku yang digunakan untuk tujuan sewa beli kerana saya melihat kategori yang apa ni nilai rumah itu adalah yang kategori RM200 ribu. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih kepada Sijangkang. Sebenarnya syarat pemilikan adalah sama dengan seperti mana yang saya sebut rumah yang di bawah dasar RSKU ini adalah antara RM42 ribu sehingga RM250 ribu. Jadi mana-mana yang di dalam tu tertakluk kepada syarat yang sama. Jadi ada syarat dia lah.

**TUAN SPEAKER :** Saya persilakan Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya soalan No. 5. Terima kasih.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI (N12 JERAM)**

#### **TAJUK : BAUCER PERAYAAN**

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah relevan bantuan baucar perayaan diberikan pada masa ini dan akan datang?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Speaker, program bantuan secara baucar untuk rakyat miskin bersempena perayaan atau lebih dikenali sebagai Program Jom Shopping merupakan program bantuan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri secara tahunan sejak tahun 2012. Melalui Jawatankuasa Tetap Pembedayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi. Ianya merupakan program bantuan bersempena tiga perayaan utama iaitu Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidil Fitri dan Deepavali. Di mana setiap keluarga yang kurang berkemampuan akan diberikan baucar untuk pembelian barang keperluan bernilai RM100.00 di pasar raya terpilih.

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Objektif program ini adalah untuk meringankan bebanan keluarga yang kurang berkemampuan dalam membuat persiapan menyambut perayaan. Program ini melibatkan peruntukan berjumlah RM8.4 juta setahun dan sasaran tahunan seramai 84,000 orang penerima manfaat.

Program pemberian bantuan secara baucar untuk rakyat miskin bersempena perayaan adalah relevan dan wajar diteruskan memandangkan ianya telah memberi manfaat kepada rakyat miskin di Negeri Selangor. Dalam membuat persiapan bagi menyambut perayaan sejak diperkenalkan pada tahun 2012 program ini telah berjaya membantu seramai 619,293 orang rakyat miskin di Negeri Selangor. Dengan peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri pula adalah sebanyak RM55,727,300.00 walaupun pemberian bantuan RM100.00 dilihat agak kecil nilainya namun rakyat miskin yang berpendapatan rendah dan benar-benar memerlukannya ianya amat bermakna dalam meringankan bebanan mereka semasa membuat persiapan menyambut perayaan.

Oleh itu, program ini masih dilihat relevan untuk diteruskan memandangkan ia merupakan salah satu inisiatif yang dapat membantu meringankan bebanan rakyat miskin di dalam kelompok B40 di kawasan bandar mahupun di luar bandar secara keseluruhannya.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** Yang Berhormat. Saya nak tanya berdasarkan pembentangan belanjawan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Jumaat lepas yang mengumumkan prestasi ekonomi negeri Selangor yang cukup baik, apakah ada cadangan untuk menambah peruntukan untuk Jom shopping ini kalau kita tengok daripada tahun 2008, RM100.00. Mungkin ada keperluan untuk ditingkatkan kepada mungkin RM200.00 ataupun RM150.00. Terima kasih.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Terima kasih Kota Anggerik. Sebenarnya bukan bermula daripada 2008 dia sebenarnya bermula dengan bantuan hamper dulu ya yang bernilainya berbeza-beza dan pada tahun hanya 2013 kita telah seratakan kepada RM100.00 kepada semua pihak. Semua perayaan.

Bagaimanapun memang kita sedar kita ada program apa tu belanjawan yang begitu menawan tapi perlu diingatkan program di bawah IPR banyak yang telah kita tambahkan dan memerlukan dana yang begitu besar ya. Kita perlu ada satu belanjawan bukan sahaja untuk tahun ini dan tahun hadapan tapi kita perlu ada *sustainability* di situ maka saya percaya dengan RM100.00 yang kini ditawarkan adalah sangat wajar. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Soalan Tambahan. Adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk menyelaraskan cara penerimaan baucar tersebut di seluruh DUN kerana seperti yang dilihat sekarang baucar tersebut diberikan kepada DUN dan DUN menentukan sendiri bagaimana kaedahnya untuk rakyat menerima ada

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

setengahnya membuat pendaftaran dan setengahnya mencari wakil untuk diberikan dan mencari orang-orang susah dan sebagainya. Adakah kita mahu menyelaraskan kaedah pendaftaran ini dan mewar-warkan agar ianya selaras di semua DUN-DUN yang ada. Terima kasih.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Terima kasih Dusun Tua. Setahu saya sudah pun diselaraskan. Kita benarkan PKN iaitu Pusat Khidmat Rakyat untuk menentukan siapa penerimanya dengan juga mengambil kira pendapatan keluarga mereka. Kalau setiap DUN itu mereka sendiri yang memilih bagi kepada Ketua Kampung dan Ahli Majlis dan sebagainya itu adalah *own discretion* sebenarnya Pusat Khidmat kita telah selaraskan semua mendapat syarat yang sama. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sentosa.

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R.GEORGE :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin tanya, soalan tambahan berkenaan memandangkan program ini cukup berjaya dan juga baucar perayaan ini disukai ramai tetapi ia ni hanya untuk tiga perayaan utama adakah kerajaan ada hasrat untuk memberikan baucar perayaan ini untuk Hari Krismas atau Hari Wesak dan sebagainya. Terima kasih.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Terima kasih Sentosa sebenarnya soalan tersebut telah pun ditanya dalam soalan bertulis. Ingin saya menyatakan di sini, saya kurang pasti siapa yang tanya tu. Bagaimanapun ingin menyatakan di sini pada awal, apabila program Jom shopping ini diperkenalkan ianya sebenarnya disasarkan kepada tiga kaum utama bukan kepada perayaan sebenarnya.

So, apabila mereka mengambil tiga kaum utama Melayu, Cina dan India. Mereka telah meletakkan sasarannya kepada Aidil Fitri, Tahun Baru Cina dan juga kepada Deepavali. Dan memandangkan Krismas dan juga Hari Wesak mereka-mereka yang terlibat juga terlibat bersama mereka boleh mendapat manfaat melalui Tahun Baru Cina dan juga Deepavali. Maka saya percaya program yang sedia ada kita kekalkan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Kandis

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya berkenan dengan Jom shopping ini kita lihat hari ini ia hanya melibatkan pasar raya-pasar raya besar, Mall yang sudah mempunyai pelanggan besar. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk memperluaskan baucar ini boleh ditunaikan di Mart ataupun di kedai-kedai runcit yang diusahakan oleh masyarakat luar bandar dan penyerahan baucar itu boleh di buat di dewan yang besar kemudian redeem nya itu dibuat di Mart-mart yang ditetapkan.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Terima kasih Sungai Kandis. Saya sebenarnya kita bukan sahaja ini perkara ini telah langsung semenjak 2012 lagi. So, apabila 2013 kita nak seratakan kita memang ambil kira perkara-perkara begini dan kita boleh nampak apabila cut case dan sebagainya kita memang melibatkan pemain-pemain, peniaga-peniaga yang kecil seperti Mart dan sebagainya. Tapi untuk Tahun Baru ataupun perayaan kita boleh nampak satu jumlah yang begitu ramai iaitu tidak kurang daripada 300 orang ataupun 500 hingga 800 orang.

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

So, kita nampak daripada dari segi pengurusan, penyelarasan UPEN melibatkan ini melibatkan *cash voucher* ya kita tidak hendak ada sebarang penyalahgunaan dan juga apabila masyarakat yang membeli belah tu mereka perlukan barang yang mereka hendak dengan choice yang begitu besar. So, adalah telah diputuskan beberapa saringan perbincangan di bawah UPEN dan juga masa tu dengan wakil-wakil daripada Pusat Khidmat dan sebagainya. Pasar raya adalah yang terbaik. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Saya mempersilakan Yang Berhormat Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya soalan No. 6.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(N51 SIJANGKANG)**

#### **TAJUK : BAS SMART SELANGOR**

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah perbelanjaan tahunan semenjak program Bas Smart Selangor ini dimulakan?
- b) Pengangkutan awam adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengkaji semula program ini dan diserahkan kepada Kerajaan Pusat?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih Sijangkang. Tuan Speaker. Program Bas Smart Selangor merupakan salah satu daripada 33 program Insentif Peduli Rakyat (IPR) dan telah dimulakan pada 1 Julai 2015. Sejak ianya dilaksanakan, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM81 juta dan Pihak Berkusa Tempatan telah membelanjakan sebanyak RM25 juta dengan jumlah sebanyak RM106 juta bagi meneruskan perkhidmatan bas ini di 43 laluan dengan 138 buah bas.

Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun pembangunan sistem pengangkutan awam termasuk perkhidmatan bas merupakan tanggungjawab yang perlu disediakan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif sendiri untuk memperkenalkan perkhidmatan bas percuma bagi mengatasi permasalahan berkaitan pengangkutan awam di Negeri Selangor akibat daripada kekangan Kerajaan Pusat ketika itu dalam memenuhi keperluan penambahaikan di dalam sistem pengangkutan awam.

Keperluan untuk menyediakan sejumlah peruntukan yang sangat besar bagi tujuan ini oleh Kerajaan Negeri dengan sumber kewangan sedia ada adalah amat terhad untuk projek-projek pembangunan yang lebih penting atau perlu diutamakan. Walau bagaimanapun,

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Kerajaan Negeri pada masa ini masih mampu meneruskan program ini dengan kerjasama 11 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat, malah mengesyorkan supaya pelaksanaannya dapat diteruskan oleh PBT-PBT pada masa hadapan.

Kerajaan Negeri juga amat berbesar hati sekiranya Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk mengambil tanggungjawab ini ataupun memberikan peruntukan sewajarnya bagi memastikan pengangkutan awam di Negeri Selangor khususnya perkhidmatan bas ini kekal relevan dan memberi manfaat kepada semua. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Meru.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Yang Berhormat saya nak bertanya tentang kewajaran Smart Bas Selangor ni berkaitan memberi perkhidmatan kepada warga asing. Saya ingat sasaran kita sebenarnya untuk warga tempatan kita, warga kita. Jadi mungkin ada satu tindakan atau pun cadangan daripada pihak kerajaan sendiri untuk mengawal ataupun mengenakan bayaran kepada warga asing untuk menambah hasil kepada Kerajaan Negeri. Mungkin ada pandangan.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Seperti yang dalam telah dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar dalam Belanjawan Selangor 2020 pada Jumaat lepas, saya bacakan ya. Bagi tahun 2020 Kerajaan Negeri akan memperkenalkan caj bayaran perkhidmatan Bas Smart Selangor sebanyak RM1.00 kepada warga asing yang menaiki Bas tersebut. Bagaimana bagi warga negara Malaysia perkhidmatan ini adalah kekal percuma. Sebenarnya persepsi yang mengatakan warga asing tu penggunaan warga asing tu tinggi adalah kurang tepat. Saya bagi contoh ya contoh satu PBT kawasan luar bandar iaitu Hulu Selangor.

Mengikut statistik sehingga September tahun ini di Kuala Selangor eh di Hulu Selangor. Majlis Daerah Hulu Selangor hanya 2% penggunaannya adalah warga asing dan nanti biar saya habis dulu. Dan bagi berdasarkan kajian kepuasan penumpang Bas Smart Selangor di kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam, penggunaan warga asing hanya 9%. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Meru tadi bagi bola tanggung. Sila kan.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Saya nak menambah sebab situasi di tempat saya di Meru penuh dengan warga asing sebab mungkin tidak sama di tempat lain. Sebab tu saya bangkitkan soalan ini kepada pihak kerajaan supaya dapat menilai juga di kawasan-kawasan yang mungkin terlepas pandang lebih-lebih lagi Meru baru lagi. Baru perkhidmatan ini dimulakan di Meru tapi sasaran tu tidak sampai apabila banyak digunakan oleh warga asing. Saya timbulkan benda ni mungkin tidak sampai lagi maklumat di pihak kerajaan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Mulai tahun depan kita akan mulakan caj atas warga asing.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Jeram.

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat saya hendak bertanya, Jeram lah, Jeram. Come on lah...Jeram. Ah. Yang Berhormat nak tanya kaedah apa yang digunakan untuk mengutip ataupun memungut duit yang bayaran itu, bagaimana nak kenal pasti dan sebagainya.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Yang tu masih belum dikenal pasti tapi tentunya I/C adalah satu kaedah yang paling senang dan kami akan cuba mengamalkan kaedah cashless tanpa tunai. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Saya minta Ijok seterusnya soalan.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan Ijok No. 7.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD (N11 IJOK)**

#### **TAJUK : PROJEK HORAS**

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah status ganti rugi atau pampasan yang dijanjikan GLC Negeri Selangor terhadap kerosakan tanaman dan kebun disebabkan oleh kerja-kerja di projek HORAS?
- b) Sila jelaskan bentuk pampasan yang akan diberi kepada pengusaha kebun.

**Y.B. TUAN IR IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat Ijok. Tuan Speaker, Ijok bertanyakan berhubung dengan isu pampasan atau ganti rugi yang dijanjikan oleh GLC negeri Selangor terhadap kerosakan tanaman dan kebun disebabkan oleh kerja-kerja di Projek Horas. Projek Horas ataupun *Hybrid of River of Maintenance System* yang sini merujuk kepada Horas, 600 di Lembangan Sungai Selangor, Bestari Jaya dilaksanakan dengan menggunakan kaedah pengeluaran dan pemindahan pasir sebagaimana yang ditetapkan oleh Jabatan-jabatan Teknikal dan kelulusan Laporan Kajian Impak Alam Sekitar atau EIA dan telah siap dan beroperasi pada tahun 2018. Sepanjang tempoh operasi pelaksanaan projek, tidak pernah ada ganti rugi atau pampasan yang khusus dijanjikan pada mana-mana pihak kerana pihak Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Atau KSSB sentiasa memastikan pelaksanaan HORAS tidak memberi kesan negatif kepada pengusaha-pengusaha kebun di kawasan sekitar. Dan pihak berwajib termasuk LUAS, JPS sentiasa memantau pelaksanaan projek berkenaan.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Ijok.

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat, saya dapat aduan kawasan-kawasan yang pinggir (kawasan HORAS itu) banyak pengusaha ataupun tuan punya kebun-kebun oleh sebab banjir yang berlaku dan juga banjir lumpur-lumpur yang telah melimpah ke tanah mereka, banyak tanaman-tanaman mereka sudah rosak lagi-lagi pokok-pokok durian dan juga bila banjir lumpur melimpah ke tanah mereka, tanah mereka sudah tak jadi subur. Jadi itu saya (Ijok) ingin menanyakan bagaimana kita nak mengatasi kerugian pengusaha-pengusaha ataupun pemilik-pemilik tanah di kawasan itu?

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat Ijok. Berhubung dengan isu berkaitan dengan aduan sama ada kesan daripada banjir ataupun daripada kera-kerja pembangunan, ini adalah perlu dibuat aduan secara rasmi dan pihak berwajib akan mengambil tindakan membuat siasatan kerana sebarang aduan yang diterima berhubung dengan sebarang pembangunan tanah termasuklah HORAS akan dibuat siasatan dengan terperinci kerana pengalaman-pengalaman yang kita lalui mendapati kadang-kadang aduan ini tidak berkait kadang-kadang. Kerana kawasan banjir ini dia melibatkan pelbagai pembangunan di kawasan berkenaan.

Jadi untuk kita meletakkan terus khusus kepada HORAS merupakan satu tindakan yang agak tidak sesuai. Walau bagaimanapun, kajian atau siasatan terperinci dan jika didapati betul maka kita akan mengambil tindakan susulan untuk memastikan bentuk pampasan yang bersesuaian diberikan kepada mereka-mereka yang menjadi mangsa kepada pembangunan ini. Ini bukan saja kepada HORAS ya. Tetapi sebarang bentuk pembangunan yang lain. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Saya persilakan Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya 8.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAUK : PENCEMARAN BAU SUNGAI SEMENYIH**

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Pencemaran bau kerap berlaku di Sungai Semenyih pada tahun ini. Apakah punca dan cara-cara kerajaan untuk mengesan dan mengurangkan perlepasan kandungan ammonia yang terlalu tinggi ke dalam sungai?
- b) Senaraikan nama individu dan syarikat yang didakwa di mahkamah kerana mencemarkan sungai.
- c)

**Y.B. TUAN HEE LOY SAN :** Terima kasih Y.B. Banting. Tuan Speaker, Sungai Semenyih merupakan sungai yang membekalkan sumber air kepada loji pembersihan

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Sungai Semenyih. Berdasarkan statistik pencemaran dan juga henti tugas loji pencemaran Sungai Semenyih disebabkan oleh efluen dari industri di bahagian hulu sungai.

Selain itu, terdapat juga individu yang tidak bertanggungjawab membuang sisa bahan terjadual seperti pelarut sama ada di rizab sungai atau di dalam sungai yang seterusnya menjelaskan kualiti air Sungai Semenyih.

Peningkatan kandungan ammonia biasanya adalah dari aktiviti pelepasan efluen loji rawatan kumbahan tidak terawat. Aliran air kurasan ataupun *leachate* dari tapak pembuangan sampah haram ataupun dari aktiviti penternakan tanpa sisa rawatan efluen. Pencemaran sungai berlaku ada di antaranya menyebabkan henti tugas loji pembersihan air jika melebihi had ditetapkan bagi piawaiannya kualiti air mentah. Maka bagi mengelakkan isu pencemaran ini berulang, Kerajaan Negeri melalui LUAS telah melaksanakan langkah dan kawalan dan juga pencegahan seperti berikut :-

- a) Memberikan cadangan kepada Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim iaitu (MESTEC) bagi penambahbaikan peraturan-peraturan kualiti alam sekeliling yang berkaitan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 iaitu pelepasan IWK pada masa akan datang akan diambil kira juga bau yang dilepaskan. Setakat ini, IWK boleh melepaskan air dengan berbau. Mereka tidak salah dari segi undang-undang kerana memang dibenarkan;
- b) Mengadakan perbincangan dan juga tindakan susulan melalui dua jawatankuasa yang ditubuhkan iaitu Mesyuarat Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Sungai Selangor dan Sungai Langat yang dipengerusikan oleh Pengarah LUAS dan juga Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai dan Pantai Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh EXCO Infrastruktur dan juga Kemudahan Awam;
- c) Mengambil tindakan penguatkuasaan, melaksana dan juga mengemas kini inventori punca pencemaran di Sungai Semenyih, Sungai Beranang dan Sungai Rinching berdasarkan kajian guna tanah dan inventori aktiviti di rizab sungai yang telah dilaksanakan;
- d) Menjalankan pemantauan statistik dan juga pensampelan selama 24 jam di lokasi utama yang menyebabkan pencemaran. Sebagai contoh pemantauan pencemaran bau di Sungai Semenyih dan Sungai Buah dan menjalankan kerja-kerja pembersihan dengan melantik kontraktor pembersihan bertauliah jika melibatkan bahan sisa terjadual;
- e) Melaksanakan pembinaan stesen kuantiti dan juga kualiti sumber air di lembangan sungai bagi melengkapi rangkaian stesen sedia ada. Pembangunan stesen di Sungai Selangor dan Sungai Langat telah siap dan diguna pakai bagi tujuan pemantauan secara telemetri;
- f) Meningkatkan pengambilan kakitangan penguatkuasaan bagi memperkasakan penguatkuasaan undang-undang dan juga peraturan LUAS;

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

- g) Menjalankan tindakan penguatkuasaan secara bersepada bersama agensi teknikal dan juga pihak berkuasa tempatan berkaitan dan pejabat tanah daerah dengan mengoptimumkan pelaksanaan undang-undang iaitu arahan bagi memastikan sumber air terpelihara.

Berikut merupakan individu ataupun syarikat yang telah didakwa di mahkamah kerana mencemarkan sungai :-

- a) Muhibbah Mok Sdn. Bhd. Iaitu tahun 2013 di bawah Seksyen kesalahan 79(1) Enakmen LUAS 1999 iaitu pertuduhan melepaskan bahan buangan yang mengandungi minyak tanpa lesen daripada Pengarah LUAS telah disabit dengan kesalahan dan dihukum denda sebanyak RM5,000.00;
- b) Juga melibatkan *company* merupakan individu Muhibbah Mok Workshop Sdn. Bhd. iaitu 2013. Kesalahan yang sama, tuduhan yang sama dan juga status kes didenda sebanyak RM5,000.00;
- c) Yang melakukan individu dan syarikat iaitu Ng Kim Bok Realty Sdn. Bhd. Tahun 2013 seksyen sama iaitu 79(1) Enakmen LUAS 1999 melepaskan bahan buangan mengandungi minyak tanpa lesen daripada Pengarah LUAS telah disabit dengan kesalahan dihukum denda sebanyak RM5,000.00;
- d) Yang individu syarikat itu iaitu H'ng Soo Chiew dan juga Ng Kim Bok (2013) sama juga di mana setiapnya didenda sebanyak RM2,500.00;
- e) Ini lebih berat sikit iaitu Masgenuine I-Berhad pada tahun 2018. Kesalahan di bawah 50(3) Enakmen LUAS 1999 gagal mematuhi perintah lembaga di bawah peraturan 4B surat arahan bertarikh 19 Mac 2013 dan dikeluarkan di bawah Seksyen 50(2)(E) Enakmen Lembah Urus Air Selangor 1999 telah disabit dengan kesalahan dan hukum denda sebanyak RM45,000.00;
- f) Individu Devara a/l Samugam dan juga Madhuraviran Pillai a/l Negasawara di mana enakmen yang sama 79(1)(b) Enakmen LUAS dan orang yang kena salah yang pertama masih dalam prosiding perbincangan perbicaraan, yang kedua telah mengaku salah dan dihukum denda sebanyak RM25,000.00 (ini amat berat sikit).

So, inilah merupakan individu syarikat telah pun dikenakan hukuman ya.

Dan berdasarkan kejadian pencemaran bau di Sungai Semenyih pada tahun ini. Setakat ini masih tiada individu dan juga syarikat yang didakwa di mahkamah. Walau bagaimanapun, beberapa tindakan telah diambil seperti berikut :-

- a) Pada 26 Jun 2019 syarikat yang terlibat ialah Ngo Chew Hong yang menghasilkan pengeluaran minyak masak. Premis ini telah dikenakan penahanan operasi kelengkapan selama 2 minggu dan teruskan penyitaan oleh MPKJ selama 39 hari. Jumlah kerugian yang terpaksa ditanggung oleh pihak syarikat kesan penyitaan ialah lebih kurang RM120juta. Rugilah syarikat ini. Rugi RM120juta. Walau bagaimanapun, tindakan mahkamah tidak diambil kerana bau sawit bukan

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

merupakan bahan toksik dan tidak disenaraikan dalam hak yang perlu dipatuhi. Dalam tempoh penahanan, pihak syarikat telah berusaha untuk membaiki segala kerosakan dan juga peningkatan keupayaan loji Rawatan Air buangan premis mereka. Sekarang telah mematuhi sepenuhnya keperluan piawaian JAS;

- b) Pada 28 September 2019, pencemaran bau *solvent* disebabkan orang yang tidak bertanggungjawab membuang *solvent* dalam saluran paip pembetungan IWK melalui *main hole* IWK di kawasan perumahan Seksyen 7 Bukit Mahkota, Bangi, Selangor. Suspek masih tidak dapat dikesan, masih diteruskan pengesahan.

Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya berkenaan dengan Sungai Semenyih ini kerana ianya merupakan insiden ini telah pun berlaku lebih daripada dua tiga kali untuk tahun ini. Saya meneliti jawapan yang dibekalkan dan mendapati bahawa kebanyakannya tindakan penguatkuasaan ini adalah diperjalanan pada tahun 2013 dan di bawah Enakmen LUAS sahaja. Saya ingin bertanya, adakah mungkin terdapat tindakan penguatkuasaan yang lebih rapi daripada Jabatan Alam Sekitar di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar yang boleh mengenakan hukuman penjara dan bukan semata-matanya hukuman denda sahaja supaya pencemar-pencemar kronik yang berulang-ulang ini akan dikenakan tindakan jenayah dan bukannya sekadar saman dan juga denda.

**Y.B. TUAN HEE LOY SAN :** Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Banting. Memang Jabatan Alam Sekitar mempunyai Rang Undang-undang yang boleh mengawal pencemaran terutama pelepasan daripada industri-industri. So, untuk Akta Kualiti Alam so mereka kalau disabit kesalahan boleh denda sebanyak sehingga RM100,000.00 ataupun penjara 5 tahun ataupun kedua-dua sekali. So ini merupakan satu akta yang sedia ada yang kita boleh diguna pakai untuk mengambil tindakan terhadap industri yang ingkar, yang di mana terus melakukan kesalahan di bawah undang-undang Enakmen Alam Sekitar.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Tadi, ya. Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Terima kasih Tuan Speaker. Baru-baru ini kita dapat berita tentang pencemaran di Sungai Pelumut (Seksyen U6 Kota Damansara). Jadi saya minta Yang Berhormat EXCO beritahu sekiranya ada tindakan (sebarang tindakan) atau dakwaan ataupun denda yang telah dikenakan kepada individu ataupun syarikat tersebut yang terlibat dalam pencemaran Sungai Pelumut di Seksyen U6 jika ada. Terima kasih.

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN HEE LOY SAN :** Tuan Speaker, oleh kerana soalan ini keluar daripada tajuk, tajuk ini ‘Sungai Semenyih’ ya. So, saya tak ada yang terperinci tentang pencemaran di Sungai Pelumut ini. So, saya akan merujuk kepada Pejabat Alam Sekitar untuk dapatkan maklumat.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Semenyih.

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ HANAFI :** Ok. Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Saya terpanggillah kerana Semenyih disebut-sebut ya. Terima kasih membangkit perkara ini. Tapi yang buruk Semenyih jugalah. Tapi saya rasa sungai merupakan punca penting ya. Jadi soalan saya bahawa Semenyih ini merupakan tempat yang begitu diberi sensitif pada bukan peringkat di Selangor saja, tapi kita di Hulu Langat. Di Selangor penggunaan dia tapi di peringkat Wilayah Persekutuan juga menggunakan air di Semenyih ini.

Jadi saya (pertama soalan saya) penempatan kebanyakan kilang-kilang (penempatan di Semenyih ini) di sekitar jajaran Sungai Semenyih ini penempatan kilang-kilang yang berpotensi mencemarkan contoh Ng Chew Hong ya, kilang dan banyak kilang-kilang lain (kilang-kilang haram lain) patut ditempatkan di setempat yang lebih baik. Itu yang pertama. Yang kedua saya rasa

**TUAN SPEAKER :** Satu soalan saja. Yang pertama, satu soalan saja. Mana soalan? Ha...

**Y.B. HEE LOY SIAN :** Terima kasih yang berhormat Semenyih, yang sangat prihatin terhadap kilang-kilang, yang haram di sekitar kawasan sungai Semenyih ini dan untuk makluman Yang Berhormat, kita Kerajaan Negeri Selangor sedang merancang untuk memutihkan ataupun memindahkan kilang-kilang sedia ada di sepanjang sungai Semenyih ini. Dan proses tengah buat, di mana dibawa portfolio Yang Berhormat Ng Sze Han, di mana kita bagi tempoh yang cukup untuk mereka memulihkan kilang-kilang ini ataupun pindah ke kawasan yang lebih sesuai.

Untuk makluman yang berhormat, kilang Ng Chew Hong telah pun beroperasi di sana lebih 30 tahun dah dan sebelum ini, kilang ini memang ada masalah dari segi pelepasan *air flow* dan juga bau ke udara, tapi selepas mesyuarat dengan kilang ini, mereka telah pun bersetuju untuk membelanjakan kewangan sejumlah RM5 juta untuk membaikkan keadaan kilang sekarang. Iaitu di mana mereka pastikan air itu ditapis dengan piawaian yang diberikan. Udara juga ditapis dengan mechanism, kipas ataupun apa untuk dia menapis udara sebelum mereka keluar. Udara itu dilepaskan di udara. So, mereka memang telah pun berusaha untuk melabur RM5 juta untuk, untuk, untuk memastikan kilang itu tidak melepaskan udara yang kotor dan air yang kotor ke sungai Semenyih.

**TUAN SPEAKER :** Morib.

**4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN**

**(N53 MORIB)**

**TAJUK : ISU PEDULI SIHAT DAN KASIH IBU SMART SELANGOR (KISS)**

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selepas proses pengemaskinian Peduli Sihat dan KISS adakah pihak EXCO Kesihatan, Kebajikan dan Pemerdayaan Keluarga membuat penambahan kuota untuk penerima yang layak tersenarai di dalam e-Kasih dan BSH?

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN :**

Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor sembilan.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :**

Terima kasih Yang Berhormat Morib. Sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor, Kerajaan Negeri akan membuat penambahan bilangan penerima program (KISS) sebanyak lima ribu orang pada tahun 2020. Ini bermakna, sejumlah 1312 orang yang layak menerima tetapi sebelum ini terkeluar kerana melebihi kuota, akan Insyaallah layak mendapat (KISS) ini. Dan Kerajaan bagi Skim Peduli Sihat pula, pada tahun 2020, Kerajaan Negeri bersetuju menambah bilangan penerima sebanyak 20 ribu orang dan menjadikan jumlah peruntukan kepada RM42.5 juta, ini akan memberi manfaat pada 85 ribu penerima berbanding sebelum ini yang menerima adalah 65 ribu orang sahaja. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Morib, silakan.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN :**

Soalan tambahan, berkaitan dengan kad (KISS) ini, yang mana penerima untuk setiap DUN telah ditetapkan beberapa mengikut kuota dan contoh untuk DUN Morib telah diperuntukkan dua ratus, tapi yang lulus seratus, jadi kemudian, apabila kita membuat rayuan hanya beberapa tambahan. Maknanya dalam sekitar sepuluh orang sahaja yang diluluskan. Jadi, saya rasa dari segi pengemaskinian penerima ini agak lewat ataupun agak perlahan dan juga saya bimbang apabila tambahan ini dilakukan akan benda yang sama akan berlaku. Jadi, bagaimanakah untuk kita mempertingkatkan dari segi proses dan juga dari segi mendapat penerima apa ini, keputusan yang lebih cepat.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :**

Terima kasih diatas soalan berikut, tersebut Yang Berhormat. Yang Berhormat Morib, kalau mengikut data yang ada pada saya, kuota untuk DUN Morib ada 314 orang dan yang layak sebelum ini 199 orang. Kami telah pun menghubungi kesemua pejabat DUN supaya mengemukakan permohonan-permohonan yang layak dan sekarang sedang ditapis oleh UPEN. Cuma kadang-kadang apa berlaku, pejabat-pejabat DUN tidak mengemukakan borang ataupun dokumen yang mencukupi.

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Misalnya, mereka yang ada e-Kasih dan juga mendapat BSH, apabila permohonan di masukkan, maka kita perlu dokumen-dokumen itu. Dan kita akan mempercepatkan tapi kita ada masa sampai akhir tahun ini untuk kita menjajar semula. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Pandamaran.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat Exco, Cuma nak tanya. Tambahan lima ribu ini, akan diagihkan mengikut DUN ke ataupun sesiapa juga boleh buat permohonan. Terima Kasih.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Ok, tambahan lima ribu ini, pertama kita kena dahulukan seribu seratus, seribu tiga ratus dua belas orang yang mereka ini memang layak tapi hari itu melebihi kuota. Selepas itu kita akan tengok semula, di manakah DUN-DUN yang masih itu dan kita akan buka untuk permohonan. Insyaallah.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Melawati.

**Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI :** Tuan Speaker, soalan saya nombor sepuluh.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI**  
**(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2020**

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah perancangan baharu Kerajaan Negeri dalam menggalakkan kedatangan pelancong ke Negeri Selangor sempena Tahun Melawat Malaysia 2020?

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Melawati. Tuan Speaker, saya ingin menjawab soalan Bukit Melawati bersama-sama dengan soalan-soalan daripada Yang Berhormat Rawang, nombor 65, Yang Berhormat Sungai Tawar, nombor 132 dan Yang Berhormat Dengkil, nombor 150. Dan soalan-soalan berikut adalah berkaitan dengan rancangan pelancongan Negeri Selangor pada tahun 2020 bersempena dengan tahun Melawat Malaysia 2020.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri Selangor telah merancang beberapa pendekatan dan strategi promosi pelancongan bagi menyokong kempen melawat Malaysia 2020 seperti berikut:

- i- Meningkat penyertaan siri promosi pelancongan dalam dan luar negara.
- ii- Penganjuran program FAM Trip yang lebih "market of us".
- iii- Penganjuran acara pelancongan bertaraf antarabangsa di Negeri Selangor

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

- iv- Memperkasakan kempen promosi pelancongan dan pengiklanan pelancongan negeri.
- v- Memberi penekanan kepada segmen pelancongan yang fokus.

Tuan Speaker, bagi meningkatkan penyertaan siri promosi pelancongan dalam dan luar negara, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor dan UPEN telah bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dan menyertai beberapa siri promosi di luar negara seperti (WTM) ataupun World Tourism Market di London, ITB Berlin, Arabian Travel Market atau (ATM) Dubai, (CITM) ataupun China Tourism Market di China dan beberapa lagi yang akan dikenal pasti oleh pihak Kementerian Pelancongan.

Penyertaan Kerajaan Negeri Selangor di peringkat antarabangsa akan lebih memberi fokus kepada strategi kepada B2B ataupun (*Business to Business*) dan juga B2C ataupun (*Business to Consumer*) bertujuan meningkatkan kedatangan pelawat dan pelancong ke negeri Selangor melalui pendedahan, penjualan pakej pelancongan dan kerjasama yang akan dimeterai bersama operator pelancongan di luar negara.

Kerajaan Negeri juga akan memperkasakan “Sales Mission” mengikut fokus pelancongan Negeri Selangor seperti pasaran Jepun, India, China dan Program ini akan dipanjangkan kepada pasaran yang baharu seperti Eropah, Timur Tengah dan Australia.

Bagi pasaran domestik pula, penyertaan di dalam program Ekspo promosi seperti MATTA Fair, MITA Fair Program Promosi Jelajah Negeri-Negeri di Malaysia dan Skuad Kembara Sekolah akan dipergiatkan lagi.

Seterusnya Kerajaan Negeri Selangor melalui UPEN dan Tourism Selangor akan berkerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan atau (PBT) dan penggiat industri pelancongan dan kebudayaan di dalam penganjuran FAM Trip bersama media dan operator agensi pelancongan untuk melawat, melihat dan merasai sendiri pengalaman produk-produk pelancongan yang berpotensi di Negeri Selangor. Pendekatan kaedah FAM Trip ini lebih kreatif dan bersahaja dengan penyertaan *Media Influencer* serta *Key Opinion Leader* (KOL) diyakini akan memberi liputan, impak dan pulangan yang lebih besar kepada Kerajaan Negeri secara menyeluruh.

Bagi perancangan pelancongan tahun 2020, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor juga turut mensasarkan penganjuran acara pelancongan bertaraf antarabangsa seperti Selangor International Indigenous Art Festival 2020, Malaysia Women Marathon 2020, Selangor Konsitif Marathon 2020, Tourism Selangor Golf Championship 2020, Selangor Raja Muda International Dragon Regatta 2020, Retromania Gathering dan WINGS Kuala Kubu Bharu 2020 yang terbukti memberi impak yang besar kepada keseluruhan gerakan pelancongan domestik dalam dan luar negara.

Kerajaan Negeri juga akan memberikan sokongan di dalam penganjuran acara Super GT Malaysia 2020 di SIC Sepang pada 17 dan 18 Julai 2020 yang dijangka menarik ramai pelancong di peringkat antarabangsa dan rantau Asia. Bagi memastikan impak dan tumpuan industri pelancongan negeri terus dipacu dengan bersepadu dan sistematik, Kerajaan Negeri terus menerus komited dengan kempen melawat Malaysia 2020 bagi kejayaan ini, Kerajaan Negeri akan memperkasakan kempen pengiklanan di media cetak dan elektronik di peringkat domestik dan antarabangsa, antara lain ialah, pengiklanan

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

billboard '*unipole*' di 5 lokasi strategik termasuk Langkawi, Pulau Pinang, Melaka, Johor Bharu dan Perak.

Pengiklanan Digital di tujuh (7) lokasi strategik termasuk KLIA, KLIA2, KKIA, ETS, BTS, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang dan di sepanjang Lebuh raya Persekutuan. Pengiklanan di pesawat di Aircraft termasuk *vessel body wrap* dan *internal compartment wrap* dan promosi media sosial termasuk Facebook, Instagram, Google, serta WeChat dan Weibo dalam bahasa asing dan pada masa ini kita telah melancarkan segmen-segmen dalam website, dalam bahasa asing termasuk Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina, Jepun dan Bahasa Arab.

Perancangan aktiviti promosi ini akan diperincikan mengikut kesesuaian dan kemampuan kewangan semasa bagi memastikan kempen promosi pelancongan mempunyai nilai pulangan ROI (*Return of Investment*) yang tinggi dan berkesan. Melalui Jawatankuasa Tetap Negeri juga, kita telah mengenal pasti beberapa segmen pelancongan yang berpotensi menarik ramai pelancong, pengunjung akan berkunjung ke dan melawat di Negeri Selangor antaranya ialah pelancongan perubatan dan kesihatan atau *medical and wellness*, pelancongan Cruise atau kapal persiaran mewah.

Pada Tahun 2020 Kerajaan Negeri juga menyasarkan untuk memperkasakan serta menjenamakan Negeri Selangor sebagai pusat pelancongan Golf pertama negara dan memberi tumpuan dan sokongan kepada penganjuran Johan Golf bertaraf antarabangsa. Kerajaan Negeri juga akan memberi fokus kepada promosi pelancongan perubatan dan kesihatan dengan kerjasama MHTC ataupun (*Malaysian Healthcare Tourism Council*) dalam beberapa penganjuran program promosi tempatan mahupun antarabangsa seperti pameran Eskpo pelancongan, FAM Trip dan Majlis-majlis Anugerah.

Selari dengan agenda Klusterisasi Ekonomi Negeri Selangor, Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri akan memberikan fokus terhadap pelancongan pelayaran mewah ataupun (*Cruise Tourism*) yang telah dikenal pasti di bawah Kluster Pelabuhan dan Maritim. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri bercadang untuk membina Pusat Informasi Pelancongan ataupun (TIC) di BCC, di Port Klang pada tahun 2020 yang dijangka akan memberi liputan, pendedahan dan nilai tambah kepada industri pelancongan negeri untuk jangka masa yang panjang.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin memberikan sedikit makluman kepada tuan-tuan dan puan-puan, Yang Berhormat-Yang Berhormat, iaitu bagi tahun 2019, Negeri Selangor telah menerima tiga anugerah daripada Tourism Malaysia iaitu: Best Golf Ration Destination 2019, kedua Tourism Event Conveyer 2019 yang dilaksanakan pada 25 Oktober yang lalu dan kita juga menerima satu anugerah iaitu Best Travel Guide 2019 yang diutarakan oleh Asia Pacific. Pada tahun lepas kita menerima dua anugerah iaitu

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Selat Klang, masa sudah tamat, sila duduk.

**Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI :** Terima kasih

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi, dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, sambungan Rang Undang-Undang Perbekalan 2020 semua peringkat.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya mengingatkan ya, ini sesi perbahasan untuk Belanjawan Rang Undang-Undang Perbekalan 2020. Saya minta Ahli-Ahli apabila hendak mencelah dan sebagainya kena dapat izin daripada pembahasan-pembahas ya. Ini kita perlu tertib. Jadi, saya sebelum mempersilakan Ketua Pembangkang, saya bagi masa untuk pihak Ketua Pembangkang tidak terhad. Ya, tidak terhad. Saya mempersilakan Ketua Sungai Air Tawar untuk memulakan perbahasan. Silakan.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Selamat pagi permulaan ucapan, Belanjawan Negeri saya bahaskan. Tiga penggal menjadi kerajaan, Pakatan Harapan kini punah harapan.

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Sungai Air Tawar untuk membahaskan usul Perbekalan Belanjawan Negeri 2020. Seperti mana yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Sungai Tua pada petang hari Jumaat yang lalu. Sebelum saya memulakan ucapan perbahasan saya, izin saya untuk merakamkan ucapan menjunjung kasih kepada DYTM Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah, Raja Muda Selangor di atas kesudian mencemar duli membuat lawatan ke DUN Sungai Air Tawar dan Daerah Sabak Bernam pada bulan September yang lalu. Keberangkatan DYTM Raja Muda Selangor ke DUN Sungai Air Tawar dan Daerah Sabak Bernam sangatlah kami rakyat jelata hargai, dan dengan jelas menunjukkan kasih serta keprihatinan DYTM terhadap rakyat negeri Selangor ini. Sesungguhnya memang benarlah ungkapan “Raja dan Rakyat Berpisah Tiada”. Dengan izin Allah SWT juga, semoga Selangor, negeri tercinta ini sentiasa aman, makmur dan sejahtera di bawah naungan DYMM Sultan Selangor dan DYTM Raja Muda Selangor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Belanjawan Negeri 2020 yang dibentangkan oleh Menteri Besar pada petang Jumaat yang lalu, pastinya dirangka dalam persekitaran ekonomi yang mencabar. Dari sudut global aktiviti ekonomi pastinya terkesan dengan perang dagangan China dan Amerika Syarikat. Suasana geopolitik timur tengah ataupun perkembangan tiada berpenghujung kemelut brexit.

Dari sudut domestik pula, kita menghadapi cabaran kos sara hidup yang kian menghimpit rakyat, ketidaktentuan nilai mata wang ringgit yang semakin hilang nilainya, serta yang paling memberi kesan sudah tentulah disebabkan dasar “*flip flop*”, “*u-turn*” dan serta caca marba yang berlaku dalam peringkat Kerajaan Persekutuan. Sudah tentu peristiwa-peristiwa yang berlaku ini, turut memberi tempias sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada kedudukan kewangan serta ekonomi di negeri Selangor ini.

Menteri Besar telah mengumumkan Belanjawan 2020 yang berjumlah RM2.333 Billion..

**Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAH :** Yang Berhormat Speaker.

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Sungai Air Tawar ada celahan daripada Taman Templer.

**Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAH :** Terima kasih kita ucapkan kepada Yang Berhormat Sungai Air Tawar, Sudah duduk itu, bagilah tu. Dia sudah berhenti bercakap.

Tadi Yang Berhormat Sungai Air Tawar ada menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan “*flip flop*”, dalam dewan yang mulia ini. Jadi pada pagi kita hendak tahu sebenarnya, apa yang Kerajaan Persekutuan di bawah teraju kepimpinan Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad ini yang “*flip flop*” atau pun janji-janji yang kita tidak laksanakan. Jadi kita hendak tahu lah pada pagi ini, apa janji atau “*flip flop*” yang disebutkan itu tadi.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Yang Berhormat Taman Templer, yang saya maksudkan tu, janji-janji pilihan raya, PTPTN tidak mansuh lagi, tol dan sebagainyalah. Saya ingat Yang Berhormat lebih tahu lah.

**Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAH :** Soal pemansuhan tol, untuk pengetahuan Yang Berhormat Sungai Air Tawar, tidak ada dalam janji Pakatan Harapan.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Tak ada, tak ada, saya nak teruskan.

**Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAH :** Ini Sungai Air Tawar kena tanya dengan sahabat baik Sungai Air Tawar daripada Sijangkang, sebab manifesto PAS yang menyatakan untuk memansuhkan PTPTN. Jadi persoalan ini jangan tipu, jangan bohong, jangan fitnah kepada Pakatan Harapan. Kita tidak ada masalah, kalau kata kita tidak berjaya untuk melaksanakan manifesto kita. Tak mengapa, tak ada masalah untuk kita minta kepada kepimpinan utama untuk memohon maaf. Dan kita punyai tempoh dan tiga tahun setengah lagi untuk kita melaksanakan janji-janji kita dalam manifesto. Soal berkaitan dengan PTPTN, Yang Berhormat kena tanya dengan sahabat baik Yang Berhormat daripada Sijangkang.

**TUAN SPEAKER :** Sekarang bagi pada Sijangkang ya. Bagi pada sahabat baik ya.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Saya ingat Templer ini kena peka sikitlah, hari ini kita menang esok PTPTN kita hapuskan. Kos tak tinggi RM6 billion sahaja. Sapa yang cakap tu.

**Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAH :** Dedahkan dalam Dewan ini, dedahkan dalam dewan ini, kita hendak tahu.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Sungai Air Tawar bagi pada Sungai Panjang ke? Bagi-bagi.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Yang Berhormat Tuan Speaker, apabila Yang Berhormat Ketua Pembangkang daripada Sungai Air Tawar, bercerita tentang “*flip flop*” Kerajaan Persekutuan ini. Kita kalau hendak terangkan, satu persatu apa yang tidak dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan ini, banyak. Banyak yang hendak kita perkatakan, tetapi apa yang tidak boleh

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** Dedahkanlah, dedahkanlah.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Antara pendedahan yang telah dibuat, Taman Templer sendiri yang dedahkan. PTPTN ini, janji ini yang dilakukan bukan janji daripada PAS, ianya adalah janji Pakatan Harapan sewaktu ingin menang pilihan raya, apabila sudah menang pilihan raya, tiada satu janji pun dilaksanakan, kecuali memansuhkan GST.

**Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAH :** Royalti kita bagi kepada Kerajaan Negeri Terengganu, zaman UMNO, Barisan Nasional dulu, Barisan Nasional, UMNO tidak bagi royalti kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Pakatan Harapan kita bagi RM1.2 billion kepada Kerajaan Negeri Terengganu.

Itu di antara janji kita Pakatan Harapan dalam pilihan raya yang lalu. Ini kita hendak sebutkan, apa lagi soal berkaitan dengan minyak, dulu zaman UMNO, Barisan Nasional berapa syiling yang dia bagi kepada seluruh masyarakat dan rakyat dalam negara kita ini. RM2.20, tapi kita Pakatan Harapan, kita janji berapa, kita janji RM2.08 itu kita tunaikan. Betul? Itu jangan main-main dengan Pakatan Harapan. Janji InsyaAllah akan tetap kita tunaikan. Cuma soal berkaitan kerusi EXCO di Kelantan dan Terengganu. Itu sudah berpakat, sudah ada piagam, tapi jadi masalahnya, bila diminta untuk mendapatkan kerusi EXCO, PAS tak bagi, sebab PAS kata apa, kerusi EXCO dah penuh. Ini kawan apa ini, kalau begini, ini muafakat apa ini, ini perpaduan ummah apa ini, kalau begini.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Sungai Air Tawar sekarang hendak bagi pada siapa ini? Saya pun *confius*. Sungai Panjang ya? Baik.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Sebab yang saya lihat, Yang Berhormat Templer, dia cuba bangkitkan isu-isu yang tidak berkaitan. Kita berkenaan dengan isu berkenaan janji manifesto yang sudah dilaksanakan. Saya hendak bagi tahu apa yang telah dilaksanakan adalah GST kepada SST.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Yang Berhormat, Yang Berhormat, janji manifesto ini untuk satu penggal, bukan untuk satu tahun. Kenapa susah sangat hendak faham ya? Masih ada tiga tahun setengah lagi, kita akan pastikan, sebelum pilihan raya akan datang, kita akan pastikan, kita akan selesaikan semua.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Jadi hendak tunggu pilihan raya akan datang itu, mungkin kita tidak tahu boleh laksanakan atau pun tidak, tapi yang ada pada hari ni, yang pegang kuasa ini dah setahun lebih ini, yang dilaksanakan hanyalah GST digantikan kepada SST. Yang lain-lain itu tidak ada dilaksanakan. Berkennaan dengan minyak, harga minyak turun, tidak turun pun harga minyak. Yang akan datang harga minyak akan diapungkan, lebih naik lagi dan akan lagi menyusahkan lagi rakyat secara keseluruhannya.

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Saya tidak nampak, yang janji yang mungkin akan dilaksanakan adalah PRK Tanjung Piai. Mungkin itu akan dilaksanakan, sebab nak PRK. Kalau selalu ada PRK, maka selalulah, janji-janji ini akan dilaksanakan. Tapi kalau tak ada, tunggulah PRU akan datang, buat janji yang baru, laksana belum tentu lagi.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Itu BN selalu buat.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tuan Speaker, Tuan Speaker. Janji manifesto untuk lima tahun satu penggal. Bagikan, kita isu cek, cek ini, akan ditunaikan pada 2023, ini belum sampai tarikh dia dah masuk bank, tentulah kena tendang, tunggulah sampai masa kita tunaikan semua.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Ini menunjukkan pengurusan ekonomi yang tidak baik, isu cek pun isu "*post dated*" cek , tidak berani "*on the spot*".

**Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAH :** Manifesto memang "*post dated*" cek mana ada serta-merta.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Sungai Air Tawar, saya rasa Yang Berhormat Sungai Air Tawar teruskan sebab ramai yang berminat. Nanti saya bagi perbahasan, saya bagi ruang kepada mereka. Sungai Burong pun berminat, Kuang pun berminat.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Kita tak pernah berjanji minyak turun, kita berjanji yang harga minyak akan distabilkan. Ini tololghlah baca betul-betul, tak tahu baca ke? Pembangkang saya hendak bagi tahu itu lah. Mana ada kita janji minyak turun, kita janji dulu minyak distabilkan. Ini sekarang harga stabil.

**TUAN SPEAKER :** Kuang duduk, Sungai Burong pun duduk. Sekarang saya kembalikan kepada landasan yang asal, kepada Sungai Air Tawar, kalau tidak saya khuatir, Sungai Air Tawar tidak dapat bahas, orang lain yang bahas. Saya bagi masa tidak terhad,bukan bermakna bagi kepada orang lain ya. Jangan salah faham.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tuan Speaker, Tuan Speaker saya hendak minta penjelasan daripada..

**TUAN SPEAKER :** Kemudian, kemudian.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Saya hendak minta penjelasan daripada Sungai Air Tawar sama ada bagi lawan atau tidak. Terima kasih kepada Sungai Air Tawar yang bagi laluan kepada saya. Tuan Speaker nampaknya pagi ini dah tidak ikut peraturan, saya tengok cikgu saya pun, Bandar Baru Klang, dia pun main bangun. Tidak minta izin pun.

**TUAN SPEAKER :** Bandar Baru Klang itu dulu cikgu ya?

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Itu cikgu tu dulu. Saya belajar daripada dia tu dulu.

**4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Sungai Burong sendiri yang tidak minta izin.

(Dewan bising)

**TUAN SPEAKER :** Sungai Air Tawar teruskan, saya tak izinkan Sungai Burong lah. Sungai Air Tawar teruskanlah sebab semua tidak ikut peraturan. Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Okay, terima kasih Yang Berhormat Speaker, jadi yang saya maksudkan tadi, dari segi ucapan-ucapan, ada video kalau saya mainkan, saya rasa rata-rata tahulah berkenaan perkara ini, jadi seperti mana yang dijawab. Kita berharap perkara ini dapat dilaksanakan. Terima kasih.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Sungai Air Tawar, yang membuat izin saya untuk meminta penjelasan, berkenaan dengan "flip flop" Kerajaan Pakatan Harapan ini yang dibangkitkan oleh Sungai Air Tawar ini. Saya ingin mendapatkan penjelasan sama ada, memang benda ini sebenarnya ada betul atau tidak, bahawa janji-janji dalam manifesto pilihan raya ini dibuat.

Saya masih teringat lagi, ada pemimpin Pakatan Harapan, pergi kata hendak mansuhkan tol Sungai Renggam. Saya ingat lagi, pemimpin Pakatan Harapan dia kata, dia janji, "malam ini kita menang, esok pagi harga petrol akan turun RM1.50". Sapa lagi Dato' Seri Anwar Ibrahim lah, ada lagi video dia. Kita boleh tengok sama-sama.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Saya minta laluan sikit.

(Dewan riuh)

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Saya hendak minta penjelasan daripada Sungai Burong, tadi dia kata, tol di Sungai Renggam, dekat Sungai Renggam mana ada tol. Sungai Renggam mana tu?

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Jalan hendak masuk Sungai Renggam, "exit" ini. Dia datang bagi kenyataan.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Renggam ada tol ke tidak? Saya pun "confius".

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Simpang Renggam tuan-tuan. Faktanya tetap tidak berubah, tetap Simpang Renggam, tetap janji hendak turunkan tol.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sungai Burong, kalau nak bagi ayat tu kena tepat.

**Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAH :** Memang kita hendak turunkan harga tol. Memang kita hendak hapuskan harga tol, tapi jadi masalahnya bila kita ambil alih Kerajaan ini, kita terpaksa membayar hutang, hutang 1MDB, sebanyak RM50 billion yang Kerajaan Pakatan Harapan terpaksa tanggung akibat daripada pimpinan Barisan Nasional terutamanya Dato' Seri Najib Tun Razak, Jho Low dan juga Rosmah Mansor. Ini yang terpaksa di hadapi oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Terpaksa tanggung hutang.

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Sebab itu kita hendak katakan, Kerajaan Pakatan Harapan merupakan kerajaan yang bertanggung jawab, kerajaan yang berwibawa, yang InsyaAllah mampu melaksanakan janji dan manifesto kita.

**TUAN SPEAKER :** Saya minta Yang Berhormat Sungai Burong duduk dulu. Saya nak tegur.

**Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAH :** Tak apa kita tak ikut peraturan, jangan mencuri, jangan merompak, jangan menyamun, jangan rasuah duit rakyat dalam negara kita ini. Langgar peraturan sedikit tak apa. Denda dia sikit. Ini mencuri, merompak duit rakyat dalam negara ini.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Orang macam ni tak layak jadi ADUN, tak ikut peraturan.

**Y.B. TUAN SPEAKER :** Duduk Yang Berhormat Sungai Burong, orang dah 4 penggal dalam Dewan sepatutnya tunjukkan tatacara yang baik, kena cool, saya tegur, saya tegur, tutup *mic* dulu, tutup *mic* dulu.

(Dewan bising)

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tapi bila ada Ahli Dewan tidak ikut peraturan kita kena tegur.

(Dewan bising)

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Yang senior pun buat fitnah, toh mah macam-macam buat perkara yang tak betul sebab itu kita terpaksa menyampuk kita nak perbetulkan walaupun dah 4 penggal jadi ADUN.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Sungai Panjang duduk dulu. Saya nak tegur sini, sebentar baru, Ahli-Ahli Yang Berhormat, khususnya Yang Berhormat Taman Templer, kalau tidak diberikan izin termasuk yang lain-lain, tunggu dapat izin dulu baru cakap kalau tidak ia akan mengganggu perbahasan, perjalanan Dewan ini, minta ambil maklum semua. Sungai Burong kalau dapat keizinan..

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN :** Sebab buat fitnah Tuan Speaker.. itu yang jadi masalahnya itu yang kita kena perbetulkan, kita tidak boleh menerima fitnah sebab itu saya terpaksa bangkit untuk bercakap, langgar peraturan sikit.

**Y.B. TUAN SPEAKER :** Duduk Taman Templer. Untuk meredakan keadaan, semua patuh peraturan yang pertama, yang kedua jangan ungkitkan isu fitnah kalau tidak ia tiada kesudahan. Sekarang saya minta kita kembalikan kepada yang sebenarnya iaitu Sungai Air Tawar. Silakan.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya kira Yang Berhormat Speaker, Taman Templer lepas ini saya tak benarkan dia mencelah kerana emosi, tiada fakta apa pun.

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Menteri Besar telah mengumumkan Belanjawan Negeri 2020 yang berjumlah RM2.333 bilion secara keseluruhannya. Bagi maksud perbelanjaan mengurus peruntukan pada tahun hadapan adalah berjumlah RM1.2 bilion manakala bagi perbelanjaan pembangunan pula adalah sebanyak RM1.133 bilion. Secara keseluruhannya anggaran perbelanjaan bagi tahun hadapan telah berkurangan sebanyak RM227 juta berbanding RM2.56 bilion pada tahun ini. Bagi maksud perbelanjaan mengurus jumlah ini telah berkurangan sebanyak RM800 juta berbanding RM1.28 bilion pada tahun ini.

Memang betul Kerajaan Negeri membuat penjimatan tetapi penjimatan ini bukanlah semata-mata kerana perbelanjaan operasi yang berkurangan sebaliknya adalah disebabkan penajaran baru pelbagai inisiatif kepada rakyat termasuklah dengan mengurangkan jumlah penerima pelbagai bantuan skim kepada rakyat.

Bagi maksud pembangunan pula saya sedikit kecewa apabila jumlah untuk tahun 2020 telah berkurangan daripada RM1.28 bilion kepada hanya RM1.133 bilion. Dari segi peratusan pula ia telah berkurangan daripada 50% keseluruhan perbelanjaan pada tahun 2019 kepada 48.56% sahaja. Harus diingatkan jumlah RM2.56 bilion pada tahun ini tidaklah termasuk peruntukan tambahan sebanyak RM123 juta yang telah dipohon pada Sidang Dewan Negeri yang lalu. Jika dicampurkan sekali jumlah peruntukan tambahan ini, maka jumlah keseluruhan pada tahun ini adalah sebanyak RM2.8683 bilion. Makanya pada tahun hadapan jumlah ini telah berkurangan sebanyak RM350 juta.

Yang Berhormat Tuan Speaker, apabila kerajaan mengumumkan perbelanjaan defisit bermakna kerajaan akhirnya perlu mengorbankan wang terkumpul dalam rizab negeri untuk membiayai kekurangan yang wujud. Statistik tidak pernah menipu jika dahulu Kerajaan Negeri sering menabik dada tentang jumlah rizab negeri yang melepas paras RM3 bilion namun jumlah ini terus merosot dari tahun ke tahun. Untuk tempoh 3 tahun yang lalu wang rizab negeri telah merosok dari RM3.05 bilion pada tahun 2016 kepada RM2.84 bilion pada tahun 2017.

Pada tahun lalu pula jumlah ini terus merosot kepada RM2.14 bilion iaitu pengurangan sebanyak RM700 juta. Bagi tahun 2019 pula, kerajaan turut mengumumkan belanjawan defisit begitu juga untuk tahun 2020 seperti mana yang diumumkan pada hari Jumaat lalu, berbekalkan fakta ini sudah pasti jumlah rizab negeri akan terus berkurangan pada tahun ini dan seterusnya pada tahun hadapan. Maka timbul satu soalan baru, sementara kita bersetuju dengan beberapa langkah serta pelan pembangunan yang dirancang oleh Kerajaan Negeri, kita masih tertanya-tanya apakah perancangan pihak Kerajaan Negeri untuk menambah baik kutipan hasil berbanding daripada terus bergantung kepada kutipan hasil daripada aktiviti tanah.

Jika kita lihat anggaran awal hasil negeri pada tahun 2019 dan 2020, adalah sama iaitu sebanyak RM2.2 bilion walaupun melihatkan pada data terkini, jumlah unjuran bagi hasil pada tahun ini adalah sedikit tinggi berbanding anggaran awal. Namun ianya masih belum cukup untuk menampung keperluan perbelanjaan negeri.

Tahun lalu saya telah mencadangkan agar Kerajaan Negeri menilai kesesuaian untuk melaksanakan cukai karbon yang dilihat boleh menyumbangkan kepada hasil Kerajaan Negeri sesuai dengan status Selangor sebagai negeri industri. EXCO bertanggungjawab pada tahun lalu bahawa perkara ini akan dibuat kajian termasuklah dengan mengambil

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

pandangan daripada Kerajaan Persekutuan. Maka selepas setahun saya ingin bertanya sekali lagi kepada EXCO yang bertanggungjawab, apakah maklum balas terhadap cadangan ini dan adakah cukai karbon ini boleh dilaksanakan di negeri Selangor ini.

Selain daripada itu kita juga berharap Kerajaan Negeri dapat mendesak Kerajaan Persekutuan agar segera menunaikan janji 24 dalam manifesto buku harapan untuk mengembalikan sekurang-kurangnya 10% daripada hasil cukai pendapatan kepada negeri tempat pembayar cukai bermastautin. Kerajaan Negeri harus sedar Selangor ini tidak mempunyai hasil dan pelbagai berbanding negeri-negeri lain yang mungkin mempunyai sumber minyak dan sumber hutan yang boleh mendatangkan keuntungan kepada kantung Kerajaan Negeri. Sudah tentu sebagai negeri tunjang ekonomi negara, hasil cukai pendapatan yang dibayar oleh pemastautin di negeri ini adalah lebih tinggi berbanding negeri-negeri lain dan jumlah 10% itu pastinya dapat membantu Kerajaan Negeri pada hari ini untuk keluar daripada kemelut kekurangan hasil.

Pada tahun 2018, negeri Selangor mencatatkan jumlah pelaburan yang diluluskan bagi sektor perkilangan berjumlah RM18.9 bilion iaitu di tempat kedua di belakang Johor. Walau bagaimanapun bagi tahun 2019, jumlah ini telah berkurangan dan Kerajaan Negeri hanya mensasarkan sejumlah RM10 bilion bagi pelaburan baru. Tetapi jumlah pelaburan diluluskan ini hanya baru di peringkat perancangan, selagi mana ia belum direalisasikan angka-angka ini hanyalah cantik di atas kertas.

Justeru itu, saya ingin mendapatkan kepastian daripada pihak Kerajaan Negeri, daripada jumlah RM18.9 bilion pada tahun lalu berapakah yang sudah direalisasikan dan bilakah jangkaan baki tersebut dapat menjadi kenyataan. Adakah terdapat satu garis masa yang direncana oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan pihak pelabur ini tidak menarik *handbreak* sebaliknya terus berminat untuk melabur di negeri ini.

Begitu juga dengan jumlah yang telah diluluskan bagi tahun 2019 ini, perlu ada garis masa yang jelas termasuklah perancangan konkret oleh kerajaan bagi memastikan ia dapat menjadi kenyataan. Menyentuh mengenai anak syarikat Kerajaan Negeri adalah penting GLC ini memberi gambaran tanggungjawab sosial korporat yakni *csr* mereka dalam menjamin kesejahteraan masyarakat, tidak hanya menitikberatkan kepada mencari keuntungan semata-mata tetapi GLC harus adil untuk memberikan *csr* kepada mereka iaitu kepada rakyat di negeri Selangor.

Saya mohon supaya dibentangkan apakah sumbangan GLC ini kepada Kerajaan Negeri dan apakah jenis bantuan *csr* yang sudah mereka lakukan setiap tahun supaya semua Ahli Dewan Negeri ambil maklum akan perkara ini. Saya juga ingin memberi pandangan agar Menteri Besar yakni MBI dapat meneliti semula secara segera komposisi ahli lembaga pengarah bagi syarikat dan anak-anak syarikat yang lain bagi memastikan memilih separuh daripada ahli lembaga pengarah mestilah berstatus bebas. Pandangan ini dapat memberikan lebih keterbukaan serta lebih efektif kepada ahli lembaga pengarah dalam usaha memajukan lagi syarikat sekali gus dapat menghasilkan lebih banyak lagi keuntungan kepada Kerajaan Negeri.

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Yang Berhormat Tuan Speaker, Selangor sememangnya merupakan penyumbang utama kepada peratusan keluaran dalam negeri kasar yakni KDNK negara sejak sedekad lamanya. Perkara ini bukanlah hanya berlaku Pakatan Harapan ataupun sebelum ini Pakatan Rakyat mengambil alih kepimpinan negeri pada tahun 2008, sebaliknya semenjak kemerdekaan lagi Selangor telah menjadi pemangkin utama serta tulang belakang kepada pertumbuhan ekonomi negara kita. Namun begitu dalam kita meraikan kedudukan Selangor sebagai nadi kekuatan ekonomi Malaysia kita juga harus akui terdapat penurunan dalam kadar pertumbuhan apabila kita melihat setiap satu sektor ekonomi secara berasingan.

Berdasarkan laporan statistik yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Perumahan Malaysia, MIDA dan Jabatan Perangkaan Malaysia, sektor perlombongan dan pengkuarian menurun daripada 7.6% kepada 5.2% pada tahun 2018. Sektor pembinaan juga menurun daripada 8.2% pada tahun 2017 kepada 6.6% pada tahun 2018. Sektor pembuatan juga menurun kepada 7.3 % pada tahun 2018 berbanding 7.19% pada tahun 2017. Yang paling utama sektor pertanian yang merupakan mata pencarian utama golongan berpendapatan rendah telah menyaksikan penurunan kadar pertumbuhan daripada 11.3% pada tahun 2017 kepada hanya 5.7% pada tahun 2018. Satu-satunya sektor yang menunjukkan peningkatan yang lebih baik adalah sektor perkhidmatan yang mana ia telah berkembang daripada 6.8% pada tahun 2017 kepada 7.6% pada tahun 2018.

Ketika pembentangan Belanjawan Negeri 2019 pada tahun lalu, Menteri Besar telah memberi penekanan terhadap mempergiatkan pelbagai sektor ekonomi di negeri ini menerusi penubuhan 10 gugusan ekonomi. Namun begitu selain daripada gugusan aero angkasa yang dilihat sering mendapat perhatian media, gugusan lain masih belum menampakkan apa-apa hasil, baik dari segi perancangan maupun pembangunan seperti yang dibentangkan pada tahun lalu. Kalau boleh saya minta Kerajaan Negeri dapat memberikan perincian kepada dewan ini terhadap perkembangan gugusan-gugusan yang telah dirancang ini.

Saya ingin mengetahui apakah status pelaksanaannya serta apakah perancangan serta *blueprint* yang telah dibentuk bagi memastikan hasrat kerajaan ini mencapai objektif penubuhannya. Dasar ini adalah dasar yang baik tetapi sekiranya pelaksanaan gagal dibuat dengan cermat maka hasilnya juga tidak seperti yang diharapkan. Saya juga ingin mendapatkan kepastian tentang perkembangan terkini cadangan Kerajaan Persekutuan menerusi Khazanah untuk membangunkan tanah seluas 80 ekar di Subang sebagai Hub Aero Angkasa seperti yang telah diumumkan dalam Belanjawan Negeri 2019 pada tahun yang lalu.

Dalam pengumuman belanjawan pada Jumaat lalu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar turut menyebut tentang cadangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan satu kawasan seluas 2000 ekar juga bagi tujuan industri aero angkasa. Untuk perkara ini, saya ingin mendapatkan kepastian bagaimana Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan pelan integrasi antara beberapa buah pusat aero angkasa ini, termasuklah dengan cadangan pihak Khazanah untuk membangunkan tanah di Subang yang telah saya sebutkan sebentar tadi.

Saya ingin beralih pula kepada produk utama yang sering dibanggakan oleh Kerajaan Negeri iaitu Skim Peduli Sihat di bawah inisiatif peduli rakyat. Menerusi jawapan-jawapan

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Iisan pada Sidang DUN yang lalu, kita dimaklumkan bahawa selepas penajaran semula Skim Peduli Sihat, kita telah menyaksikan penurunan ketara jumlah penerima manfaat program ini daripada 392,798 pemegang kad kepada hanya 55,277 ribu orang pada bulan Jun yang lalu.

Walau bagaimanapun, jumlah 55 ribu orang ini adalah lebih rendah berbanding jumlah yang layak terima selepas penajaran iaitu 86,004 orang. Maka saya ingin mengucapkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana pada tahun hadapan jumlah penerima akan dinaikkan kepada 85 ribu orang.

Walau bagaimanapun, saya ingin mendapatkan kepastian daripada Kerajaan Negeri berhubung perlaksanaan program ini. Ketika ini, agihan Skim Peduli Sihat ini dibuat mengikut jumlah pengundi bagi sesuatu kawasan. Bagi DUN yang mempunyai pengundi kurang 30 ribu, kuotanya adalah 700 penerima. Bagi DUN yang mempunyai jumlah pengundi antara 30 ribu hingga 45 ribu, jumlah kuota adalah sebanyak 1021 penerima. Bagi pengundi berjumlah 45 ribu sehingga 60 ribu, kuota yang ditetapkan adalah 1381 penerima. Manakala DUN yang mempunyai pengundi lebih daripada 60 ribu orang, kuota yang ditetapkan adalah 1690 orang.

Disebabkan kuota-kuota yang ditetapkan ini, akhirnya ada sebilangan rakyat yang layak menerima tidak dapat menerima manfaat ini atas alasan kuota telah penuh. Saya ingin mengingatkan kepada Kerajaan Negeri, ini bukanlah pertandingan siapa cepat dia dapat. Apabila sistem kuota ini dilaksanakan, secara langsung kita hanya menafikan hak mereka yang benar-benar memerlukan.

Kerajaan Negeri seharusnya dan sepatutnya faham keperluan antara satu DUN dengan DUN yang lain adalah berbeza. Apakah lagi dengan komposisi serta jurang pendapatan rakyat yang berbeza, maka sudah tentu jumlah penerima bagi setiap DUN juga adalah berbeza.

Ini juga belum termasuk masalah yang timbul kerana sistem pendaftaran Skim Peduli Sihat ini dibuat berdasarkan tempat tinggal pemohon dan bukanlah tempat mengundi. Maka akhirnya, mereka yang bukan mengundi tetapi tinggal di dalam sesuatu DUN akan mengambil kuota yang sepatutnya diterima oleh pengundi di dalam sesuatu DUN itu. Jadi saya berharap sistem penyampaian Skim Peduli Sihat ini dapat dipertingkatkan. Sistem kuota yang digunakan sedia ada ini tidak bersifat menyeluruh dan akhirnya ADUN-ADUN akan menghadapi kesukaran untuk memberi penjelasan kepada rakyat di bawah.

Jadi saya ingin bertanya sekali lagi kepada pihak Kerajaan Negeri apakah mekanisme pelaksanaan yang akan digunakan pada tahun hadapan. Adalah sistem kuota ini masih diguna pakai atau telah ada suatu perancangan baru untuk mengagihkan kad Skim Peduli Sihat ini.

Berbalik semula pada penerima yang tidak dapat menikmati Skim Peduli Sihat pada tahun ini, walau pun berada dalam senarai yang layak, adakah pihak Kerajaan Negeri bersedia untuk membuat bayaran semula atau menambah jumlah yang akan diterima pada tahun hadapan bagi memberikan keadilan kepada kumpulan ini. Memandangkan mereka ini sememangnya layak untuk menerima manfaat program ini, maka tidak sewajarnya hak ini dinafikan tanpa diberikan semula apa yang sepatutnya menjadi milik mereka.

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Maka, saya merasakan adalah wajar untuk Kerajaan Negeri untuk membuat bayaran semula atau menambah jumlah yang sepatutnya mereka terima sebagai ganti di atas kesilapan Kerajaan Negeri untuk menyediakan peruntukan yang secukupnya pada tahun ini.

Yang Berhormat Timbalan Puan Speaker, tentang kesihatan juga, Selangor sekali lagi telah dinobatkan sebagai juara kes denggi tertinggi di Negara ini untuk tempoh bertahun-tahun lamanya. Sepanjang tahun ini sahaja, sehingga hari Jumaat yang lalu, sejumlah 60,817 kes denggi telah dicatatkan di seluruh Negeri Selangor. Angka ini adalah jauh meninggalkan negeri di tempat kedua iaitu Kuala Lumpur dengan 12,596 kes serta negeri di tempat ke-3 iaitu Johor dengan catatan kes sebanyak 9,316 kes.

Jika dibandingkan catatan kes denggi di Selangor ini, ianya adalah 483% lebih tinggi daripada catatan Kuala Lumpur atau pun hampir 5 kali ganda manakala dengan Johor pula ianya adalah 653% lebih tinggi.

Jika dilihat 10 hotspot yang mencatatkan jumlah tertinggi kes denggi di seluruh Malaysia, 9 daripadanya adalah di Negeri Selangor yang melibatkan 3 buah hotspot di daerah Petaling, 4 di Hulu Langat dan 2 buah lagi di Gombak. Kita tidak nafikan, saban tahun Kerajaan Negeri memberi penekanan terhadap pembasmian masalah denggi ini dengan peruntukan kewangan yang sangat besar.

Untuk tahun 2019, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM3 juta untuk tahun hadapan pula adalah sebanyak RM5 juta. Kita hargai keseriusan Kerajaan Negeri dalam hal ini. Tetapi, sampai bila Kerajaan Negeri perlu saban tahun memperuntukkan jumlah yang besar sekiranya tiada apa-apa hasil yang dapat dicapai. Jumlah kes denggi ini sentiasa meningkat tahun ke tahun walaupun berjuta-juta ringgit telah dibelanjakan.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Terima kasih Sungai Air Tawar. Saya ingin mendapatkan penjelasannya sebab mengenai kes denggi ini yang memang Selangor ini terkenallah dengan kegagalan menangani kes denggi. Pada masa yang lepas, kesalahan ini diletakkan kepada Kerajaan Persekutuan kerana Kerajaan Negeri mengalami kekangan kewangan. Tetapi hari ini kita lihat, Kerajaan Negeri sudah bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan, satu kapal.

Jadi adakah masih Sungai Air Tawar bersetuju bahawa Kerajaan Negeri gagal untuk mendapatkan peruntukan atau pun sokongan daripada Kerajaan Persekutuan yang menunjukkan mereka hanya bila Kerajaan BN saja memerintah, dia cakaplah nak menyalahkan Kerajaan Persekutuan. Tetapi hari ini mengapa mereka tidak pergi kepada Kerajaan Persekutuan dan cuba mendapatkan bantuan sekiranya kekangan-kekangan berlaku dalam Kerajaan Negeri bagi memastikan bahawa rakyat tidak akan menjadi mangsa kepada nyamuk aedes.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Burong. Sebab itu bagi saya perlu ada satu usaha konkrit termasuklah menyediakan blueprint serta pengenalan undang-undang pencegahan yang lebih ketat seperti denda yang lebih tinggi terutamanya di kawasan-kawasan tapak pembinaan yang kita semua sedia maklum merupakan antara tempat utama pembiakan nyamuk aedes ini. Jika tidak ada usaha

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

konkrit ini, maka selamanya Selangor akan terus mengungguli mencatat kes demam denggi paling tinggi dalam Malaysia.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Seri Setia.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Terima kasih Timbalan Speaker. Saya nak tanya kepada Sungai Air Tawar, setuju atau tidak kalau saya nyatakan antara punca denggi ini adalah yang pertamanya ke banjiran warga asing dan yang keduanya adalah sikap kita sendiri.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Saya setuju. Itu sebab saya kata, perlunya juga ada usaha-usaha konkrit termasuk menyediakan blueprint serta pengenalan undang-undang pencegahan yang lebih ketat supaya perkara ini tidak sentiasa berulang kerana kita tidak mahu setiap tahun jugalah peruntukan bagi kononnya untuk membasmikan aedes dan mencegah denggi akan terus bertambah walaupun tidak mencapai hasil seperti mana yang diharapkan.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, Kerajaan Negeri juga akan memperuntukkan sejumlah RM2 juta dalam usaha menekan masalah penularan penyakit *tuberculosis* atau pun Tibi di negeri ini memandangkan di Negeri Selangor ini telah mencatatkan rekod tertinggi bilangan kes tibi di Negara ini. Saya menghargai usaha Kerajaan Negeri untuk membantu warga kurang berkemampuan agar dapat menjalani rawatan sempurna apabila disahkan menghidapi penyakit Tibi.

Walau bagaimanapun, persoalan besar yang timbul di sebalik peruntukan ini bukanlah terhadap niat kerajaan untuk membantu pesakit-pesakit ini. Sebaliknya adalah bagaimakah peruntukan ini akan dibelanjakan? Ini kerana kita maklum tempoh rawatan selalunya akan mengambil masa antara 6 bulan hingga setahun. Atau bagi sesetengah kes terpencil mungkin memerlukan masa lebih daripada setahun.

Tetapi menerusi Kementerian Kesihatan Malaysia, mana-mana pesakit Tibi akan mendapat rawatan secara percuma sepenuhnya daripada Hospital Kerajaan baik dari segi prosedur ujian saringan darah dan x-ray mahupun bekalan ubat. Maka saya berharap, perincian khusus oleh Kerajaan Negeri bagi menjelaskan bagaimana peruntukan RM2 juta ini akan dibelanjakan.

Selain daripada itu, kita juga sedar bahawa penyakit Tibi ini sering kali disebarluaskan kemasukan warga asing sama ada pelancong atau pun yang terutama sekali adalah pekerja asing. Begitu juga penyebaran wabak ini yang berlaku di penjara-penjara yang telah mencatatkan jumlah pesakit Tibi yang sangat ramai. Memandangkan di Selangor ini terdapat beberapa buah penjara dan Pusat Koreksional, sudah tentu risiko penularan wabak ini adalah sangat tinggi.

Maka saya ingin bertanya apakah usaha pihak Kerajaan Negeri dalam memastikan untuk mengatasi masalah ini terutamanya bentuk kerjasama yang boleh dijalankan secara bersama antara pihak Kerajaan Negeri dan Kementerian Dalam Negeri bagi memastikan risiko penularan di penjara dan Pusat Koreksional serta menerusi kemasukan warga asing ini dapat dikurangkan dan diatasi dalam tempoh masa yang panjang.

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Kegagalan untuk membentuk kerjasama erat bagi membendung masalah Tibi ini hanya akan mengeruhkan lagi keadaan. Tambahan pula, pada tahun hadapan Malaysia termasuklah Negeri Selangor ini akan menerima kemasukan pelancong yang lebih tinggi menerusi Tahun Melawat Malaysia. Jika tiada kerjasama ini, saya khuatir masalah ini akan menjadi lebih parah kerana penyakit Tibi ini agak sukar dikesan pada peringkat awal tetapi sangat mudah tersebar untuk menjangkiti individu lain.

Kerajaan Negeri Selangor pada 27 September yang lalu telah mengumumkan bekalan Skim Air Darul Ehsan sebagai langkah baru bagi menggantikan Program Pemberian Air Percuma di bawah Insentif Peduli Rakyat. Menerusi skim baru ini, pemberian air percuma kepada semua penduduk Selangor yang sedang dilaksanakan ketika ini hanya akan dihadkan kepada isi rumah berpendapatan RM4 ribu sahaja dan akan dikuatkuasakan pada Mac 2020.

Jajaran baru pemberian air percuma ini bukanlah perkara baru kerana perkara ini telah pun dinyatakan di dalam Pembentangan Belanjawan Negeri 2019 pada tahun lalu. Tetapi apabila di sorot semula Pembentangan Belanjawan 2019 yang dibuat pada tahun lalu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah berjanji akan menaikkan jumlah air percuma dari 20 meter padu sebulan kepada 25 meter padu sebulan.

Walau bagaimanapun, apabila diumumkan berkenaan Skim Air Darul Ehsan ini pada bulan September lalu, jumlah yang akan diterima bukanlah sebanyak 25 meter padu seperti yang dijanjikan. Tetapi hanya 20 meter padu seperti mana yang dilaksanakan sebelum ini. Lebih dikesalkan, mereka yang memenuhi syarat tidaklah layak secara automatik tetapi perlu pula membuat permohonan bagi membolehkan mereka menikmati pemberian air percuma ini. Tindakan ini bukan sahaja menyukarkan rakyat malah boleh menyebabkan berlakunya keciciran bagi isi rumah yang mungkin tidak mengetahui tentang perkara ini. Rakyat masih belum lupa bagaimana Pakatan Harapan menggunakan modal pemberian air percuma di Negeri Selangor untuk memancing undi di negeri-negeri lain dengan memberi gambaran kononnya Kerajaan Negeri apabila dikuasai oleh Pakatan Harapan akan turut menggunakan model yang sama bagi memberikan air percuma kepada rakyat.

Namun, selepas menawan kerajaan bukan sahaja Negeri-negeri lain, malah menujuhkan kerajaan di peringkat Persekutuan, lain pula jadinya. Pemberian air percuma ini di Negeri Selangor yang kononnya akan menjadi model kepada pentadbiran negeri lain akhirnya kini diterhadkan kepada kumpulan rakyat tertentu sahaja. Lebih menghairankan, perkara ini terjadi apabila Kerajaan Negeri telah pun mengambil alih semua syarikat dan aset berkaitan pembekalan air di negeri ini dengan harga yang sangat tinggi.

Dengan kata lain, kalau dahulu semua dapat. Kini hanya terhad kepada golongan tertentu. Jumlah air 25 meter padu sebulan seperti yang diumumkan juga tidak akan dilaksanakan sebaliknya yang layak akan kekal mendapat 20 meter padu sebulan.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri harus diingatkan tentang cadangan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Yang Berhormat Dr. Xaviar Jayakumar yang juga Ahli Parlimen Kuala Langat tentang cadangan untuk menaikkan tarif air di seluruh negara tidak lama lagi. Oleh yang demikian, saya ingin mendapatkan kepastian daripada Kerajaan Negeri, adakah Kerajaan Negeri bersetuju dengan kenaikan yang dicadangkan oleh Kerajaan Persekutuan ini? Jika bersetuju, berapakah harga baru yang telah dipersetujui? Ini adalah penting untuk

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

diperjelaskan kerana sekiranya Kerajaan Negeri bersetuju dengan cadangan kenaikan tarif air ini, bermakna isi rumah yang sebelum ini mendapat air percuma tetapi tidak lagi selepas penjajaran baru akan turut terpaksa menanggung dua kali kenaikan dalam bil air bulanan mereka. Yang Berhormat Timbalan Speaker, bercakap...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Tentang isu air ini juga...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Tidak boleh tidak untuk saya tidak menyentuh tentang masalah gangguan bekalan air yang seperti tidak berpenghujung di negeri ini. Seperti tahun-tahun sebelum ini, gangguan bekalan air telah menjadi satu polimik yang menjelaskan aktiviti harian penduduk serta aktiviti ekonomi negeri ini.

Untuk rekod, loji rawatan air di beberapa tempat telah terpaksa berhenti tugas pada skala besar disebabkan masalah pencemaran serius yang telah berlaku iaitu pada bulan Mac, dua kali dalam tempoh sebulan antara bulan Jun dan Julai, bulan September serta pada minggu lalu. Walaupun mungkin pencemaran yang berlaku ini adalah disebabkan sesuatu yang di luar jangkaan dan bukannya bersifat jadual, namun kita tertanya-tanya sejauh manakah tahap pemantauan dan penguatkuasaan pihak berwajib bagi memastikan perkara ini tidak terus berulang.

Jika kali pertama berlaku, mungkin rakyat dapat memaafkan. Tetapi apabila kejadian sama terus berulang, maka jelas sekali ada sesuatu yang tidak kena. Rakyat juga sehingga kini tidak mengetahui apakah tindakan yang telah diambil terhadap pelaku-pelaku pencemaran sebelum ini walaupun sebelum ini kita dikhaskan Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan terhadap pihak yang bertanggungjawab ini. Jadi, kita berharap Kerajaan Negeri dapat memberi penjelasan lanjut terdapat perkara ini terutamanya tindakan yang akan dikenakan terhadap pihak yang bertanggungjawab terhadap masalah pencemaran ini.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** OK.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih kepada Ketua Pembangkang. Saya lihat dan saya rasa perbahasan Yang Berhormat Ketua Pembangkang wajarlah tidak begitu populis tetapi agaknya terdapat trend yang menunjukkan sikap populis dalam perbahasan. Di mana saya lihat kalau untuk Program Air Percuma yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang ada disebutkan bahawa terdapat kekurangan iaitu Kerajaan Negeri Selangor tidak akan memberi Program Air Percuma kepada mereka yang memerlukannya tetapi tidak layak.

Cuma saya ingin bertanya mengapakah Yang Berhormat tidak juga menyebut tentang penstrukturkan semula industri air itu di mana sesudah ianya berlaku kerajaan akan memberi peluang untuk mengekalkan perkhidmatan yang lebih baik termasuklah pengurangan dari segi gangguan bekalan air, pengurangan dari segi pencemaran air dan juga

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

penambahbaikan NR *the bill* dengan pelaksanaan projek-projek penukar gantian paip air yang lama.

Jadi, saya rasa itu juga harus diberi fokus oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang supaya rakyat akan mengetahui gambaran sebenarnya dalam usaha kita memastikan bekalan air di Selangor mampan yang kita menjadi fokus kepada kita ialah rakyat bukan sahaja mahu menikmati Program Air Percuma khususnya mereka dari golongan B40 tetapi mereka juga mahu yang lain buat semua rakyat tak kira T20, M40 ataupun P40, bekalan air itu berterusan tidak ada pencemaran, tidak ada gangguan dan sebagainya. Dan itu boleh dilakukan kalau kerajaan mempunyai kemampuan untuk membelanjakan *capax* bagi menukar gantikan paip air yang lama.

Jadi, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang adakah itu wajar diberi perhatian? Sikap rakyat, sama ada dengan sama ada cara kita menggunakan air, adakah itu juga perlu ditegur? Dan sekiranya ianya perlu ditegur, adakah Yang Berhormat Ketua Pembangkang menyokong tindakan kerajaan untuk melakukan apa sahaja tindakan undang-undang dan dasar yang boleh membawa kepada penambahbaikan dalam bidang itu walaupun ianya bukan sesuatu yang populis. Saya mohon penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Terima kasih. Saya kira jawapan ini perlu dijawab oleh pihak kerajaan. Cuma apa yang saya bimbangkan ialah kerana sebelum ini berlaku pembelian syarikat air ini dengan kos yang begitu tinggi. Jadi, kita tak nak perkara-perkara seperti ini yang saya sebutkan ini terus berlaku.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Mohon mencelah.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Seterusnya Yang Berhormat Timbalan Speaker.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Mohon mencelah atas tuduhan yang baru diberi tadi.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Tak apa. Saya tak benarkan, saya nak teruskan. Saya ingin menyentuh pula tentang Skim Mesra Usia Emas.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Sekali lagi saya tegaskan di Dewan Yang Mulia ini...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Saya tidak bersetuju...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan.

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

- Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Dengan langkah kerajaan untuk memberikan wang perbelanjaan...
- Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Yang Berhormat, saya minta penjelasan.
- Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Jom Shopping RM100.00 sebagai ganti kepada...
- TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Air Tawar.
- Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Kepada program terdahulu.
- TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Pencelahan.
- Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya mohon Yang Berhormat.
- Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Ya, Yang Berhormat Banting. Tak apa, tunggu Yang Berhormat berada di sana nanti.
- TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat Banting.
- Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Bukan, bukan. Saya bukan tanya Yang Berhormat di sebelah sana.
- Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Saya nak teruskan perbahasan saya.
- Y.B. TUAN LAU WANG SAN :** Saya tanya pendapat juga pendirian Yang Berhormat. Jadi, Yang Berhormat tidak bolehlah lemparkan batu dan kemudian sembunyikan tangan. Ini soalan saya ialah mendapatkan pandangan dan pendapat daripada Yang Berhormat apakah kita juga perlu tegur sikap yang tidak betul supaya ucapan Yang Berhormat tidak dilihat sebagai terlalu populis dan jauh daripada realiti? Kita sebagai pembangkang ataupun kerajaan pun kita perlu bertapak di atas tanah yang nyata, dunia yang nyata bukan alam maya.
- TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Sungai Air Tawar.
- Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Minta penjelasan sikit Yang Dipertua.
- Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Tak ada kebenaran pun sebenarnya.
- Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Boleh?
- Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Boleh, boleh.
- Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Terima kasih Sungai Air Tawar. Sebenarnya kita bukan buat apa ni orang kata penghujahan populis. Sebenarnya benda tak betul kena betulkanlah. Contohnya sekarang ini sama ada bersetuju atau tak bersetuju

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Sungai Air Tawar dengan saya, masalah pencemaran air ini terutamanya melibatkan loji-loji air ini sering terjadi dan berskala besar menyebabkan kawasan-kawasan yang tidak dapat air ini sebab ditutup bekalan air ini terlalu besar dalam masa tahun ini saja dah beberapa kali. Ini kenyataan. Jadi, ini apa yang kita ditegur oleh Ketua Pembangkang ini supaya kerajaan lebih prihatin perkara-perkara seperti ini dengan mengadakan langkah-langkah yang tertentu. Bersetuju tak Sungai Air Tawar?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Burong. Saya ingin meneruskan perbahasan saya. Saya bersetuju. Maksud dia ini berkenaan dengan teguran. Ketidaksetujuan saya ini adalah bersandarkan kepada jumlah yang diterima ini adalah sangat rendah berbanding RM2,500.00 Wang Khairat Kematian sebelum ini. Walaupun niat Kerajaan Negeri adalah baik untuk memberikan bantuan kepada warga emas ketika masih hidup tetapi jumlah RM100.00 ini hanyalah bernilai RM0.27 sehari. Jika benar Kerajaan Negeri muh berkongsi kekayaan negeri bersama-sama warga emas ini, sekurang-kurangnya tingkatkanlah jumlah yang hendak diberi kepada mungkin RM200.00 atau lebih. Di samping kos sara hidup yang kian menghimpit seluruh warga Malaysia pada ketika ini...

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Mohon penjelasan...

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Jumlah RM100.00 tahun ini...

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Atas cadangan ini.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Juga adalah sangat berbeza berbanding RM2,500.00 Wang Khairat Kematian sekali bayar ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Air Tawar, Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Selain itu...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ingin mencelah.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Saya hendak meneruskan perbahasan saya.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Tak apa, Sungai Air Tawar punya cadangan..

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Selain itu...

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Saya hendak minta penjelasan lepas cadangan tersebut.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Saya kira Ahli Dewan perlu tahu saya tidak memberikan laluan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** OK.

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sila duduk Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Tak apa, saya hendak teruskan perbahasan saya.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Yang Berhormat fikir kalau dia tak berani tak apa kita faham tapi ambil maklumlah semua wartawan kat luar, penduduk kat luar tahu sebagai Ketua Pembangkang beranilah ambil soalan. Ini cadangan yang diberi kenalah jawab sedikit soalan berkenaan cadangan tersebut. Boleh tak? Satu soalan. Satu sahaja.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** OK.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Ketua Pembangkang banyak cadangan. Tambah ini tambah itu tambah ini tambah itu. Jadi, perbelanjaan kerajaan Sungai Air Tawar minta kena tingkatkan. Kenapa tidak berani keluar alternatif bajet? Masa kita pembangkang dulu kita keluarkan alternatif bajet, kita tunjukkan duit itu hendak datang daripada mana. Kita perlu menjadi kerajaan yang *responsible*. Kalau hendak belanja duit itu, hasilnya datang daripada mana? Jadi, Sungai Air Tawar hendak tambah perbelanjaan banyak daripada air yang ini yang itu mana duit itu hendak datang?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Sungai Air Tawar sambung.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Tunggulah nanti. Kami memerintah kami buat bajet terus. Selain itu, tiada jaminan seseorang itu mampu mencapai tempoh 25 tahun usia seandainya asas untuk menggantikan Wang Khairat Kematian kepada bayaran wang Jom Shopping ini adalah disebabkan peningkatan polisi menua semata-mata. Kalau ditingkatkan kepada RM200.00 atau lebih barulah jelas nampak keikhlasan Kerajaan Negeri untuk membantu golongan warga emas ini.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, bercakap tentang isu perumahan pula saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan Negeri tentang pemberian berhubung keputusan Kerajaan Persekutuan yang telah menurunkan nilai ambang pemilikan rumah warga asing daripada RM1 juta kepada RM600,000.00. Menerusi laporan terbitan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara iaitu LAPIC NAPIC sehingga separuh pertama tahun 2019 terdapat sejumlah 4,243 unit rumah tidak terjual atau *overhang* yang bernilai RM3.63 billion di seluruh Negeri Selangor. Manakala jumlah bagi unit dalam pembinaan sebelum terjual pula adalah sebanyak 15,389 unit.

Dasar nilai ambang pemilikan rumah bagi warga asing di Negeri Selangor pada ketika ini telah ditetapkan pada nilai RM2 juta. Justeru, saya ingin bertanya apakah pihak Kerajaan Negeri bersetuju dengan keputusan yang dibuat di peringkat persekutuan ini dan akan turut melakukan perkara yang sama bagi mengatasi masalah *overhang* yang berlaku di Negeri Selangor ini?

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Selain daripada itu, isu nilai ambang pemilikan warga asing ini saya juga ingin menarik perhatian pihak Kerajaan Negeri berhubung kebimbangan saya terhadap projek perumahan yang baru dilancarkan atau dengan kata lain projek perumahan ini baru dibuka untuk jualan kepada pembeli dan belum lagi dibeli. Jika kita lihat statistik yang turut sama dikeluarkan oleh LAPIC bagi tempoh separuh pertama tahun 2019 ini, sebanyak 2,387 unit baru telah dilancarkan. Mengikut pecahan harga daripada 2,387 unit ini sebanyak 339 unit atau 14.2% adalah berharga RM300,000.00 ke bawah. 737 unit atau 30.9% berharga antara RM300,000.00 ke RM600,000.00. Manakala 1,311 unit lagi atau 54.9% adalah berharga RM600,000.00 ke atas.

Bagaimana pula prestasi jualan unit-unit rumah ini? Bagi rumah berharga RM300,000.00 ke bawah iaitu di bawah kategori mampu milik hanya 63 unit mampu terjual berbanding penawaran sebanyak 339 unit. Bagi unit berharga RM300,000.00 hingga RM600,000.00 hanya 203 unit terjual berbanding penawaran sebanyak 737 unit.

Manakala unit perumahan berharga RM600,000.00 ke atas pula sebanyak 526 unit sahaja yang mampu terjual berbanding penawaran sebanyak 1,311 buah unit rumah. Secara keseluruhannya terdapat risiko penambahan jumlah *overhang* sebanyak lebih 1,500 unit seandainya unit-unit ini tidak mampu terjual bagi rumah di luar harga mampu milik pula adalah sekitar 1,300 unit. Jumlah ini masih belum termasuk lagi unit-unit yang dilancarkan pada suku ketiga tahun ini yang datanya masih belum dikeluarkan oleh NAPIC. Dengan kata lain, apabila kita melihat angka-angka yang saya sebutkan ini kita boleh membuat kesimpulan awal bahawa masalah *overhang* yang sedang berlaku kini dijangka terus membengkak sekiranya tiada langkah khas bagi menghalang pihak pemaju daripada terus membina rumah yang di luar kemampuan rakyat kebanyakan.

Maka, saya mengharapkan jawapan daripada pihak Kerajaan Negeri tentang langkah-langkah yang telah dirancang bagi mengatasi risiko *overhang* pada masa hadapan disebabkan peningkatan tawaran unit rumah yang di luar harga mampu milik ini. Kegagalan melaksanakan langkah komprehensif hanya akan mewujudkan spekulatif dalam pasaran sedia ada dan akhirnya tidak akan menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi kini.

Saya beralih pula kepada perkara lain. Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan mengambil alih beberapa lebuh raya dalam Belanjawan 2020 yang telah dibentangkan iaitu Lebuh raya KESAS, SPRINT, LDP dan Terowong SMART dengan pembiayaan sejumlah lebih RM6 billion. Kita difahamkan Kerajaan Negeri menerusi Kumpulan Perangsang Selangor Berhad memiliki 20% saham masing-masing di LDP dan Lebuh raya SPRINT manakala Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menguasai 30% saham Lebuh raya KESAS.

Menerusi pegangan ini, saya ingin bertanya adakah Kerajaan Negeri akan memperoleh sejumlah pampasan atau terimaan menerusi dua syarikat ini apabila kita perlu melepaskan pegangan di dalam tiga lebuh raya ini iaitu KESAS, LDP dan SPRINT. Apabila Kerajaan Persekutuan mengambil alihnya?. Sekiranya ada, berapakah jumlah pampasan atau terimaan tersebut serta kah apakah perancangan pihak Kerajaan Negeri bagi memastikan pampasan atau terimaan tersebut dilaburkan semula untuk tujuan keuntungan yang lebih baik pada masa hadapan. Ini adalah sangat penting kerana pegangan 3 buah lebuh raya ini telah memberikan hasil yang baik kepada Kumpulan Perangsang dan PKNS selama ini. Sudah tentu selepas pegangan ini dilepaskan ia nya secara langsung dan tidak langsung

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

akan memberi kesan serta implikasi kewangan kepada 2 buah syarikat ini. Perkara terakhir yang hendak saya tekankan di sini, adalah berkenaan sukan. Yang Amat Berhormat Menteri Besar asalnya dari negeri Johor.

Walaupun setiap hari keluar daripada mulutnya perkara berkaitan dengan negeri Selangor, namun saya yakin, saya yakin pasukan JDT masih tetap di hatinya. Oleh yang demikian, saya menyambut baik pengumuman RM10 juta di dalam Belanjawan Negeri ini sebagai dana permulaan bagi pasukan Selangor untuk persediaan menghadapi pertandingan tahun hadapan. Walau bagaimanapun, sebagaimana JDT yang sentiasa menambah baik pasukan mereka termasuklah dengan perpindahan ke stadium baru yang lebih indah dan moden. Saya juga berharap *venue* bagi sukan *Red Giant* juga dapat diambil serius oleh Kerajaan Negeri.

Seperti mana yang telah saya nyatakan dalam perbahasan Belanjawan Negeri 2019 pada tahun lalu, sekali lagi saya berharap Stadium Shah Alam dapat di naik taraf dan diperbaiki kerosakan-kerosakan yang jelas kelihatan seperti bumbung, tempat duduk serta *score board* stadium berkenaan. *Venue* perlawanan juga adalah cerminan kepada ketirisan sebuah pasukan yang bertanding. Sedihnya Stadium Shah Alam ini apabila dilihat dari luar keadaannya tersangatlah uzur dan tiada lagi ciri-ciri stadium yang boleh dibanggakan dengan keadaan kusam dan tidak bermaya. Harus saya ingatkan, Stadium Shah Alam pada satu ketika pernah berada dalam zaman kegemilangannya, maka tiba masanya juga kita kembalikan semula kegemilangan stadium keramat kita ini.

Memandangkan Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM2.24 juta untuk kerja-kerja pembaikan dan naik taraf infrastruktur sukan di negeri. Maka saya ingin mencadangkan agar sebahagian daripada peruntukan ini dapatlah disalurkan bagi menaik taraf dan memperbaiki kerosakan yang dialami oleh Stadium Shah Alam ini. Untuk rekod, sepanjang Pakatan Rakyat hingga Pakatan Harapan memerintah Selangor dari tahun 2008 pasukan Selangor hanya memenangi Piala Liga Super sebanyak 2 kali sahaja iaitu pada tahun 2009 dan tahun 2010. Manakala Piala Malaysia pula hanya sekali sahaja pada tahun 2015 selepas 32 kali menjadi juara Piala Malaysia sepanjang piala ini dipertandingkan. Sudah tiba masanya, pembangunan pasukan Negeri Selangor ini diberi perhatian untuk menghasilkan lagi sebuah pasukan yang lebih mantap berbanding musim ini.

Berkenaan dengan pelancongan. Selangor terdiri daripada beberapa buah daerah berbeza. Setiap daerah menawarkan keistimewaan untuk diingati oleh sesiapa sahaja yang menjadikan kawasan ini sebagai kawasan pelancongan. Kepelbagaiannya kaum etnik dan budaya serta adat terdapat di Negeri Selangor, betapa uniknya budaya di negeri Selangor ini terutamanya dalam bidang kesenian dan kebudayaan mampu menarik minat pelancong seperti mana yang kita ketahui di Selangor ini, semua etnik daripada setiap negeri bermula daripada Negeri Sarawak, Sabah, Johor hingga ke Perlis dan pantai timur ada bermastautin dan telah menjadi rakyat di Negeri Selangor ini.

Oleh sebab itu, saya kira perlunya di Bahagian Pelancongan memberi penekanan bagaimana ingin mempromosikan kepelbagaiannya etnik di negeri Selangor ini. Selain daripada fokus Kerajaan Negeri terhadap pelancongan mewah yakni *Cruise Tourism* saya cadangkan supaya Kerajaan Negeri membuat fokus kepada kesenian dan kebudayaan. Cadangan ini dapat memberi impak lebih berkesan kepada pelancongan yang ingin menjadi sesuatu yang baru bagi sempena Tahun Melawat Malaysia pada tahun 2020. Ini

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

adalah perlu bagi persediaan awal merangka dasar dan pelan tindakan awal untuk benar-benar merealisasikan Tahun Melawat Selangor pada tahun 2021. Saya mohon supaya Yang Berhormat EXCO Pelancongan dapat membentangkan Pelan Tindakan Pelancongan ini seawal suku tahun pertama tahun hadapan.

Sebelum saya sampai ke ucapan penutup saya. Saya ingin menumpukan cadangan dan potensi yang ada di kawasan Sungai Air Tawar untuk diambil perhatian oleh Kerajaan Negeri untuk dibangunkan. Dalam usaha Kerajaan Negeri menjadikan Tahun Melawat Selangor 2021. Saya mohon Sungai Air Tawar dapat digazetkan sebagai satu pusat pelancongan Kampung Tradisional kerana melihat banyak potensi yang ada untuk dibangunkan di kawasan sekitar yang mampu menarik minat pelancong untuk datang ke Sungai Air Tawar.

Selain itu, saya ingin mengambil peluang membawa isu yang paling penting dan serius untuk diselesaikan berkaitan dengan nelayan. Mereka kini mengalami masalah pencerobohan dari nelayan warga asing yang terlalu ramai yang diambil kerja oleh nelayan kita sendiri. Hal ini menimbulkan rasa ketidakpuashati para nelayan kerana pekerja warga asing dengan menggunakan buba, naga dan pukat tarik tepi di kawasan-kawasan yang tidak sepatutnya. Nelayan warga asing ini juga dilihat banyak membuat pembuangan sisa sampah plastik di laut dan perkara ini mendatangkan kesan negatif kepada ekosistem laut. Sisa-sisa sampah ini terapung di pesisiran pantai dari kawasan Sri Kendi Sehingga Pantai BNO yang kini menjadi salah satu tarikan pelancong yang hadir ke kawasan Sungai Air Tawar.

Saya mohon supaya penguatkuasaan secara bersepadu kerap dijalankan melibatkan agensi kerajaan terutamanya Imigresen, Polis Marin untuk menyelesaikan masalah ini. Sudah tiba masanya Kerajaan Negeri bersama agensi kerajaan mengambil langkah yang lebih keras demi menjaga hak nelayan tempatan daripada terus dihimpit dengan pendapatan yang semakin hari semakin berkurangan. DUN Sungai Air Tawar juga mempunyai potensi besar untuk dimajukan sebagai tempat penganjuran aktiviti sukan ekstrem seperti *motorcross* dan sukan *Drag Sprint Test* dahulunya kita ada litar *motorcross* di Sungai Apung iaitu di Tanjung Sauh tetapi terpaksa ditutup atas masalah kewangan.

Manakala litar *drag Sprint Test* juga tidak dapat diteruskan atas faktor sekuritasi yang tidak menepati ciri-ciri keselamatan yang digariskan oleh pihak berkuasa. Adalah menjadi hasrat rakyat Sungai Air Tawar terutamanya anak muda supaya ambil peduli perkara ini sekali gus dapat menjadikan litar *drag* Sungai Layang di Parit Baru setanding litar *drag* yang ada di Kampung Gajah, Perak. Saya yakin dengan adanya litar *motorcross* dan *drag Sprint Test* ini dapat menarik minat lebih ramai penggemar sukan itu dari dalam dan luar negara untuk datang secara tidak langsung merangsang kan ekonomi setempat rakyat di DUN Sungai Air Tawar ini.

Anak-anak muda juga perlu diambil perhatian terutama anak muda di kampung ini. Mereka masih lagi menanti peluang pekerjaan baru yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri supaya mereka tidak tinggalkan kampung mereka untuk mencari kerja di kawasan bandar. Justeru itu, saya ingin juga bertanyakan secara terperinci apakah pelan tindakan terhadap gugusan pertanian yang ada di Sabak Bernam terutamanya di DUN Sungai Air Tawar yang dikhabarkan akan mewujudkan satu kawasan penanaman nenas madu MD2 dan tanaman

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Roselle. Anak muda di kampung kini juga ada yang telah menceburi perniagaan *online* dan ada antara mereka yang sudah bergelar jutawan.

Saya mengambil peluang untuk menyampaikan hasrat mereka supaya Kerajaan Negeri segera meningkatkan perkhidmatan jalur lebar tinggi di daerah Sabak Bernam dalam kadar yang segera. Dengan kemajuan yang ditambah baik seiring dengan pengetahuan yang ada saya percaya mereka ini dapat mewujudkan peluang kerja yang banyak untuk anak-anak muda yang berada di kampung untuk menceburi bidang ini. Sektor IKS juga harus diambil perhatian, saya mohon supaya banyakkan lagi pendedahan seperti kursus dan peluang untuk mereka mengembangkan lagi perniagaan mereka melalui kerjasama agensi Kerajaan Persekutuan dan juga peluang-peluang pemasaran.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya rasa cukup sampai di sini sahaja ucapan perbahasan Belanjawan Negeri 2020 ini. Seperti yang pernah saya sebutkan sebelum ini kami sebagai pembangkang tidak akan membangkang membuta tuli sebagaimana pembangkang yang pernah ada di peringkat persekutuan sebelum PRU 14 yang lalu, segala yang baik kami akan nyatakan sokongan kami, tetapi apa yang dilihat tidak membawa aspirasi dan kehendak rakyat pastinya kami tidak akan berdiam diri. Segala apa yang ditegur diharap dapat diberikan perhatian dan tindakan lanjut daripada pihak kerajaan. Sesungguhnya kita semua di dalam dewan yang mulia ini memegang amanah yang akan dipertanggungjawabkan kelak kepada kita.

Sebelum saya mengakhiri ucapan perbahasan saya ini, izinkan saya membaca terjemahan Surah An-Nisa ayat ke 58 yang bermaksud “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya dan yakni menyuruh kamu apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberikan pengajaran yang sebaik-baiknya kepada mu, sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat”. Untuk itu terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker atas ruang masa yang diberikan. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Terima kasih Tuan Speaker. Salam sejahtera, salam reformasi. Dalam tidak sedar, kini kita telah hampir memasuki dekad yang baharu. Setelah 20 tahun menuntut reformasi untuk dilaksanakan dalam pentadbiran dan tata kelola Kerajaan Malaysia. Kini ditadbir oleh Pakatan Harapan yang menggalas amanah dan tanggungjawab besar. Tahun 2020 adalah tahun yang kita semua nantikan, satu zaman yang kita bangunkan bersama. Membangun Bangsa Malaysia yang berbudaya, damai dan harmoni.

Sekalung apresiasi buat Tuan Speaker kerana memberi ruang kepada saya untuk memulakan sesi perbahasan Belanjawan 2020 bagi Ahli Dewan Negeri penyokong Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan yang kita sayangi dan sanjungi. Dengan rasa syukur, saya menyanjungi pembentangan Belanjawan oleh Dato' Menteri Besar serta pasukannya yang komited dalam membina dasar yang mampan demi pembangunan negeri yang lebih stabil dan sentiasa bersedia di arena global.

Saya dengan bangganya mempersilakan dan menjemput semua Yang Berhormat untuk bersama-sama merealisasikan keutuhan ekonomi negeri demi menjaga kesinambungan,

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

kesejahteraan rakyat Selangor. Sayangkan anak kita dodoi-dodoikan. Sayangkan teman kita ingat-ingatkan. Sayangkan kerajaan kita berikan sokongan, sayangkan rakyat Belanjawan 2020 kita hadiahkan.

Tuan Speaker, tahniah sekali lagi pembentangan Belanjawan 2020, Selangor Negeri Unggul Kehidupan Bermartabat. Keseimbangan dan kemakmuran adalah dua dasar utama yang kita boleh ringkaskan di sini. Pengurusan dan perancangan, perbelanjaan yang telus. Hujah ini akan dicerakinkan dan menyusul ke arah teras-teras yang mendasari pembangunan seimbang.

Sekali gus mewujudkan kesinambungan yang mantap dalam menyumbang ekonomi negara sejajar dengan Belanjawan 2020 yang telah dibentangkan di Parlimen baru-baru ini. Tuan Speaker dan Yang Berhormat sekalian, teras pertama yang harus kita halusi adalah pemberdayaan ekonomi ataupun dengan izin *economic empowerment*.

Persoalan yang timbul di kalangan rakyat adalah berkisarkan tentang keserasian ekonomi. Bagaimanakah pemberdayaan ekonomi ini serasi di antara peniaga dan pengguna makna kata apakah pembeli yang lebih mempunyai kuasa pembelian selepas ini kita pohon dasar ini dijadikan satu modul untuk difahami oleh semua golongan bukan sahaja di peringkat DUN malah diperingkat-peringkat kampung-kampung, taman-taman juga memerlukan satu kaedah pencerahan yang terperinci agar pembangunan ekonomi ini seiring dengan pembangunan rakyat.

Kita tidak mahu apa yang kita bentangkan dan luluskan di dewan ini hanya gah di media umum tetapi rakyat masih terpinga-pinga apa solusi nya? Saya yakin semua akan memain peranan penting bagi memastikan keunggulan itu adalah satu realiti.

Justeru itu saya mencadangkan modul pemberdayaan ekonomi dengan izin *economic empowerment* yang *inclusive* dapat dilaksanakan di Negeri Selangor dan kita boleh mula di kawasan luar bandar dan juga desa. Saya yakin Ahli Dewan Negeri luar bandar dan juga desa di Negeri Selangor bersedia menjadi pelopor utama menyediakan penerangan yang bersasar. Apakah modul ini penting? Ya. Penting untuk kita jelas kepada umum bahawa setiap sen yang dibelanjakan adalah untuk kebaikan bersama.

Kita ambil contoh *Selangor International Business Summit* yang memperuntukkan sejumlah RM11 Juta. Tidak semua rakyat tahu akan kepentingan program ini tetapi apakah mereka tidak mahu terlibat sama dalam sektor ini. Jadi bagaimana caranya? Yang kita boleh libatkan rakyat dalam program sebegini. Saya menyusulkan juga selain program bertaraf antarabangsa ini adalah baik juga jika Kerajaan Negeri sekurang-kurangnya melaksanakan satu (dengan izin) Selangor *more medium summit*, industri kecil dan sederhana yang merupakan agen sektor pembuatan negara ini. Secara tidak langsung ia akan membantu dalam melebarkan seluaskan skim Hijrah yang mana pada tahun 2020 telah diperuntukkan sejumlah RM30 Juta. Tarikan yang bersasar ini sudah dapatkan akan berupaya menjana ekonomi setempat.

Tuan Speaker, saya tertarik dengan pembangunan teknologi yang sentiasa beredar mengikut zaman. Selangor pastinya tidak mahu ketinggalan dalam pembangunan ini.

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Inisiatif terbuka untuk pembangunan artistik *Interlaken* (AI), *Internet Of Thing* (IOT), Internet ekonomi digital dan lain-lain adalah satu langkah berani Kerajaan Negeri meletakkan keupayaan rakyat untuk bersaing di era digital yang mengiringi pasaran global. Jadi apabila Dato' Menteri Besar membentang Belanjawan kelmarin.

Perkara yang pertama Dato' Menteri Besar menyebut semasa pembentangan Bajet tersebut adalah tentang inisiatif Smart Selangor. Dan saya amat bangga negeri Selangor merupakan peneraju dalam bidang ini. Inovasi sains dan teknologi, program dan seminar boleh dijadikan kerjasama daripada agensi berkaitan seperti Pusat Khidmat, NGO, industri yang sedia ada dalam pengajuran dan latihan seperti pendidikan stem boleh diketengahkan. Ini juga mampu menarik minat pelajar sekolah untuk mencintai dunia sains dan teknologi. Kita juga teruja dengan keberanian Kerajaan Negeri untuk menerokai industri angkasa yang mensasarkan peluang pekerjaan yang besar kepada rakyat Selangor. Saya ingin menambah sedikit, adalah tidak menjadi mustahil untuk memulakan beberapa usaha mengkaji sebagai contohnya, satu pusat kajian satelit dan juga kenderaan elektrik ataupun EV (*electric vehicle*) di negeri Selangor kita ada jumlah *electric charge* yang paling banyak dibandingkan negeri-negeri lain.

Kita ada boleh katakan di pasar raya, *shopping center* (dengan izin), di stesen minyak dan sebagainya. Tetapi kos kenderaan *electric vehicle/EV* ataupun kenderaan elektrik yang diimport adalah terlalu tinggi. Jadi ini adalah satu sektor, saya harap Kerajaan Negeri akan memberi sedikit perhatian. Hasil kajian dan ciptaan sepenuhnya anak Selangor. Industri ini pastinya akan mengundang pasaran dan syarikat global untuk turut bersama.

Saya mencadangkan Tuan Speaker, satu perkara lain iaitu melibatkan pelajar-pelajar dan juga orang awam. Bukan sahaja dalam smart Selangor inisiatif tetapi dalam latihan *survival skill/kemahiran survival*. Kemahiran ini sebenarnya adalah untuk membantu rakyat Selangor dalam apa juga keadaan. Sebagai contohnya CPR ataupun membantu mangsa kebakaran dan lemas. Ketika dalam bencana yang tidak dijangka antaranya adalah banjir kilat, kebakaran, lemas di sungai ataupun laut.

Statistik menunjukkan bahawa terdapat seorang mangsa, sekurang-kurang seorang mangsa yang lemas mati di setiap hari di Malaysia. Dan kalau kita lihat statistik tersebut memang mangsa-mangsa datang dari negeri Selangor. Walau bagaimanapun kebanyakannya daripada kami di negeri Selangor, rakyat di negeri Selangor tidak mempunyai latihan untuk menyelamatkan mangsa sebagai contohnya yang lemas di dalam sungai ataupun laut dan saya rasa Kerajaan Negeri boleh melihat perkara ini dan menjadi peneraju dalam bidang *survival skill ini*. Tuan Speaker faktor keselamatan adalah penting bagi kesejahteraan hidup kita semua.

Maknanya saya menyambut baik saranan yang telah dibentangkan. Pemasangan CCTV sebagai contohnya, polis bantuan dan sebagainya adalah satu inisiatif yang baik tapi bagaimanakah kita dapat memaksimumkan tugas dan peranannya. Jadi CCTV yang telah dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar adalah satu perkara yang sangat bagus. Tetapi pada masa sama kita juga perlu lihat satu persoalan besar yang mungkin dipertikaikan iaitu Kerajaan Negeri dan juga agensi berkuasa yang berkaitan mesti bersedia untuk melihat isu-isu tentang (dengan izin) *privacy* ataupun isu-isu *privacy* lah (dengan izin) jadi selain daripada untuk membantu polis dan kalau ada kes-kes jenayah ataupun *accident* kenderaan dan sebagainya.

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Kerajaan Negeri juga mesti pastikan kita ada satu (dengan izin) *protection data* yang kukuh, yang mana orang awam pada masa yang sama akan dilindungi oleh akta ataupun enakmen yang perlu dibentangkan dalam dewan ini supaya data peribadi mereka tidak diguna sewenang-wenangnya. Jadi pada masa yang sama untuk mengelakkan pembaziran kos dan lain-lain saya juga ingin cadangkan bahawa pemasangan CCTV ini bukan sekadar untuk merakam apa yang berlaku di jalan raya tetapi ia nya sebenarnya boleh berfungsi sebagai pengumpulan data, *back data* (dengan izin) ia juga boleh berfungsi sebagai lampu LED, Unifi, khasnya 5G yang sedang dikaji pada masa ini di negeri Selangor dan lain-lain. Saya juga ingin cadangkan satu unit memantau berkala hendaklah diwujudkan serta-merta dan mestilah berada di bawah pengetahuan dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker, pelbagai kaedah dan pendekatan memang kita boleh bina, kita boleh buka ruang pelbagai ruang kepada pembikin aplikasi untuk membantu unit-unit *Smart Selangor* untuk memantau dan juga membantu mencari *solusi* di semua kawasan-kawasan masing-masing. Sebagai contohnya sistem aplikasi parkir. Yang saya difahamkan diguna oleh beberapa PBT-PBT di negeri Selangor.

Saya cadangkan supaya semua PBT harus menggunakan sistem yang sama. Ini adalah, bukan sahaja untuk mengurangkan kos untuk membangunkan aplikasi tersebut tetapi data yang dikumpulkan adalah satu perkara yang penting yang boleh digunakan oleh kerajaan untuk membuat satu dasar, mungkin dasar parkir yang lebih baik di negeri Selangor. Jadi menyambut baik jumlah yang saya rasa sangat besar yang diberi untuk inisiatif *Smart Selangor* iaitu RM50 Juta untuk tahun 2020 dengan jumlah sehingga saya difahamkan RM300 Juta untuk 5 tahun punya akan ditangani. Saya yakin ramai graduan muda lulusan dalam dan luar negeri dengan pelbagai latar belakang dan pengetahuan boleh membantu kerajaan Selangor untuk memastikan teknologi semua teknologi yang baik boleh digunakan dan dikongsikan dengan rakyat di negeri Selangor.

Sidang Dewan Yang dihormati seterusnya, saya ingin menyentuh sedikit tentang pengupayaan kita memelihara persekitaran hidup yang sihat yang harmoni. Sejak 2008 pelbagai Skim dan program berkaitan kesihatan rakyat telah menjadi dasar kesejahteraan hidup. Dari kecil hingga warga emas semua memperolehi manfaat bersesuaian dengan tahap kesihatan dan keperluan. Jadi Tuan Speaker, saya menyokong kesediaan Kerajaan Negeri untuk mengambil berat tentang kesihatan penjawat awam dengan peruntukan RM1.5 Juta. Tekanan di tempat kerja bebanan hutang adalah sebahagian punca yang boleh menganggu tahap kesihatan khususnya penjawat awam. Ini kesihatan mental juga. Namun rakyat lain juga kita ketepikan. Selari dengan program dan kempen yang Kementerian Kesihatan yang laksanakan.

Saya ingin tambah satu syor kepada Kerajaan Negeri Selangor di mana khasnya/khususnya Skim Peduli Sihat seharusnya memasuki beberapa segmen masyarakat di bawah Kerajaan Negeri Selangor iaitu sebagai contohnya Pengurus dan juga AJK MPKK di kampung-kampung tradisi, Kampung-kampung Baharu dan juga Kampung Bagan. Selain daripada itu, ketua-ketua komuniti India seharusnya dimasukkan dalam Skim Peduli Sihat dan juga semua staff Pusat Khidmat Masyarakat DUN kerana setakat ini mereka memberi bakti, dan memberi jasa kepada Kerajaan Negeri. Mereka memberi perkhidmatan yang sangat baik. Mereka kerja bersungguh-sungguh tapi bila sakit, mereka terpaksa guna duit sendiri untuk jumpa doktor. Jadi saya yakin Dato' Menteri Besar

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

dan juga barisan EXCO ini boleh mempertimbangkan permohonan ini khasnya yang datang daripada *Backbenchers* (BBC) (dengan izin).

Tuan Speaker, saya juga, ada masa 2 minit tapi banyak muka surat lagi. Dalam kesempatan ini saya ingin mengucapkan, saya ingin menyentuh sukan di negeri Selangor. Dalam kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada pasukan bola sepak Selangor yang berjaya meletakkan pasukan ke peringkat separuh akhir pada Piala Malaysia baru-baru ini. Dan juga tahniah pasukan Johor (JDT) yang menjuarai dan Kedah di tempat kedua. Sesungguhnya sukan bola sepak adalah penyatuan kita semua.

Selain daripada bola sepak saya melihat Selangor juga berpotensi kepada peneraju utama dalam sukan permotoran dan sukan air. Kita mempunyai persisiran pantai dan tasik yang menarik di jadikan pusat sukan air. Saya tidak mahu mengulas panjang tentang lokasi-lokasi yang terbaik tetapi saya yakin agensi dan Kerajaan Negeri mampu melaksanakannya. Sukan permotoran ini bukan sahaja dapat membantu mengurangkan kemalangan jiwa ia juga dapat mendidik masyarakat supaya sukan bahawa sukan permotoran juga boleh dijadikan salah satu sumber untuk mendidik anak-anak kita tentang kepentingan keselamatan.

Antara sukan permotoran yang boleh kita galakan ialah Go-Kart, Carprix, Car Endurance dan sebagainya. Liga bersiri boleh diwujudkan di peringkat Parlimen dan DUN. sejurusnya ini akan seterusnya ini membuka ruang kepada semua peminat sukan bermotor untuk terlibat. Bukan sahaja sebagai peserta malah sebahagian daripada pembekal alat-alat sukan. Saya pasti akan ramai pengusaha bengkel-bengkel motor kereta berminat dengan program sebegini. Kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan, pihak keselamatan PDRM pihak pertolongan kecemasan juga dapat kita memperkasakan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Bukit Lanjan, sila duduk dahulu. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan jam 1.00 tengah hari, dengan ini saya menangguhkan sesi perbahasan Rang Undang-Undang Pembekalan 2020 dan kita akan sambung semula ke pukul 2.30 petang.

**(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 1.00 PETANG)**

**(DEWAN DISAMBUNG SEMULA)**

**(TUAN TIMBALAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN)**

**TIMBALAN TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan disambung semula dengan perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020. Dipersilakan Yang Berhormat Bukit Lanjan untuk meneruskan perbahasan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Terima kasih Tuan Speaker. Sebelum loceng berbunyi tadi pada pukul 1:00 petang, saya telah menyentuh beberapa perkara khasnya tentang motor sport, sukan motor dan sebagainya.

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Jadi satu *point* tambahan yang saya ingin utarakan dalam Dewan yang mulia ini, adalah saya menyambut baik inisiatif Roda Darul Ehsan atau pun RIGHT dengan izin dengan peruntukan RM1 juta di mana anak-anak muda kita mempunyai *accessibility* dengan izin dan juga mobiliti untuk mendapat lesen motornya. Cuma saya ingin menekan satu perkara kepada Kerajaan Negeri Selangor dan saya harap Yang Berhormat Seri Serdang akan membawa perkara ini iaitu daripada jumlah RM1 juta itu saya memang harap kita dapat juga satu kuota untuk pemandu wanita motor. Jadi ini ada sekurang-kurangnya 30% daripada inisiatif ini harus diberi kepada pemandu wanita.

Tuan Speaker, menyentuh kepada peranan-peranan wanita dalam kemampunan ekonomi dan pembangunan dasar serta polisi, saya mencadangkan satu Kertas Putih yang merangkumi kesediaan dalam penyertaan pentadbiran sama ada di peringkat Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Pusat. Umum mengetahui sasaran sedia ada adalah 30% penglibatan wanita dalam kerangka pembikin dasar dan polisi. Oleh yang demikian, saya menggesa agar Institut Wanita Berdaya atau pun IWB untuk memulakan langkah persediaan awal pimpinan wanita di semua peringkat. Bayangkan walaupun Dewan Negeri Selangor merupakan Dewan di mana wakil rakyat wanita adalah tinggi tetapi paling tinggi dalam sejarah kita iaitu pada penggal lepas, kita hanya dapat menyentuh 25% daripada jumlah wakil rakyat dalam Dewan yang mulia ini. Dan walaupun dibandingkan dengan Dewan Negeri yang lain, ianya sangat tinggi tetapi saya rasa ini adalah masa yang tepat iaitu pada tahun 2020 perwakilan atau pun wakil rakyat dan juga penglibatan wanita dalam penggubalan dasar dan juga polisi Kerajaan Negeri harus meningkat sehingga ke tahap yang kritikal iaitu 30%.

Jadi saya menyambut baik peruntukan yang di maklum oleh Dato' Menteri Besar pada hari Jumaat, bahawa akademi kepimpinan Wanita Selangor akan diberi peruntukan sebanyak RM 500,000.00 untuk melatih 100 orang wanita. Dan saya juga ingin menekankan bahawa wanita yang dipilih ini tidak semestinya wanita yang mewakili parti politik kerajaan. Kita juga ingin melibatkan semua wanita dari semua parti politik, NGO, masyarakat dan sebagainya. Kerana yang penting adalah kita ingin meningkatkan perwakilan dan juga representasi wanita dalam Dewan yang mulia ini dan juga Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker, saya ingin menyentuh tentang KISS, program KISS di Negeri Selangor. Di mana Dato' Menteri Besar telah mengumumkan tambahan sebanyak RM12 juta kepada program KISS. Saya rasa ini adalah satu pendekatan yang bagus di mana 5 ribu wanita tidak kira ibu tunggal atau pun yang ada keluarga dan sebagainya akan dapat manfaat. Saya ingin tekankan satu perkara di mana dalam boleh katakan semua kajian yang dijalankan tidak kira di Negeri Selangor, di Malaysia atau pun di luar negara, wanita merupakan dengan izin *gate keeper* yang paling bagus dari segi perbelanjaan rumah tangga mereka. Jadi program KISS di mana untuk tahun depan 5 ribu keluarga akan dapat manfaat ini. Saya ingin menyeru kepada Kerajaan Negeri untuk tambah lagi. Mengapa begitu, kerana kalau kita dengan izin, *inject additional funds* dalam ekonomi Negeri Selangor, maka duit tersebut akan digunakan untuk mendorong perbelanjaan yang lebih dalam negeri ini. Jadi dalam mana-mana keadaan khasnya kalau ada keadaan di mana ekonomi muram atau pun tidak begitu baik, lebih baik kalau Kerajaan Negeri menjadi penyumbang yang lebih banyak kepada rakyat iaitu kita perlu letakkan tunai, duit tunai dalam tangan mereka, tangan keluarga supaya mereka belanjakan duit tersebut dalam negeri ini.

## 4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

Tuan Speaker, saya ingin menyentuh beberapa perkara lagi iaitu tentang alam sekitar. Dan satu perkara yang telah menarik perhatian saya adalah satu program baharu yang dalam Belanjawan Selangor 2020 di mana ada projek atau pun program untuk tanam pokok dalam bandar. Saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana prihatin tentang isu ini. Walau bagaimanapun, peruntukan sebanyak RM500 ribu untuk menanam 5 ribu batang pokok sahaja adalah terlalu mahal. Maksudnya satu pokok harganya RM100, saya ingin syorkan kepada Kerajaan Negeri untuk menyemak semula atau pun menambah satu lagi program dalam program tersebut iaitu menggunakan baki, kalau pokok itu tidak begitu mahal menggunakan baki untuk melatih lebih warga Selangor menjadi *abburis*. Apa itu *abburis*, *abburis* ini adalah pakar ataupun doktor pokok. Di Negeri Selangor kita tidak cukup *abburis* dan sebelum ini kita pernah bayar latihan, yuran latihan sangat-sangat mahal iaitu RM5 ribu setiap orang, hampir RM5 ribu supaya kita boleh latih pegawai PBT untuk menjadi *abburis*. Jadi kalau kita cantumkan kedua-dua program ini iaitu tanam pokok dalam bandar dan latihan *abburis* di Negeri Selangor untuk jumlah sebanyak RM500 ribu, saya rasa itu adalah perbelanjaan yang sangat memuaskan.

Perkara kedua yang juga ada kaitan dengan alam sekitar, di mana Pusat Kitar Semula PBT diperuntukkan sebanyak RM600 ribu dan juga program Kitar Semula Kampung Tradisi yang diperuntukkan sebanyak RM500 ribu, jumlah RM1.1 juta adalah satu jumlah yang sangat-sangat bagus untuk memulakan beberapa program khasnya untuk mengitar semula di peringkat PBT dan juga Kampung-kampung Tradisi. Saya ingin tanya kepada Kerajaan Negeri, pada masa yang sama walaupun kita menggalakkan Program Kitar Semula, ada satu draf enakmen yang telah diserahkan kepada pejabat dengan izin, Attorney General Chambers beberapa tahun yang lalu, iaitu Enakmen Sisa Pepejal Negeri Selangor. Saya difahamkan mungkin enakmen draf enakmen ini masih dalam Pejabat Attorney General dan saya harap Kerajaan Negeri akan mengejar pejabat tersebut supaya undang-undang yang seharusnya dilaksanakan dan dikuatkuasakan di Negeri Selangor boleh ada nafas yang baharu, kerana kalau kita hanya dirikan Pusat Kitar Semula di PBT atau pun di Kampung Tradisi tetapi tidak ada *back up* dengan izin, daripada draf enakmen atau pun undang-undang sedia ada maka untuk menjalankan program ini secara meluas adalah sangat susah.

Tuan Speaker, kita menghampiri 2 tahun pentadbiran kerajaan baharu, Pakatan Harapan. Berbagai-bagai *reform* telah terlaksana semuanya demi kebaikan rakyat yang disayangi. Saya mengetengahkan semula isu pengisytiharan harta atau pun aset untuk kesemua Yang Berhormat selari dengan pelaksanaan di peringkat Parlimen dan juga saranan oleh Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia atau pun SPRM. Yang terbaharu iaitu pada bulan Ogos 2019, semasa lawatan Ketua Pesuruhjaya SPRM, saya ingin syorkan kepada pihak Kerajaan untuk mengambil cabaran ini dan mengusulkan kepada sesi Dewan yang akan datang ini untuk mewajibkan semua Ahli Dewan Negeri mengisytiharkan harta mereka dalam bentuk akuan berkanun kepada Yang Dipertua Dewan Negeri Selangor dan disalin kepada pihak SPRM. Dan kalau kita buat begitu maka maksudnya kita akan menjadi negeri yang kedua selepas Pulau Pinang untuk melaksanakan pengisytiharan harta ini.

Tuan Speaker, saya ingin menyentuh tentang pembentukan Jawatankuasa Tetap Orang Asli di Negeri Selangor. Ini adalah satu pendekatan yang dialu-alukan bukan saja dalam Dewan yang mulia ini, tetapi oleh semua rakyat Orang Asli di Negeri Selangor. Pada masa yang sama saya ingin menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

tempoh hari kerana Duli Yang Maha Mulia telah membangkitkan kebajikan dan juga hak Orang Asli di Negeri Selangor dan Baginda bertitah semasa lawatan ke Kampung Orang Asal Mamery di Pulau Carey. Dengan ini saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri walaupun peruntukan permulaannya adalah hanya RM500 ribu tetapi kita di Negeri Selangor hanya ada 70 lebih buah kampung Orang Asli sahaja. Dan jumlah rumah tangga Orang Asli di Negeri Selangor tidak lebih daripada 20 ribu sahaja. Maka kalau kita ingin lihat sesuatu dilakukan untuk membangun kampung-kampung Orang Asli ini maka inilah Negeri yang paling tepat untuk menjalankan projek tersebut. Dan semua Adun yang ada Orang Asli dalam kawasan mereka DUN mereka, saya harap Kerajaan Negeri juga boleh masukkan mereka dalam STANDCO atau pun Jawatankuasa Tetap ini supaya mereka juga terlibat dalam penggubalan dasar polisi dan juga pembangunan Orang Asli.

Tuan Speaker, setelah mendalamai Belanjawan 2020 Negeri Selangor, saya dapat simpulkan bahawa 5 strategi tersebut menepati dan menjajari unjuran yang telah diketengahkan dalam wawasan kemakmuran bersama 2030 yang telah diluncurkan. Memenuhi 3 aspirasi besar yang akhirnya matlamat bersama adalah untuk membina negara Malaysia. Berkonsepkan 7 teras asas, saya amat yakin dengan strategi pemberdayaan Ekonomi, Pendidikan, Kesihatan, Keselamatan Sosial, Sains dan Inovasi, Sukan Penyelidikan serta Skim Kebajikan yang Kerajaan Negeri telah laksanakan. Sesungguhnya matlamat Selangor menjadi negeri unggul dan maju 2025 akan menjadi satu tanda mercu kejayaan. Seterusnya ini akan menjadi gerbang kemakmuran bersama. Apa yang paling penting dan utama adalah untuk merealisasikan wawasan ini dengan sikap dan keberanian Kerajaan Negeri dalam mengorak langkah untuk terus bersaing di sektor ekonomi digital menerokai Sains dan Teknologi, memartabatkan budaya damai dan harmoni. Justeru, saya berpandangan bahawa rakyat kini sudah bersedia dan lebih matang untuk menentukan hala tuju negara yang kita cintai. Dalam erti kata lain, kita harapkan wawasan ini mampu mengimbangi jurang ekonomi di antara kelompok pendapatan yang berbeza. Rakyat akan hidup lebih selesa, harga barang tidak membebani mereka, nilai ringgit akan kembali kukuh, inilah kemakmuran yang dirindui.

Tuan Speaker dan Ahli Dewan yang mulia ini, menyusuri 5 strategi Belanjawan Selangor 2020, saya kagum dengan kesetiaan kakitangan awam yang setiap hari berusaha dengan terbaik dengan melaksanakan amanah yang diberi. Berdepan dengan pelbagai masalah yang berjaya diselesaikan. Syabas dan saya sangat hargainya. Ini negara kita, ini belanjawan kita, ini negeri kita, ini rumah kita, ini hidup kita.

*Berdebuhan ombak berdebuhan, berdebuhan ombak memecah pantai,  
Bersyukur kita bersyukur, Selangor unggul pasti tercapai.*

*Jari telunjuk untuk menunjuk, cincin di sarung di jari manis,  
Ku lihat teman mula mengantuk, tenang sahaja sesi saya hampir habis.*

Tuan Speaker, saya dengan ini menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Lanjan, seterusnya Yang Berhormat Hulu Klang, silakan.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan, rakan-rakan sekalian.

## 4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

*Bismillahirahmanirrohim*, terima kasih Tuan Timbalan Speaker kerana memberi saya peluang berucap membahaskan Belanjawan Negeri Selangor Tahun 2020. Terima kasih Dato' Menteri Besar di atas pembentangan Belanjawan Negeri Selangor yang menampilkan beberapa angka dan makna serta strategi konsep yang sendiri. Di antara angka-angka itu ada yang kecil, ada yang besar. Ada yang meningkat, ada yang menurun, ada yang bertambah, ada yang berkurang. Manakala konsep-konsep yang nyata dan ada yang tersirat. Anggaran hasil kita dijangkakan sebanyak 2.2 bilion, anggaran perbelanjaan tanggungan 64 juta, bekalan 1.13 bilion dengan lebihan anggaran hasil sebanyak 1 bilion, anggaran perbelanjaan pembangunan 1.133 bilion dengan defisit bajet 133 juta. Apabila kita menyuarakan tentang bajet yang defisit kita rasa tidak biasa dan bagi rakan-rakan yang sudah berada di sini sejak bermula Pakatan Harapan diamanahkan untuk menjadi pentadbir dan pemerintah di Selangor, kita lebih selesa satu bajet yang dikatakan *surplus* dengan izin. Kita rasa kita ada rizab dan rizab kita makin meningkat dan kemudian kita ada satu bajet yang dikatakan tidak meminjam walaupun pada hakikatnya kita meminjam tapi ada dinyatakan bahawa akhirnya kutipan hasil itu melebihi apa yang dijangkakan dan dia tidak diisyiharkan secara bertulis seingat saya saban tahun sebagai bajet yang defisit tapi tidak juga dinyatakan tidak defisit. Jadi apa kesudahan kita ini? Mungkin kita rasa selesa sekiranya belanjawan kita ini dia seimbang, seimbang dalam pengertian hasil dan pendapatan berbanding perbelanjaan sama ataupun mungkin kita rasa selesa kalau kita mengatakan seimbang itu dari segi apa yang digunakan untuk pengurusan dan pembangunan itu hampir sama dan kita berasa senang hati sekiranya kos pengurusan itu kurang dan kita mempunyai bajet yang lebih dari segi peratusnya untuk pembangunan dan apabila kita bercakap tentang defisit kita tidak senang hati tapi sebenarnya ia ada strategi masing-masing. Bagi saya yang tidak begitu dengan izin dalam ekonomi menganggap bahawa strategi itu penting. Strategi dan matlamat satu bajet itu adalah penting dan bajet itu akan menjadi *surplus* atau menjadi defisit dan itu adalah strategi jangka pendek yang wajar diambil kira. Dalam bidang ekonomi ada yang mengatakan kalau sekiranya bajet itu *surplus*, bajet itu defisit ia akan merangsang satu pinjaman yang menggalakkan satu dinamik dalam perniagaan. Apa-apa pun inti pati dan tulang belakang kepada bajet yang saksama yang hendak kita tegakkan dan bagi saya sebagai seorang wakil rakyat saya mahu bahawa belanjawan kita adalah merupakan satu kontrak. Satu kontrak antara rakyat dan negara ini, di antara rakyat Selangor dan negeri. Apa maksud saya? Sebahagian besar sebahagian pakar ekonomi mengatakan bahawa belanjawan itu pada dasarnya merupakan kontrak antara rakyat dan negara. Kontrak ini berlaku apabila negara itu diwakili oleh apa yang dikatakan oleh pemerintah. Pemerintah mendapat mandat, dipilih dalam pilihan raya yang terbuka, yang telus, yang adil, yang saksama, dia diberikan satu kuasa yang besar untuk mengetahui, mengendali, mengurus, urus tadbir segala-galanya yang dikatakan tentang sumber. Sumber walaupun pada dasarnya hasil, hasil itu sama ada cukai, hasil yang tidak cukai dan hasil-hasil lain yang pentingnya adalah di sana ada sumber yang hidup manusia rakyatnya. Saya tidak mahu apa sangat saya ingin katakan di sini belanjawan ini telah memberikan sekelompok manusia satu access satu laluan untuk mengetahui rahsia-rahsia negeri, sumbernya dan oleh kerana itu ia merupakan kontrak antara rakyat yang telah mengundi memberi kepercayaan kepada pemerintah untuk memanipulasi menggunakan memanfaatkan sumber-sumber itu hingga menjadi satu pengolah yang sangat baik. Saya menganggap bahawa kalau inilah idea yang hendak kita capai maka kita belum ada di situ. Dalam konteks hari ini pun ramai di kalangan ahli ekonomi yang percaya bahawa dalam konteks semasa, kontrak seperti ini masih tidak wujud , masih mengalami keadaan yang rosak dan kritikal, maknanya apa? Kalau kita melihat sat

## 4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

negara, kita ada satu kerakyatan di Selangor, di atas kita ada Kerajaan Persekutuan, jabatan-jabatannya contohnya kita mengendalikan dengan 3 level kerajaan dengan tahap ketidaktelusan yang besar. Federal dia ada GLC, Petronas, berapa tahun Petronas sejak tahun 1971 1972, ada Akta Petroleum Negara dan tak ada orang tahu apa bendanya kecuali Perdana Menteri. Dia ada kuasa yang penuh untuk perkara tersebut dalam Petronas dan kalau kita tengok dalam senarai GLC di peringkat Persekutuan saya rasa beratus sampai Perodua, EON semua ini ada GLC- GLC dan syarikat bersekutu yang kita bagi kuasa pada kerajaan, pada Perdana Menteri untuk membentuk kerajaan dan dia tak balas balik dalam keadaan yang sepatutnya. Sama juga kalau kita di peringkat Selangor. Menteri Besar undang-undang sebahagian dari perbadanan GLC adalah pengerusi. Dia pengerusi MBI , dia pengerusi kepada beberapa anak syarikat dan perbadanan tetapi dia tidak *accountable* dan tidak diminta oleh mana-mana peruntukan negeri untuk menjadikan maklumat apa yang ada dalam syarikat tersebut dan boleh dikatakan tidak, *there is no requirement*, tidak ada keperluan bagi GLC ini bagi mengemukakan laporan tahunan dia ke apa dan sebagainya di dewan yang mulia ini. Bukan itu sahaja, kalau kita melihat di peringkat negeri kita ada EXCO dalam MMKN yang ditugaskan menjaga PBT. PBT rupanya bajet tak pernah pun dibentangkan di sini. Kita tidak perlu telus dan banyak perkara lagi yang kita dapatti bahawa di situ ada satu *gap* yang besar dalam konteks ketelusan dalam kita mentadbir negeri. Jadi itulah kalau kita hendak bercakap tentang adil, ataupun praktikal yang *real*/tentang bajet maka hendaklah kita menganggap ia satu kontrak, kontrak di antara rakyat dan negaranya dan negara ini diwakili oleh pemerintah yang diundi dan dipilih setiap tahun. Jadi kalau saya nak mati, saya nak mati dalam keadaan sempat saya berusaha untuk *contribute* membina sebuah Malaysia yang maknanya tidak ada menteri yang menguasai maklumat tentang kabinetnya, kementeriannya, jabatan-jabatannya termasuk GLC termasuk PBT-PBT di bawah kementerian yang dikatakan kementerian perumahan dan kerajaan tempatan. So kalau kita nak ada satu EXCO, Menteri Besar yang diamanahkan untuk memastikan bila *dipresent* bajet kepada kita, kita tak ada syak wasangka, kita tak *doubt*, *that is no total* kewangan negeri maka ini adalah satu keadaan yang hendak kita perjuangkan. Jadi kita bercakap tentang reformasi total. Kita bukan cakap reformasi yang institusi, agensi, perbadanan yang saja-saja tapi bercakap tentang sumber kekayaan, sumber kekayaan yang perlu diaudit yang perlu dikemukakan, yang perlu *di transparent kan* kepada semua dan kita barulah bertanggungjawab kepada bajet yang kita luluskan. Jadi apa yang hendak saya nyatakan di sini di antara negara-negara maju mereka hendak mencari jalan formula yang saksama, yang seimbang, yang serata bagaimana kompleksnya tekanan fizikal, pengharapan yang tinggi dan saya rasa syurga rakyat terhadap pemerintah dan kejujuran pemerintah dalam mengolah bajet. Saya ulang balik, kita hendak membentuk satu keadaan di mana kompleksnya tekanan fizikal berganding dengan harapan yang tinggi rakyat, rasa curiganya mereka tak ada, dan *honest* jujurnya pemerintah dalam mengolah satu bajet yang tidak *hide* tidak sembunyikan benda itu. Jadi maknanya kalau kita membentangkan bajet Negeri Selangor setiap tahun, kita bercakap tentang mewujudkan sistem yang paling telus dalam pentadbiran Negeri Selangor. Nampak, tak nampak benda itu kita akan uji dalam masa-masa yang akan datang. Tuan Speaker, Tuan Timbalan Speaker saya bercakap tentang bajet tapi saya mendekati satu idealisme perjuangan kita menegakkan demokrasi. Demokrasi yang kita nyatakan adalah demokrasi yang mahu kita tenang, kita tenteram, kita damai kita hendak cari kedamaian, kita puas hati kalau peruntukan kita sebagaimana yang di alami oleh Sungai Pelek, dipotong 30 ribu. Nak tahu saya ada di sebelah dia masa mesyuarat dengan Menteri Besar, dia boleh bertekak bercakap ,saya tak berhentikan dia sebab saya tahu dia menyuarakan rasa tidak puas hati peruntukan 30 ribu dia yang berkaitan dengan penduduk

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

rakyatnya telah dipotong. Jadi itu okay jadi itulah demokrasi yang saya idam-idamkan. Jadi saya menganggap bahawa belanjawan itu mesti adil, mesti melambangkan satu keadilan, adil itu bererti meletakkan itu di tempatnya. Dia mesti menzahirkan segala yang tidak ada disembunyikan, telus menyempurnakan pemberian yang hak kepada yang berhak menerimanya, *actual value*. Tidak mencipta alasan tanpa sebab untuk menjadikan mana-mana..

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHEW :** Hulu Klang, Hulu Klang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Hulu Klang, boleh beri laluan. Silakan Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHEW :** Terima kasih Tuan Speaker. Tadi Hulu Klang ada menyebutkan masa sudah sampai untuk ada satu reformasi untuk semua GLC dan baru-baru ini saya mendapat tahu bahawa Kerajaan Negeri Terengganu membuat keputusan bahawa mengadakan reformasi kepada semua GLC dan GLC yang tidak berjaya ataupun gagal selepas semua usaha akan ditutup. Apa pandangan Hulu Klang?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Hulu Klang.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB :** Saya sokong, saya menganggap bahawa GLC ini sudah terlalu berlebih kerana kerajaan telah *compete* dengan izin bersaing dengan sektor awam, dengan rakyat dan perniagaan. Peranan kerajaan walaupun tidak ada *line absolute* dalam konteks demokrasi tetapi kalau kita lihat dari segi kajian-kajian silam tentang negara ini persepsi rakyat tentang negara itu adalah mereka diberikan kuasa untuk mengutip cukai dan menguruskan cukai itu. *There is no decision without representation. Representation* mereka adalah melalui penglibatan melalui pandangan dan juga penglibatan daripada mengundi dan *follow up* daripada situ. Jadi saya sudah menyatakan sejak tahun 2008 dan 2009 lagi ketika saya diamanahkan menjadi Pengerusi JP ABAS, saya rasa over, teruk kita punya Kerajaan terlibat dalam *business* yang terlalu teruk dan perlu kita kurangkan dan itu pandangan saya. Jadi saya setuju tidak mencipta alasan dan sebab untuk menjadikan mana-mana pihak mempunyai hak ke atas hak awam dan hak negara. Di mana biasanya benda ini dilakukan contohnya JLC dah ada, ada keuntungan ada pekeliling yang patutnya bayar dividen kepada Kerajaan Negeri 10% daripada modal dan sebahagiannya daripada dividen hasil peniagaan dan apabila kita mengambil alih di Selangor saya dapat bahan hanya sebuah syarikat saya yang mengeluarkan dividen yang lain disalurkan ke CSR yang kita tidak tahu macam mana boleh di biarkan kemudian dia melaksanakan tugas itu secara mewujudkan anak-anak syarikat. Keuntungan dia buat pelaburan contohnya sebuah syarikat besar milik Kerajaan Selangor telah menggunakan hasil keuntungan itu untuk mewujudkan syarikat yang membeli dan mengimport *tile*, jubin daripada China tetapi dia tidak kaji betul-betul sampai di Pelabuhan Klang tidak boleh *get through*. Tidak lepas. Jadi kita lihat eksais itu berlaku banyak. Pemimpin *create* satu yang boleh memberikan ruang justifikasi untuk rakan-rakannya, kroni-kroninya mendapat gaji yang lebih dan sebagainya. So.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Mencelah, minta izin.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB :** Silakan.

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya bersama dengan Yang Berhormat dalam PAC mendapati memang gagal anak-anak syarikat membawa keuntungan kepada Kerajaan Negeri Selangor. Saya juga kurang pasti apakah tujuan ataupun asal penubuhan GLC sebenarnya dan apabila kita melalui berperingkat-peringkat memanggil satu GLC demi satu GLC rupanya bertahun-tahun telah mengalami kegagalan. Sepatutnya benda ini boleh diatasi pada penggal yang lepas lagi tetapi malangnya ketua pembangkang yang lepas gagal memikul tanggungjawab untuk memantau tetapi tahniah saya ucapan ketua pembangkang sekarang ini lebih proaktif mengimbangi, membantu untuk menilai prestasi-prestasi ataupun KPI anak-anak syarikat GLC ini. Persoalannya sekarang adakah kita Kerajaan Negeri ini mempunyai satu KPI untuk mengukur sejauh mana kebolehan operasinya anak syarikat itu. Yang keduanya sekiranya gagal untuk membawa keuntungan dan rugi berturut-turut adakah kita perlu sarankan untuk tutup GLC itu kerana kita dapati sebilangan anggota dalam GLC itu memiliki gaji yang lumayan, elaudnya yang puluh ribu. Jadi lebih tinggi daripada ADUN-ADUN yang telah diberikan kepercayaan oleh rakyat. ADUN-ADUN bertanggungjawab untuk amanah yang diberikan oleh rakyat ini untuk memantau segala hasil kekayaan negeri itu sendiri tetapi ADUN-ADUN nya dapat menilai apabila syarikat itu gagal. Apabila syarikat itu datang ke PAC setelah Audit Negara menegurnya. Jadi sudah terlewat, jadi saya sarankan supaya Kerajaan Negeri ada satu KPI untuk menilai prestasi-prestasi anak syarikat itu. Apa pendapat Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB :** Setuju 100%.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB :** Setuju dan saya amat menyokong pandangan tersebut di mana kita pernah mengemukakan pada anak-anak syarikat ini pekeliling daripada Perbendaharaan Kerajaan Persekutuan tentang dividen bayar balik hutang dan sebagainya adalah wajib di bayar setiap tahun ramai di kalangan Ketua-ketua Pengarah, CEO-CEO, Pengurus Besar GLC ini tidak tahu. Saya tengok dokumen kemas teratur tapi ramai tidak tahu. Jadi saya hendak nyatakan di sini bahawa.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Yang Berhormat, saya ada satu pertanyaan.

**Y.B. TUAN HEE LOY SAN :** Ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Bandar Baru Klang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Tuan Timbalan Speaker, sejak tahun 2008 Dewan ini telah pun menubuhkan jawatankuasa dan sekarang ini telah termaktub di dalam peraturan tetap kita sendiri ada Jawatankuasa Tetap Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat dan singkatannya JP-ABAS yang telah pun di lantik oleh Dewan ini untuk melihat mengkaji semua termasuk persembahan anak syarikat, agensi dan badan berkanun. Saya tidak nampak ada perkara-perkara yang dibangkitkan yang begitu serius yang dibincangkan sebentar tadi yang dilaporkan dalam penyata dan dikemukakan pada Dewan ini.

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Jadi sudah tentu Dewan ini sudah tubuhkan jawatankuasa ini dan jawatankuasa ini harus melihat perkara-perkara itu dan kemukakan kalau kata ada keuntungan berjuta-berjuta tidak diberikan dividen oleh Kerajaan dan terdapat juga ketirisan dan sebagainya kenapa tidak dibangkitkan di dalam pernyataan dan di bahas. Jadi saya rasa kalau perkara ini ada jawatankuasa melihatnya tapi jawatankuasa tidak mengemukakan laporan yang lengkap seperti yang dituduh adalah tidak adil untuk Kerajaan. Saya kira kalau ada kegagalan itu adalah kegagalan jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Dewan ini yang dianggotai oleh Yang Berhormat Sekalian. Jadi saya minta kena adil kepada Kerajaan. Kalau ada banyak pertuduhan seperti itu kena kemukakan fakta-faktanya. Saya tidak nampak saya ada saya tidak katakan Jawatankuasa ABAS tidak mengemukakan langsung tapi tidak seserius seperti yang dikemukakan di sini. Jadi saya minta kena adil kepada Kerajaan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Bandar Baru Klang. Silakan Hulu Kelang teruskan perbahasan kerana Hulu Kelang ada dalam 5 minit lagi. Boleh Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB :** Tidak boleh.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Yang Berhormat Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB :** Ya silakan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Mungkin dalam masa yang amat pendek dalam masa 2 minit untuk menjawab apa yang dikemukakan oleh Bandar Baru Klang.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih. Dahulu kita boleh memulakan dengan JKPK yang diangkat dan dimartabatkan ke jawatankuasa yang tetap dan pernah satu benda besar berlaku di mana kajian yang dibuat oleh JP-ABAS diangkat menjadi pendengaran terbuka oleh SELCAT yang dipengerusikan oleh Bandar Baru Klang iaitu satu pencapaian kita yang di mana satu kajian *detail* telah dibuat dua kali kajian dan dibuat pendengaran terbuka iaitu merupakan satu kajian yang terbaik saya rasa yang pernah dilakukan dan kita telah juga membuat satu kajian yang telah dinyatakan sebagai Sungai Bernam Airfield yang mana satu kawasan yang dimiliki oleh anak syarikat Negeri Selangor bekerjasama dengan sebuah syarikat swasta dan kemudian telah masuk di dalam mahkamah tidak membenarkan Yayasan Selangor memasuki kawasan tersebut. Banyak yang kita capai kalau kita hendak nak katakan tindakan-tindakan telah dibuat. Cuma oleh sebab penyata daripada Jawatankuasa Pilihan Khas ini ataupun tidak dinyatakan sebagai satu yang wajib di dengar yang wajib di *respond* mengikut ..

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Minta laluan Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB :** Jadi, nanti kejap. Jadi kita dapat dalam konteks itu perkara itu telah kita buat dan telah ada *respond-respond* tertentu, cuma Kerajaan tidak *binding* apa yang disarankan oleh jawatankuasa.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Kuang.

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Terima kasih Hulu Kelang. Saya sebenarnya hendak *respond* sikit berkenaan dengan apa yang disebut oleh Bandar Klang. Bandar Baru bukan Bandar Baru Kuang, Bandar Baru Klang. Saya memang bersetuju pada asasnya apa yang disebut Yang Berhormat Bandar Baru Klang berkenaan peranan jawatankuasa pilihan tetapi bukan semua anak syarikat yang kita panggil bersetuju untuk hadir di dalam namun di atas desakan daripada Bandar Baru Klang ini saya daripada Jawatankuasa JP-ABAS kita akan petik apa sahaja daripada jawatankuasa SELCAT kemukakan kita akan petik satu persatu anak-anak syarikat dan kita akan panggil ke dalam jawatankuasa supaya kita dapat menilai sejauh mana apa yang kita menyokong Hulu Kelang menyokong Jeram dan sebagainya dan insya Allah kita akan terima cabaran Bandar Baru Klang dan kita akan pastikan dan kita akan melihat satu persatu terhadap prestasi anak-anak syarikat. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB :** Saya ingin menambah di sini tentang apa yang telah dikatakan seorang pengkaji dan seorang ahli politik 700 tahun dahulu di Tunisia Ibnu Khaldun bukan sahaja seorang penulis tetapi adalah seorang penulis kisah hukum-hukum Islam tanpa dikaitkan dengan perspektif agama yang tradisional. Di mana beliau mengatakan bahawa tugas kerajaan adalah hanya terhad kepada mempertahankan rakyat dari segi keganasan, melindungi harta persendirian, menghalang penipuan dalam perdagangan, mencetak dan menguruskan penghasilan wang dan melaksanakan politik dengan bijaksana dengan perpaduan sosial dan kuasa tanpa paksaan. Misi ekonomi Ibnu Khaldun memajukan teori nilai dan hubung kaitnya dengan tenaga buruh, memperkenalkan pembahagian tenaga kerja, menyokong pasaran terbuka, menyedari kesan dinamik permintaan dan bekalan di atas harga dan keuntungan, menggalakkan cukai yang tinggi, menyokong perdagangan bebas dengan orang asing dan percaya kepada kebebasan memilih bagi membenarkan rakyat bekerja keras untuk diri mereka sendiri dan negaranya. Ini kala kita lihat dalam konteks ini apa yang dinyatakan oleh Ibnu Khaldun dia mengatakan bahawa sesiapa yang memiliki harta orang lain atau menggunakan untuk satu kerja paksa atau membuat tuduhan yang tidak wajar terhadapnya, ingatlah ini lah yang di maksudnya apabila Allah S.W.T melarang kezaliman so kezaliman pertama yang terbesar dalam *contact public interest* masalah amah dengan izin adalah dengan satu menggunakan harta dan penggunaan harta yang lebih bahaya lagi adalah apabila disahkan oleh satu rang undang-undang, enakmen yang diluluskan dalam satu majlis yang mulia rupanya pada semulia-mulia majlis ada yang berlaku perkara yang jujur, perkara yang tidak *real* dan saya amat *worry* atau risau kita tidak berhati-hati.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Hulu Kelang boleh saya mencelah. Yang Berhormat timbalan Speaker saya juga ingin menyentuh berkenaan laporan daripada Audit Negara yang mana sebelum ini terang-terang menyatakan bahawasanya kebanyakan Ahli Lembaga di dalam anak syarikat didapati tidak bebas. Jadi sudah kira rasanya Kerajaan Negeri perlu menilai semula Ahli Lembaga ini benar-benar bebas atau pun tidak kebanyakannya terdiri daripada orang yang sama. Jadi saya kira perkara ini perlu diambil kira Kerajaan Negeri.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB :** Kalau saya akan membuat usul berkaitan perkara ini dan saya menyebut Yang Berhormat untuk mengambil bahagian. Saya hendak tutup saya ada 15 minit. Saya ingin menyatakan di sini tambahan pada *point-point* yang telah disimpulkan saya asalnya hendak bawa isu berkaitan perumahan saya hendak

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

angkatkan isu perumahan ini isu hak asasi manusia tetapi masa tengah *chatting* tadi ada rakan kita kata yang dikatakan hak asasi ini apabila wajib Kerajaan menyediakan perumahan ini serta isu-isu yang lain tetapi saya mengatakan memang kalau kita bukan tanggungjawab Kerajaan dengan itu bukan tidak boleh diangkatkan dia sebagai satu konsep hak asasi tapi saya ingin mengambil isu ini sehingga kita berada di tahap penyediaan rumah dan sistem perumahan itu sebagai hak asasi baru lah kita rasa ada kesungguhan daripada pihak kerajaan saya tidak menganggap kerajaan hari ini samada di peringkat persekutuan ataupun di peringkat negeri, komited untuk menjadi satu institusi satu membela rakyat menyediakan rumah. *For the side issue*, dengan izin samada dia adalah hak asasi ataupun tidak tapi kalau kita *related* dengan kalau orang melayu *related* dia tidak merempat, merempat ini boleh dari rumah. Dia rasa sedih bila dia rumah sewa menyewa rumah itu suruh dia pindah, anak nak balik rumah mereka dan duduk rumah ini, saya rasa terbuang terbuang '*blank*' hidup dia rasa tak secure. Ini maknanya nak mengisi tu saya rasa ini isu hak asasi manusia Kerajaan mesti mengisi keyakinan rakyat bahawa dia ada keyakinan membeli rumah memiliki rumah, apa ini memiliki rumah itu bukan hak asasi dan bukan tanggungjawab Kerajaan untuk membolehkan rakyat membeli rumah tetapi bagi orang melayu kalau Selangor terutama bila orang datang dari negeri-negeri lain ke Selangor dia nak ada rumah dia *feel unsecure*, nak *secure* kan perasaan itu isu kita kena angkatkan isu membantu rakyat mendapat rumah, menyewa rumah kita ada dan sebagainya ada satu security bahawa dia ada di satu tempat yang baik.

Dan kita ada jiran tetangga kita yang dekat model yang terbaik, di Singapura dengan izin, yang menyediakan keyakinan ini. Dia letakkan tinggi *30percent salary* kena ada *secure* untuk rumah tapi rakyat dia rasa dia tak paham makna kemiskinan, dengan itu saya ingin simpulkan ucapan saya ini dengan beberapa perkara (1) saya ingin mengingatkan bahawa saya bukan OKU lagi tapi boleh jadi OKU tapi merasakan jadi OKU adalah satu yang sungguh malang saya pernah menghadiri kursus yang diatur oleh Kerajaan Selangor tentang Seminar Perumahan Kemudahan OKU Orang Kurang Keupayaan saya rasa paham sehingga apabila jadi macam ini, saya *go to relax on wheelchair*, saya rasa rupanya kita ini memang haprak la, orang macam kita ini di haprak ini perasaan untuk contoh kadang-kadang kita lalu kawasan dah elok *ramp* dah ada semua dah ada yang tak ada orang disiplin, kereta dia park kat tempat kita nak lalu ada yang satu malam itu saya travel dari Jalan Duta, tol Jalan Duta sampai ke Bukit Kayu Hitam tak ada satu toilet di *along the way* saya berhenti yang OKU. Kita kena perasaan rasa hati orang, toilet ada orang lain pakai, rosak dia punya tempat pemegang rosak kita tak boleh bayangkan tempat pemegang rosak, *vandalism* berlaku dan yang kalau kita perhalusi adalah toiletnya dekat sini tempat pemegang kat sini, dia punya bidet dekat sini, dia tak separate nak tanggal, dia punya nak bukak sini tak kita samada buka sini dulu, cabut bidet nya untuk cuci atau pun basah kuyup, benda-benda begini saya rasa kita kena hati-hati kerana orang ini mendoakan kita. Rakyat yang OKU ini bagaimana Kerajaan ini sayang dia, kadang-kadang *simple as is* dengan izin, *ramp* ada tapi dekat *ramp* adalah dinding ada bilik, ada aircond dia salurkan saluran paip aircond kat luar sudah tentunya jatuhnya dekat ramp yang ada lubang bila ramp air itu dah meleleh lama-lama jadi lumut saya akan *feel it*, apakah nilai kita benda kecil ini satu perkara yang saya berazam di Hulu Kelang kita akan usahakan dua tempat sebagai satu model iaitu menyediakan *Friendly Access Community*, siapa-siapa boleh masuk, bila lalu dia rasa dia tak OKU dia tak rasa apa-apa dia rasa hak dia sebagai rakyat Malaysia dan rakyat Negeri Selangor untuk menggunakan tempat tersebut.

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Yang kedua, saya ingin ingatkan juga bahawa program yang baik yang pernah diberikan sokongan oleh Kerajaan saya difahamkan tidak diberikan bantuan dan tidak ada pun dalam bajet iaitu Freedom Filem Festival, Freedom Filem Festival adalah sahabat kita dia telah mendedahkan banyak isu terutamanya kes Cum Agung, kes ini seorang wanita di pendalaman Sarawak sana meninggal anak ke tujuh anak ke enam meninggal, pertama, kedua semua ok tapi masalah kompilasi pasal kerumitan bersalin lepas tu dia bersalin gugur, hidup anak dia tumpah darah dan tidak cukup backup Doktor suruh balik, walau pun darah dia meninggal panjang kisah itu, menantu dia seorang India, orang Sarawak dan dia telah buat filem dan akhirnya kita *play the film* dan baru-baru ini, mereka minta saya bantu dan saya cuba bantu dan saya access kepada Menteri Kesihatan akhirnya on dan banyak lagi, jadi saya menyeru meminta agar Dato' Menteri Besar peruntukkan RM100,000.00 yang biasa diperuntukkan kepada mereka tak banyak dan saya menyeru agar sesuai dengan 50 tahun 13Mei baru ini dua filem dalam keadaan takut salah seorang daripada mereka terpaksa buat filem itu di Hong Kong dan akhirnya filem itu bila siap oleh Kerajaan baru boleh disiarkan

Tuan-tuan, Ahli-Ahli Yang Berhormat saya ingin jelaskan 13 Mei saya Anak Kampung Baru saya menyaksikan umur saya 12 tahun saya masih ingat lagi saya telah tulis disiarkan di Jurnal Antarabangsa sebagai tulisan saya baru ini diminta untuk di *interview* dan bahan-bahan *interview* saya tentang saya alami dan saya saksikan tentang peristiwa 13 Mei yang telah belaku 50 tahun akan disimpan di Holland dan digunakan oleh mereka, dimanfaatkan oleh mereka sebagai *reference* kepada perkara tersebut. Dan saya ingin menjelaskan bahawa bahawa perkara ini adalah satu perkara yang penting kerana 13 Mei ini telah melahirkan, sepupu saya pun meninggal dan dikuburkan secara mass, 7 orang ada mass grave rupanya ada di Malaysia, tanam ramai-ramai bertempat di Sungai Buloh, bila orang tak tahu pernah ada satu konspirasi untuk menjadikan tempat itu kawasan parking, kubur-kubur untuk mangsa daripada rakyat cina. Saya ingin Dato' Menteri Besar perihatin kerana saya tidak walau pun tidak dianggap wakil tapi saya anggap wakil setiap tahun pada tahun pertama hingga tahun ke-17 diadakan *Freedom Filem Festival* saya dianggap sebagai wakil Kerajaan. Walau pun pernah sekali Y.B. berkenaan lantik saya pergi jadi wakil, tapi saya tetap hadir jadi saya harap Kerajaan Negeri memberi peruntukan yang sewajarnya kepada *Freedom Filem Festival*.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Hulu Kelang, boleh pendekkan

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB :** Ini penting, *this is good news*, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Dato' Menteri Besar telah membentangkan Belanjawan Negeri Selangor 2020, di mana peruntukkan dikekalkan sebanyak 800,000.00 setahun untuk ADUN, dan tambahan 100,000.00 untuk Ahli-ahli MMKN, semua ADUN telah merasa bahang cepatnya peruntukan sebelum itu susut, apabila kita mula diundang ke program-program ke sekolah-sekolah setelah wujudnya kerajaan yang sama di peringkat Persekutuan dan peringkat Negeri. Pada tahun 2019 populariti semua ADUN perkataan harapan meningkat sehingga sesak nafas hendak memenuhi undangan Guru Besar, Pengetua, YDP PIBG setiap kali surat undangan di terima ianya disertai permohonan pelbagai pemberkualihan kecil mengacat semula bangunan, bekalkan peralatan komputer, meja ping-pong macam-macam, Dun Hulu Kelang berbelanja lebih daripada 180,000.00 untuk memenuhi kehendak guru-guru dan sekolah-sekolah. Tuan Speaker saya ingin merakamkan ucapan terima kasih saya di dewan yang mulia ini tentang peruntukan yang

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia dalam Belanjawan Persekutuan 2020, satu peruntukan berjumlah RM783juta untuk membaiki pulih sekolah-sekolah daif pada tahun 2020 terutamanya untuk sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak, selain itu peruntukan RM450juta untuk pembinaan 9 buah sekolah seperti di kawasan Pulai, Hulu Langat, Langkawi dan Marang. Ketika menghadiri taklimat belanjawan tersebut pada 12 Oktober, Dewan Banquet Parlimen, dalam sesi soal jawab saya Saari Sungib telah menyatakan perkara berikut pada Menteri Kewangan.

Saya dengar dari Menteri Besar Selangor bahawa beliau menyatakan kepada Menteri Pendidikan pelbagai permohonan dari sekolah-sekolah daripada ADUN-ADUN PH di Selangor, Menteri Pelajaran kata bagus la tu, elok la tu, sokong lagi bagi bantuan bahkan beliau memohon Selangor menyumbangkan 60juta setahun untuk membaik pulih sekolah-sekolah di Selangor.

Tuan Speaker, berdasarkan kenyataan ini iaitu sembang bual antara Menteri Besar Selangor dengan Menteri Pendidikan diminta peruntukan 60juta jadi saya ingin melegakan Dato' Menteri Besar dan menyatakan berdasarkan kenyataan di atas saya telah mencadangkan kepada Menteri Kewangan pada hari itu, 12 Oktober jumlah 783juta setahun itu kita pohon agar Menteri Kewangan arahkan agar 60juta khas untuk Selangor diserahkan 60juta itu sekurangnya 60juta diserahkan kepada Selangor. Menteri Kewangan dia terus cakap begini ini, 'YB Saari Sungib tulis surat kepada Menteri Pendidikan dan hantar salinan kepada saya, saya akan beritahu YB Mazli dia tahu prosedur ini, dia ex-EXCO, saya tak tulis Saari lagi.

Tuan Speaker, dengan itu dewan yang mulia ini saya cadangkan agar dibuat ketetapan oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan Kementerian Pendidikan peruntukan 60juta benar-benar menjadi realiti untuk membaik pulih sekolah-sekolah di semua DUN di Selangor, bagi menepati tujuan pembaikpulihan di peringkat mikro saya mencadangkan bagi projek-projek pembaikpulihan kecil contohnya 50,000 dengan itu juga mencadangkan agar setiap ADN diberikan peruntukan untuk menguruskan permohonan 60juta, 1juta satu DUN. Yang bagi 4juta itu boleh lah mohon siapa-siapa yang tak cukup. Saya tak tahu prosedur bila Menteri kata begitu boleh ke?, maknanya dia kata "Saari tulis surat kepada Mazli" saya bagitahu Mazli, mudahnya. Saya harap benar-benar cadangan saya ini dipertimbangkan untuk di tindakan akan diambil oleh kerajaan, terlibat akan terlibat mendahului dengan ucapan terima kasih. Jadi saya harap itu yang telah saya dikemukakan dan telah dan yang lain-lain itu akan saya akan susuli dengan perbincangan yang berikutnya. Sekian, terima kasih. Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih. Seterusnya Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Banting juga ingin turut serta dan mengambil bahagian dalam perbahasan pada hari yang mulia ini. Pertama sekali saya mengucapkan salam harapan dan salam hakuna matata pada semua ADUN yang ada di sini. Yang kedua, kami telah pun meneliti ucapan yang juga perincian Belanjawan yang dibentangkan pada hari Jumaat yang lepas. Apa yang saya rasa saya ingin melafazkan perasaan tahniah pada kerajaan kerana kami berasa sudah setahun kami menjalankan penjajaran ini, setahun lebih. Sebenarnya penjajaran ini dimulakan sejak tahun 2018. Akhirnya sekarang kita sudah sampai ke penghujung tahun 2019, pada tahun depan tahun 2020 kami akan memperlihatkan lebih banyak program-program

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

pembangunan dan juga program-program kebajikan untuk rakyat negeri Selangor bukan sahaja lebih banyak tetapi program sedia ada selepas penajaran ada program yang memperlihatkan tambahan peruntukan dan dana. Khususnya untuk Peduli Sihat, KISS dan sebagainya. Jadi saya rasa rata-rata rakyat menerima baik, Tuan Timbalan Speaker, dasar dan keputusan kerajaan ini dan saya memohon supaya pelaksanaannya perlulah dijalankan mengikut dasar dan juga keputusan ditetapkan dan dewan haruslah diberi peluang untuk memantau pelaksanaannya dari semasa ke semasa. Puan Timbalan Speaker saya ingin menyentuh sedikit tentang pelaburan rata-ratanya itu ini bukan itu yang hangat tetapi saya kira penting untuk Negeri Selangor kerana kebanyakannya sumber kekuatan ekonomi yang ada di Selangor ini selain daripada premium dan sebagainya ia juga banyak bergantung pada iklim dan suasana pelaburan di Selangor. Kerajaan Negeri Selangor saya pernah bangkitkan sebelum ini tentang keadaan atau pun keadaan *Brexit* yang sedang berlaku di United Kingdom saya pernah membangkitkan itu ini dan memohon Kerajaan Negeri Selangor memantau dengan lebih kerap tentang perubahan terkini memandangkan mungkin sekiranya *Brexit* ini akan berlaku. Kalau berlaku ia mungkin akan memberi kelebihan sedikit kepada Selangor memang kami berharap ia akan berlaku kerana United Kingdom kini tidak lagi dikongkong dengan pasaran *common market* di *European Union* dan mereka boleh menjalani perhubungan perdagangan yang lebih erat dengan dunia Komanwel di mana Malaysia salah sebuah negara Komanwel saya juga difahamkan barangkali United States akan juga menjalinkan FTA dengan UK selepas *Brexit* dan saya tak pasti mungkin ada peluang pelaburan yang lebih cerah. Peranan yang lebih penting yang boleh dimainkan oleh Kerajaan Negeri Selangor selepas *Brexit* ini betul-betul berlaku iaitu iklim pelaburannya akan mungkin kita ada peluang kita menyertai hubungan perdagangan ini. Ini harus beringat tentang Amerika Syarikat dan juga banyak pelabur-pelabur tradisi di Selangor dan Malaysia termasuklah Amerika Syarikat yang masih sebenarnya merupakan pelabur yang terbesar di Malaysia. Tidak semestinya Republik Rakyat China walaupun kita sangat dan harus meneliti pelaburan asing dari China tapi kita cuba tidak boleh lupa Amerika Syarikat juga sangat penting. Rakan-rakan pelabur tradisi yang lain seperti UK, Taiwan dan Jepun, kita perlu jalinkan hubungan perdagangan yang erat dengan mereka dan memohon kalau boleh Kerajaan Negeri memberikan satu pembentangan apakah usaha-usaha yang telah dilakukan untuk memastikan bukan sahaja mereka kekal di Selangor tetapi mereka menambah lagi pelaburan-pelaburan di Selangor supaya ekonomi dan suasana dan iklim pelaburan di Selangor sentiasa pada dalam keadaan yang mampan walaupun tak kira apa berlaku di dunia luar sama ada perang perdagangan antara US dan China akan berlaku atau tidak tapi kita seboleh-bolehnya terlindung daripada impak negatif.

Puan Timbalan Speaker, kita juga tadi dalam pembentangan Bajet kita ada Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada menyebut tentang inisiatif Smart Selangor, saya mengucapkan syabas kerana ia adalah suatu yang telah pun dimulakan dan masih diteruskan pada tahun depan. Ia salah satu aspek inisiatif Smart Selangor ini adalah untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang pintar ataupun *Smart Government* berdasarkan kepada IR4.0 dan *Artificial Intelligence* itu adalah satu wawasan yang cukup besar. Maksudnya Kerajaan Negeri Selangor pada masa akan datang ia akan menjadi sebuah kerajaan yang pintar dari segi pentadbiran, pintar dari segi perbandaran, pintar dari segi pengurusan sisa pepejal dan sebagainya tapi Puan Timbalan Speaker kita tidak harus mengehadkan imaginasi kerajaan pintar ini sekadar *smart parking* sahaja kerana ada banyak lagi kita boleh lakukan menggunakan untuk melaksanakan inisiatif Smart Selangor ini dan salah satu yang saya ingin cadangkan ialah saya ingin memohon kerajaan melalui SSTU

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

mengkaji sama ada mungkin kita boleh membuat unjuran kutipan cukai berdasarkan inisiatif Smart Selangor berdasarkan elemen-elemen *Artificial Intelligence* di mana kita boleh menetapkan membangunkan satu perisian yang boleh membuat unjuran kutipan cukai yang kita boleh jangka pada masa depan. Saya membuat cadangan ini kerana ia bukan lagi sesuatu yang baru. Memang ia boleh dilakukan sekarang ini boleh melakukan banyak perkara dan ia boleh menggantikan manusia untuk sektor-sektor yang akan datang. Oleh sebab itu saya rasa kita harus melihat perkara ini. Saya membuat cadangan ini juga kerana, dalam pendengaran yang diadakan oleh JP PADAT kita pernah bertanya kepada pejabat Tanah dan Galian Selangor dan juga Pejabat Pegawai Kewangan Negeri tentang apakah unjuran yang kita boleh dapat tentang kutipan hasil dan premium pada masa yang akan datang. Jawapannya ialah ia bukan sesuatu yang agak meyakinkan kita iaitu ia bagi kami ia lebih kepada secara *adhoc* iaitu kita perlu usaha untuk mendekati pembayar cukai, meminta pemaju dan juga membuat perancangan dari semasa ke semasa. Ia agak manual, sebenarnya agak manual. Jadi saya rasa kalau kita boleh ada satu sistem ataupun satu perisian yang kita boleh gunakan maka saya rasa ia boleh memberi khidmat kepada kita ke arah mana yang kita perlu tuju, daerah mana yang menunjukkan prestasi yang kurang memberangsangkan kita boleh menumpukan perhatian dan juga tenaga sekiranya ada masalah di mana-mana sektor ataupun mana-masa kawasan atau mana-mana daerah dan kita boleh menjimatkan banyak masa dari segi unjuran ini. Puan Timbalan Speaker saya juga ingin membangkitkan sedikit tentang Perumahan sesuatu yang sangat penting. Tadi dalam sesi soal jawab ada sebut tentang Rumah Selangorku yang disewa kepada orang luar. Saya ingin membangkitkan sesuatu laporan media yang telah dilakukan iaitu aduan terhadap rumah Selangorku di sebuah tempat yang bernama Trifolis dan Parkland Klang di mana ada tapak rumah yang banyak rumah tidak dapat dijual dan pada masa yang sama yang telah dijual banyak yang disewa kepada pendatang asing atau pun pekerja migran.

Jadi perkara ini adalah sesuatu yang sangat mengejutkan kita kerana setahu pengetahuan kita rumah Selangorku adalah rumah yang tidak boleh disewa. Sekurang-kurangnya untuk tempoh lima tahun pertama selepas dijualkan. Tapi berlaku ketirisan di situ di mana diadukan bahawa pemaju menjual rumah itu kepada pekerja mereka dan kemudiannya disewakan. Saya berharap perkara ini dapat diberi perhatian. Ia berlaku di tempat seperti Trifolis Klang dan juga Parkland Klang juga. Jadi saya memohon supaya diberi jawapan tentang perkara ini. Satu lagi perkara berkenaan dengan isu tentang pangsapuri perkhidmatan ia pernah dibangkitkan dalam sidang dewan sebelum ini dan saya juga ingin mencadangkan bahawa memandangkan sebenarnya pangsapuri perkhidmatan ini menjadi satu trend. Ramai pemaju suka sangat untuk membina pangsapuri perkhidmatan tapi dalam soal siasat kita, kita mendapati ada tuan punya atau pemilik tanah yang cenderung untuk menukar syarat dari perumahan kepada perdagangan dan kemudian memohon bina pangsapuri perkhidmatan. Saya tahu ada contoh seperti ini dan saya rasa itu adalah satu taktik yang tidak bermoral kerana kalau rumah itu berstatus tanah perumahan maka ia boleh dibina pangsapuri biasa ataupun kondominium. Tidak perlu dibina pangsapuri perkhidmatan kerana sekiranya dibina pangsapuri perkhidmatan pro ratio yang boleh dinikmati oleh pemaju adalah lebih tinggi maka mereka boleh mengaut keuntungan yang lebih tinggi. Oleh sebab itu mereka nak tukar melainkan tanah itu asalnya dari tanah perindustrian maka mereka menukar kepada tanah perdagangan. Itu cerita lain. Tapi ini asal kalau ialah tanah perumahan makanya ia perlu dikekalkan sebagai tanah perumahan dan tidak haruslah ditukar semata-mata ke tanah komersial dan kemudian pemilik tanah dan pemaju ini membina pula tanah ataupun membina pula pangsapuri perkhidmatan. Puan timbalan speaker, saya ingin juga menyebut sedikit tentang peruntukan RM178 juta

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

untuk menyelenggarakan jalan raya di bawah JKR, MARRIS dan sebagainya. Untuk jalan-jalan JKR sama ada jalan negeri atau Jalan Persekutuan memang tidak cukup dan saya sekali lagi ingin membangkitkan masalah yang masih lagi berlaku di sepanjang jalan persekutuan FT005 Klang-Banting termasuk juga jalan Persekutuan di 31 dan 32 melibatkan kawasan saya dari Dengkil di mana saya kira banyak perbincangan telah pun diadakan sebelum ini kami sedia maklum bahawa peruntukan adalah sesuatu perkara yang amat kritikal khususnya untuk jalan-jalan Persekutuan di mana JKR perlu memohon kelulusan secara spesifik daripada MOF dan bolehlah selepas mendapat kelulusan penyelenggaraan untuk masuk itu dilaksanakan. Saya memohon bukan sahaja untuk Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri tempoh hari saya telah memohon supaya dibincangkan dengan lebih mendalam sekiranya dan memang berlaku terdapat peruntukan tertentu daripada di luar kementerian Kerja Raya. Contohnya daripada KPKT contohnya daripada Kerajaan Negeri, contohnya daripada Majlis Daerah Kuala Langat. Sekiranya ada peruntukan tambahan ini kerana kita melaksanakan open tender dan ada penjimatan. Kalau boleh wang yang dijimatkan itu ia seboleh-bolehnya disalurkan untuk menyelenggarakan mana-mana bahagian Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri yang memerlukan penyelenggaraan segera tapi tidak ada peruntukan daripada JKR untuk tahun itu. Tak kiralah sama ada jalan itu Jalan atau Jalan Persekutuan. Saya tahu Yang Berhormat EXCO pernah memaklumkan saya sebelum ini ada mungkin akan timbul isu audit jadi perkara itu perlulah dibincangkan di peringkat dasar antara Menteri Kerja Raya dan Menteri KPKT dan sebagainya supaya audit itu macam ni. Kalau kita melaksanakan dasar, dasarnya A, caranya modus operandi atau prosedurnya ialah BCD dan end resultnya adalah XYZ kalau audit dia akan audit ABCDXYZ akan menjadi masalah kalau end result berlaku PQR pula. Itu menjadi masalah. Jadi kita perlu pastikan sekiranya apa yang kita nak audit itu ialah A dan A+ kita masukkan sekali dan kemudian kita masukkan cara yang sama akhirnya result masih sama. Jadi tidak akan timbul isu audit kalau kita memberlakukan dalam garis panduan, dalam pekeliling, dalam keputusan kabinet kalau boleh peruntukan daripada jabatan-jabatan di luar JKR ini sekiranya ada penjimatan digunakan untuk penyelenggaraan dengan syarat ia perlu mengikut spec dan piawai JKR itu sendiri. Dan bagi saya, saya telah dimaklumkan Jurutera Daerah dan juga JKR mereka mengalu-alukan cadangan ini bagi mereka apa yang penting ialah spec perlu ikut. Kalau ada peruntukan daripada pihak luar mereka pada dasarnya tidak ada masalah. Jadi saya memohon supaya perkara ini diteliti.

Puan Timbalan Speaker saya juga ingin memberi pujian setinggi-tinggi kepada kerajaan kerana akan dijalankan pada tahun depan satu perbelanjaan untuk menukar ganti paip yang lama dan uzur sememangnya ini adalah satu isu yang sebenarnya pernah dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang tapi malangnya apabila saya menanya sama ada beliau setuju atau tidak penjimatan itu kita gunakan untuk menjalankan penukar gantian paip lama beliau mengelak daripada menjawab soalan. Bagi saya sebagai sebuah pembangkang yang berhemah dan bertanggungjawab sepatutnya ada dasar mereka sendiri. Apa yang betul kita kata betul ada yang perlu sokong kita sokong apa yang silap kita perlu tegur. Jadi pada pendapat saya, saya rasa bila kerajaan membuat penjimatan ataupun selepas penajaran semula kita ada Skim Air Darul Ehsan dan kita juga mampu akibat daripada penajaran ini menjalankan program penukar gantian paip air yang lama. Jadi saya rasa itu adalah sesuatu yang kita perlu lihat secara holistik. Sesuatu yang memang kita mengalu-alukan. Ramai penduduk di Negeri Selangor mereka lebih rela bayar dengan tarif air yang lebih tinggi daripada mereka tersebut ataupun mengalami kesusahan kerana gangguan air yang tidak henti-henti sepanjang satu tahun. Jadi bagi

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

kita bagi rakyat Negeri Selangor kualiti perkhidmatan itu juga sangat-sangat tinggi dan kita tahu setiap peningkatan kualiti perkhidmatan itu ianya juga perlu diiringi dengan satu pembayang kos yang adil.

Tuan Timbalan Speaker, saya juga ingin bertanya rentetan daripada itu tentang status end other build' yang ada sekarang, saya mohon Exco yang berkaitan boleh membekalkan jawapannya dalam penggulungan nanti. Satu lagi perkara adalah berkenaan dengan PTIS, syabas diucapkan kerana kali ini ianya akan diperbesarkan sehingga meliputi murid di peringkat sekolah rendah dan ini adalah satu bukti, yang saya rasa sekiranya ada pembangkang yang ingin membahas perlulah kita membangkitkan isu ini sebagai satu komitmen untuk sebagai menunjukkan komitmen kerajaan sebagai bahawa kerajaan betul-betul hendak menggunakan peruntukan ini pada tempat yang betul. Saya memohon perkara ini dilaksanakan dengan sebaik mungkin kerana perbelanjaan harus diingat YB sekalian, perbelanjaan pendidikan harus dilihat sebagai satu pelaburan dan bukan perbelanjaan semata-mata. Jadi saya mengalu-alukan cadangan untuk memperbesarkan peruntukan PTIS ini. Inilah selalunya kita menjelaskan perkara ini kepada rakyat ramai yang asyik melihat tentang 'jom shopping', air percuma, perkara-perkara nyata yang mereka boleh rasai, wang ringgit, sen dan sebagainya. Tapi mereka tidak lihat perbelanjaan kita untuk sektor pendidikan ini kita tambah, tambah lagi dahsyat. Tuisyen percuma, kalau dulu kita buat di Pusat Khidmat mungkin bilangan murid yang menikmati perkhidmatan ini tidak seramai, banyak pun tapi sekarang ini dengan adanya kerjasama dari sekolah kita boleh melakukannya dengan lebih rancak. Saya rasa itu adalah satu peningkatan, cuma saya ingin memberi teguran kepada kerajaan kerana pada permulaan pelaksanaan program PTIS yang diperkembangkan pada tahun ini terdapat sedikit kelewatan. Ramai guru mengadu bahawa mereka lewat menerima bahan-bahan yang diperlukan dan dalam keadaan yang serba kekurangan kalau kita nak suruh mereka fotostat dan sebagainya akan menimbulkan beban tambahan kepada mereka. Jadi saya memohon supaya untuk tahun depan pelaksanaannya perlulah diperketatkan, diperkemaskan supaya isu-isu teknikal seperti ini tidak berlaku. Kami juga berasa gembira kerana akan ada geran komuniti pemasangan cctv, saya ingin memaklumkan di dalam dewan yang mulia ini bahawa Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Sungai Jarum memang pada tahun lepas pun sudah mengutip derma daripada orang ramai untuk menjalankan program ini. Tapi sekarang ini mereka memerlukan kelulusan bertulis pula dari JKR. Sebab saya membawa isu ini ialah kerana walaupun mungkin kerajaan ada hasrat untuk menjalankan program yang begitu penting ini tetapi pada akhirnya akan ada juga isu-isu teknikal seperti ini. Dan saya memohon supaya Exco yang berkaitan untuk memperlihatkan dan memperhalusi perkara ini kerana bukan semua perbelanjaan ataupun cctv ini tidak semestinya ianya dipasang di kawasan-kawasan perbandaran sahaja. Kalau di kawasan seperti Majlis Daerah Kuala Langat, Majlis Daerah dan sebagainya ada banyak lagi fasiliti, jalan, kabel, longkang, yang sebenarnya tidak terletak di bawah Majlis Daerah dan memerlukan kerjasama yang sangat erat daripada JPS, JKR, Pejabat Tanah, PLB dan sebagainya barulah boleh projek itu dilaksanakan dengan bagus. Jadi saya berharap sangat MMKN memberi perhatian terhadap perkara ini. Dan sekiranya ada kekurangan dan masalah di sini mohon kita permudahkan.

Saya juga ingin menyokong hujah daripada YB Bukit Lanjan tentang teknologi face detection yang akan digunakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan ini adalah sesuatu yang

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

mungkin akan menimbulkan masalah berkaitan dengan privacy dan personel data protection dan saya memohon supaya kerajaan memberi perhatian yang serius tentang masalah ini. Saya faham bahawa Universiti Selangor ada menjalankan penyelidikan tentang perkara ini dan saya baca satu ruangan yang pernah dilaporkan sebelum ini seolah-olah ianya sesuatu yang digalakkan tetapi bagi saya I have some reservation on face detecting technology.

Tuan Timbalan Speaker, begitu juga dengan Sukarelawan Hijau dan Pusat Kitar Semula PBT sebanyak RM600 ribu akan diperuntukkan, saya memohon supaya ia perlu dirancang dengan lebih teliti. Untuk Sukarelawan Hijau dan Pusat Kitar Semula PBT ini ianya perlulah dibuat untuk dirancang sebagai sebahagian daripada sekular ekonomi dan jangan kita membiarkan projek ini sebagai satu lagi projek syok sendiri dan ianya perlulah sebahagian dari sekular ekonomi. Saya juga ingin bertanya, Puan Timbalan Speaker, tentang peruntukan RM6.85 juta untuk pengurusan sisa pepejal di kampung tradisi di mana ianya adalah sangat diperlukan di kawasan kampung khususnya mereka yang menetap di pola penempatan yang berselerak tetapi selama ini mereka tidak dapat menikmati perkhidmatan pengurusan sisa pepejal daripada PBT dan mereka sebenarnya tidak ada masalah untuk membayar cukai taksiran kepada PBT untuk menikmati perkhidmatan ini, tapi caranya macam mana. Saya Mohon supaya perkara ini juga dapat diperhalusi. Dan saya juga ingin bertanya, supaya dapat diberi jawapan nanti tentang status projek WTE di Jeram. Tuan Timbalan Speaker, saya juga ingin mengesyorkan untuk peruntukan tambahan bagi Penggerak Belia Tempatan sebanyak RM300 ribu untuk tahun depan menjadikannya RM5.26 juta. Saya mencadangkan supaya syarat-syarat yang ketat perlu diletakkan terhadap program PEBT ini seperti apa yang dilakukan terhadap PWB. Saya tahu PWB ini, merupakan syarat-syaratnya pelaksanaannya sangat ketat dan tidak ada peluang berlakunya ketirisan dan saya memohon supaya PEBT juga tertakluk kepada perkara yang sama. Sementara waktu juga, saya ingin bertanya tentang peruntukan PWB pada tahun 2019, berapa yang telah pun diperuntukkan dan berapa banyak yang telah digunakan sehingga akhir tahun ini. Satu lagi adalah berkaitan dengan TKPN Sungai Kelambu yang sebelum ini yang isu ini masih lagi di bawah perancangan Jabatan Perhutanan. Saya kira Exco telah pun tahu tentang perkara ini. Kertas daripada Jabatan Perhutanan telah dibentang tetapi masih belum lagi diluluskan kerana ada penangguhan. Petani-petani sebenarnya telah pun lama menunggu walaupun sehingga sekarang tidak ada lagi tindakan penguatkuasaan lagi tetapi kerana kelewatan ini akan juga termasuk kerugian daripada segi pendapatan kepada Kerajaan Negeri Selangor. Jadi saya amat berharap kelulusan dapat dipercepatkan, kertas kerja daripada Jabatan Perhutanan bolehlah diluluskan secepat mungkin supaya petani semua boleh menjalankan aktiviti pertanian dengan hati yang tenang dan pada masa yang sama kerajaan boleh menikmati peningkatan dari segi cukai.

Tuan Timbalan Speaker, saya juga ingin membangkit sedikit akhir sekali bantuan khas kewangan kepada kakitangan awam daripada RM500 hingga maksimum 2 bulan gaji. Soalan yang paling penting adalah apakah KPI nya. Apa kah KPI yang akan kita gunakan. Kedua siapa kah yang akan menentukan. Jadi saya ingin mencadangkan supaya kalau di peringkat akar umbi, di peringkat daerah dan di peringkat PBT, saya mencadangkan agar Ahli Majlis dan wakil Rakyat diberi peluang untuk menetapkan KPI dan juga memberi markah dan input dan markah bagi mereka yang berpangkat gred 44 ke atas dan mungkin

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

bukan everybody , mungkin 10%. Maybe pemberat yang diberikan kepada ADUN dan Ahli Majlis dan Ahli Parlimen maybe 10% daripada markah keseluruhannya supaya ianya membolehkan Wakil Rakyat dah Ahli Majlis dapat memainkan peranan yang sepatutnya untuk menilai prestasi. Bukan semua mungkin, mereka yang memegang gred 44 ke atas dan sebagainya. Jadi Tuan Timbalan Speaker, ucapan saya memang tidak akan habis kalau tidak menyebut tentang dewan yang mulia ini, tentang peruntukan. Saya memohon walau tidak disebut saya ingin menyebut supaya peruntukan untuk tahun-tahun yang akan datang mungkin bukan tahun depan, sudah sampai masanya untuk kita membenarkan institusi speaker ini mendapat peruntukan yang khusus untuk melicinkan dan memperkasakan pentadbiran dan operasi dewan dan juga perjalanan jawatankuasa-jawatankuasa dewan. Saya beranggapan bahawa isu ini telah pun banyak kali dibangkitkan tetapi masih belum dilaksanakan, saya berharap kalau kita tidak sempat untuk melakukan untuk tahun 2020, mungkin untuk tahun 2021 kita akan dapat mempertingkatkan ataupun menyediakan satu peruntukan khusus di bawah institusi Speaker dan Timbalan Speaker. Supaya mereka boleh menjalankan program-program pembangunan, program-program yang boleh memperkasakan peranan dewan yang mulia ini sejajar dengan prinsip pengasingan kuasa. Begitu juga dengan peruntukan untuk Pusat Khidmat Adun saya pernah bangkitkan dalam banyak program-program rasmi dan tidak rasmi sebelum ini dan saya memohon supaya kita ataupun Pusat Khidmat Adun ini yang sekarang ini mendapat peruntukan tetap supaya ianya juga boleh dikaji semula khususnya untuk ADUN yang berkhidmat di kawasan luar bandar dan Majlis Daerah, kerana biasanya untuk ADUN-ADUN yang berkhidmat di tempat-tempat seperti ini tidak cukup kalau setakat satu Pusat Khidmat sahaja, ada yang lebih daripada dua dan ini pastinya akan melibatkan perbelanjaan yang lebih tinggi bagi para ADUN. Jadi kepada Tuan Timbalan Speaker memandangkan masa terlalu mencemburui saya, maka saya mengakhiri ucapan saya di sini dan saya menyokong agar perbelanjaan ini disokong. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih, Banting. Seterusnya saya menjemput Gombak Setia.

**Y.B TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM :** Terima kasih, YB Timbalan Speaker, saya ingin memulakan perbahasan saya pada petang ini dengan mengajak seluruh rakyat negeri Selangor untuk menilai sendiri prestasi dan keupayaan Kerajaan Negeri yang saya kira terbukti cekap dalam rencana dasar serta kebijakan yang cukup proaktif dan responsif kepada persekitaran ekonomi semasa. Pada masa yang sama saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri di bawah pimpinan YAB Dato' Menteri Besar Selangor yang telah berjaya menampilkkan kesungguhan yang konsisten untuk membudayakan prinsip perbelanjaan yang telus, berhemah dan saksama. Namun begitu saya sedikit terkilan kerana dalam usaha kita untuk memperkuatkan kebijakan kerajaan melalui dewan yang mulia ini, masih ada ramai anggota dan Ahli-ahli Dewan Negeri yang saya kira gagal untuk menggunakan peluang dan platform ini khususnya di kalangan YB Ahli-ahli Dewan Negeri Pembangkang yang saya kira langsung tidak menganggap bahawa sidang ini sebagai sidang yang serius. Kita boleh lihat sendiri sekarang ini yang adapun cuma YB Semenyih, itu pun YB Semenyih ni pun saya ingat tak lama dah duk di pembangkang tu sikit lagi dia sesat. Dan yang lebih malang lagi apabila hari ini kita lihat hanya sekadar Ketua Pembangkang yang berbahas mewakili rakan-rakan Ahli Dewan Negeri di kalangan pembangkang dan turut yang saya kira lebih malang untuk kita dalam dewan ini apabila ada di kalangan Ahli-ahli Dewan Negeri di kalangan pembangkang sudahlah belum tentu dalam sidang ini dia nak hadir untuk berbahas.

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Sewaktu pembentangan belanjawan sendiri pun dia tidak hadir. Dan ini yang saya kira perlu amati kerana ini merupakan satu dokumen dua dalam satu, ini merupakan dokumen yang serius. Belanjawan ini kita tampilkan kebijakan, kita tampilkan dasar, kita tampilkan inisiatif ada penilaian kepada prestasi dan perkhidmatan. Kalau dulu kita ada Kuang, Kuang dulu ini memang hidup segan mati tak mahu. Kuang yang lamalah, Kuang yang baru ni saya tengok hari-hari datang. Dan hari ini saya kira penting untuk kita melihat dokumen ini secara serius, kita meneliti apakah lagi ada di kalangan kita Ahli - Ahli Dewan Negeri Pembangkang yang bukan sahaja baru tetapi ada yang merupakan *senior* dalam Dewan ini. Kita ada Hulu Bernam dan Sungai Burung tetapi kalau Hulu Bernam sudah hilang hulunya dan Sungai Burung sudah hilang ( gelak ). Jangan sambung saya tidak kata. Yang itu, saya tengok bersungguh-sungguh Taman Medan sebut itu tadi. Jadi saya pulangkan kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang untuk bantu supaya akhirnya kita dapat membantu dan menggunakan platform wahana ini dengan baik supaya akhirnya kita dapat bersama-sama memelihara kepentingan rakyat Negeri Selangor ini. Yang Berhormat Timbalan Speaker sesungguhnya belanjawan ini.

**Y.B TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan. Sedikit sahaja. Saya ingin bertanya kepada Gombak Setia. Walaupun kita di kalangan BBC ini, sebenarnya mempunyai banyak saluran secara rasmi dan tidak rasmi untuk menyampaikan pendapat, dasar kita ataupun pandangan kita tetapi kita tetap juga hadir ke sidang Dewan ini dan mengambil bahagian dalam perbahasan. Kadang-kadang kita bertikam lidah dengan pihak MMKN kerana ada perkara-perkara yang tidak disetujui dan kita tetap mengambil bahagian. Syabas juga diucapkan kepada MMKN kerana ramai di antara yang hadir untuk mendengar dan mencatat apa yang dibangkitkan di sini. Walaupun secara tidak rasminya, kita tidak perlu hadir ke sidang Dewan ini, kita mampu selesaikan masalah ini. Tapi kerana kita komited terhadap perjuangan kita atau peranan kita sebagai wakil rakyat dan kita hadir untuk bangkitkan isu, kita mengambil bahagian dalam perbahasan dan bukankah itu sepatutnya juga dicerminkan kertas prestasi yang dibawa oleh pembangkang.

**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM :** Yang Berhormat Banting, yang inilah saya kira penting untuk kita faham kerana berada dalam Dewan ini kita harus tahu bahawa akhirnya matlamat kita ini adalah untuk memelihara kepentingan rakyat. Sebab itu, pentingnya misalnya ada tembung-tembung *engagement* supaya akhirnya kita dapat menyuarakannya perihal setempat bukan sahaja soal yang remah tetapi kita juga dapat bantu Kerajaan untuk menggubal dasar polisi dan kebijakan dengan lebih baik serta mendakap cabaran - cabaran pada masa hadapan. Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, sesungguhnya saya kira Belanjawan 2020 Negeri Selangor yang berpaksikan kepada agenda Persekutuan menerusi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 telah menegaskan kembali iltizam Pakatan Harapan terhadap perlaksanaan keadilan, kesaksamaan yang merentasi kaum, kelas pendapatan serta kesenjangan antara Wilayah. Ini jelas Bahawa Belanjawan 2020 Negeri Selangor memperlihatkan persediaan kita dalam membangun sebuah negeri yang unggul menjamin kehidupan rakyat yang bermartabat. Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, perbelanjaan adalah ikhtiar untuk kita membina kapasiti supaya pertumbuhan ekonomi terus dipacu dengan mampan dan progresif. Ini bermakna apabila Kerajaan berbelanja khususnya dalam usaha pembangunan dan pembinaan infrastruktur ianya secara tidak langsung akan meningkatkan kapasiti serta produktiviti yang akhirnya akan memacu pertumbuhan ekonomi negeri.

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Saya ingin menyentuh aspek ini bersama-sama sebagai mana yang dibawa oleh Yang Berhormat Hulu Klang kerana sebagai sebuah Kerajaan yang berpegang kepada prinsip perbelanjaan yang berhemat dan bertanggungjawab. Dan kadang kalanya, kita terbawa dengan pemikiran golongan *libertarian* yang menjadikan Belanjawan Berimbang dan belanjawan *Surplus* sebagai satu ideologi. Walhal suasana ekonomi mendesak Kerajaan untuk segera mengambil langkah segera yang *counter cyclical*\_ sikap ini akan membawa kita terjerumus ke dalam apa yang disebut sebagai *dexterity of delusion* sehingga menyebabkan kita takut dan bimbang untuk berbelanja. Dalam sektor swasta masih lemah dan sektor awam perlu memberikan kepimpinan dan menyuntik positif *mood* dalam pasaran dengan memperkenalkan program – program sosial, meningkat pelaburan strategik dan membangunkan infrastruktur yang memperkakaskan kuasa beli rakyat untuk melonjakkan pertumbuhan. Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, *President of European Central Bank* ada menyebut dalam satu wawancara bahawa *Everything that help to increase to the confidence household, firm and investor in the assembly of public finance is good for the consecution of growth and job creation* dalam sebuah wawancara *New York Times* Corment menegaskan bahawa *selectant government standing in the depress of economy depresses the economy federal*. Belanjawan 2020 Negeri Selangor memperuntukkan sejumlah 2.33 billion ringgit di mana sejumlah 1.2 billion ringgit untuk tujuan mengurus dan 1.13 billion ringgit adalah perbelanjaan pembangunan.

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Izinkan saya mencelah.

**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM :** Silakan Yang Berhormat  
Taman Medan

**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI :** Saya tertarik dengan apa yang sebut oleh Yang Berhormat Gombak Setia, dari sudut yang saya faham deficit yang perlu kita hadapi dalam untuk melaksanakan cadangan-cadangan dalam belanjawan tersebut tetapi apa yang dinyatakan ukuran kepada keberkesanan belanjawan itu boleh juga dilihat dari segi keseimbangan dan lebihan yang disebut sebagai surplus. Kalau kita merujuk kepada mantan Kewangan Ahli Parlimen Port Dickson sekarang bila mana beliau menjadi Menteri Kewangan itu satu daripada keberkesanan untuk pelaksanaan tanggungjawab dari segi keseimbangannya dari perolehan dan perbelanjaan yang mahu dilaksanakan. Jadi apa yang Yang Berhormat Gombak Setia setuju dengan apa yang dikemukakan oleh saya ini bahawa keseimbangan yang satu aspek yang cukup penting. Dan sebelum saya terlupa saya betulkan yang tadi bukan Taman Medan, Seri Setia ye yang sebut. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Yang Berhormat Gombak Setia

**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM :** Baik Yang Berhormat Taman Medan, Ini yang saya sebutkan tadi di mana akhirnya kita terlampau ingin memelihara atau ingin memastikan belanjawan kita itu tadi seimbang dan surplus atau ingin mengurangkan defitizi akhirnya kita menjadi sebuah Kerajaan yang takut untuk berbelanja kerana harus faham dalam ekonomi ini suram kita harus menggutik banyak lagi program-program sosial akhirnya dapat meningkat kuasa beli rakyat ianya dapat meningkat produktiviti dan akhirnya ianya dapat *stimulate the economy*. Akhirnya dapat membantu ekonomi kita sebab itu dalam hal ini saya sebutkan tadi bahawa Belanjawan 2020 Negeri Selangor tadi telah memperuntukan sejumlah yang saya kira dari segi jumlah peruntukan keseluruhan

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Belanjawan 2020 Negeri Selangor memperlihatkan penurunan secara *relative* dari tahun ke tahun. Kerajaan Negeri memperuntukkan 3.1 *billion* ringgit pada tahun 2018, tahun 2019 sebanyak 2.6 *billion* ringgit dan 2020 sebagai mana yang dibentangkan berjumlah 2.33 *billion* ringgit dan jika kita meneliti konteks belanja mengurus, belanja pembangunan pula bahawa kita dapat melihat penurunan yang *signification* bagi belanja mengurus di mana kita berjaya melakukan penjimatan dari 1.46 *billion* ringgit pada 2018 kepada 1.28 *billion* pada tahun 2019 dan pada tahun hadapan hanya dianggarkan 1.2 *billion* ringgit iaitu penjimatan sebanyak 4% hasil daripada penjimatan yang telah dilaksanakan secara yang berperingkat oleh Kerajaan Negeri. Dalam hal ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri khususnya Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar Selangor dan pegawai Kewangan Negeri serta semua pegawai-pegawai peringkat Perbendaharaan Negeri Selangor atas dedikasi untuk terus mengamalkan prinsip perbelanjaan secara berhemah. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, Dewan yang mulia ini turut menyaksikan pengurangan peruntukan bagi belanja pembangunan dan daripada sejumlah 1.66 *billion* ringgit iaitu 53.2% daripada 3.12 *billion* ringgit pada tahun 2018 kepada 1.28 *billion* ringgit pada tahun 2018. Kepada 1.28 *billion* ringgit 50% daripada 1.26 *billion* ringgit pada tahun lalu dan anggaran 1.13 *billion* ringgit iaitu 48.5% daripada sejumlah anggaran pada tahun hadapan. Dan saya ingin menyatakan bahawa langkah fiscal konservatif\_(yang dilaksanakan pada hari ini melalui pengurangan peruntukan Belanjawan ini khususnya belanja pembangunan demi mengujudkan sebagai mana yang saya sebutkan tadi sama ada Belanjawan yang surplus ataupun Belanjawan yang seimbang ataupun usaha kita untuk mengurangkan defisit ianya akan merencatkan potensi pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor. Sebab itu, Selangor sebagai the *developed state* harus keluar daripada *austerity measures* yang menyebabkan kegusaran kita untuk berbelanja khususnya dalam tujuan pembangunan dalam situasi ini saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mendalangi kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil langkah berani mencadangkan pertambahan peruntukan dalam pembangunan Kerajaan Wilayah Persekutuan 4.3% kadar peratus daripada 50.37 *billion* ringgit pada tahun 2019 kepada 56 *billion* ringgit pada tahun hadapan biarpun anggaran perbelanjaan keseluruhan mengalami penurunan sebanyak 6% iaitu 316 *billion* ringgit pada tahun ini kepada 297 *billion* pada tahun hadapan. Menyentuh pandangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang bahawa Kerajaan Persekutuan mengamalkan dasar yang *flip-flop* awal pagi tadi di sini saya ingin menegaskan bahawa Belanjawan 2020 yang dibentangkan oleh Parlimen baru-baru ini telah mendapat pengiktirafan daripada Kumpulan Bank Dunia atau World Bank yang menyatakan Kerajaan Pakatan Harapan berjaya memperkenalkan perbelanjaan yang berhemah dan seimbang di antaranya memenuhi keperluan untuk mengekalkan kemampunan *fiscal* dan pada masa yang sama dapat memenuhi persekitaran ekonomi yang perlahan. Sekiranya kita mengambil langkah yang berani ini, Kerajaan Negeri dapat menggandakan *split over effect* kepada ekonomi Negeri sekali gus meningkatkankekayaan Negeri kepada rakyat. Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker selaras dengan gagasan Negeri untuk membangunkan Negeri Selangor sebagai *Regena Economy Powerhouse* atau gedung ekonomi serantau kita harus segera mengalang potensi serta keupayaan Negeri untuk terlibat dan menjalinkan kerjasama ekonomi dan pelabuhan dalam bidang strategik bukan sahaja di Negeri Selangor tetapi di peringkat nasional dan serantau. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang berjaya meriah jumlah pulangan sebanyak 508 juta ringgit melalui sumbangan daripada pendapatan anak-anak syarikat milik Negeri atau *States GLC* biarpun hanya mengasarkan pulangan sumbangan sebanyak 50 juta pada tahun ini. Tekat ini akan menjana perolehan hasil Negeri yang lebih tinggi langkah proaktif Kerajaan Negeri dalam

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

mengurangkan kebergantungan hasil daripada *priming* tanah. Apatah lagi, saya ingin memperlihatkan bahawa hasil pendapatan Negeri daripada *priming* tanah juga memperlihatkan trend penurunan yang amat ketara daripada 54.2% daripada tahun 2017 kepada 48.3 % pada tahun 2018, 44.21% pada tahun 2019 dan tahun hadapan kutipan hasil daripada *priming* tanah 44.02%. Saya telah mengusulkan kepada Kerajaan Negeri sebelum ini untuk terus memaksimumkan sumbangan daripada hasil pendapatan dari anak-anak syarikat milik Negeri dan mengharapkan agar Kerajaan Negeri dapat meletakkan sasaran yang lebih *signified* tahun hadapan demi menjamin kemakmuran rakyat dan hasil pengagihankekayaan Negeri yang adil kepada rakyat. Namun begitu, sudah tentulah Kerajaan Negeri juga melaksanakan perubahan strategik anak-anak syarikat milik Kerajaan Negeri Selangor supaya ianya dapat menjana hasil yang tinggi dan memastikan penumbuhan yang lestari bagi menjamin kehidupan yang berkualiti untuk rakyat. Seperti mana yang digagaskan oleh Yang Amat Berhormat Antarabangsa sebelum ini bahawa kita harus memiliki imaginasi bahawa Selangor ini laksana sebuah negara maka sebagai sebuah korporat gergasi atau one mesintasi Corporate Family dengan izin anak-anak syarikat Negeri harus meneroka untuk terlibat secara langsung senili perniagaan dan pelabuhan peringkat nasional dan serantau. Menteri Besar Perbadanan (MBI) harus mula meneroka peluang untuk terlibat dalam pembangunan rumah mampu milik di luar daripada negeri Selangor. Begitu juga dengan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. Ataupun Air Selangor yang mencatatkan sejarah sebagai pemegang lesen tunggal bagi perkhidmatan bekalan air negeri, juga mungkin boleh memulakan usaha sama strategik misalnya dengan pemerintah ibu kota Jakarta untuk melaksanakan aktiviti dan rawatan air kepada pengguna, di mana di Jakarta pada hari ini, kerajaan pemerintah mereka hanya mampu memenuhi permintaan bekalan air bersih kurang daripada 30%. Ikhtiar dinamik ini saya yakin akan menjamin '*sustainable value creation*' ataupun penciptaan nilai ekonomi yang mampan buat Kerajaan Negeri Selangor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang cukup proaktif untuk mendakap perkembangan ekonomi masa kini, khususnya dalam menyediakan insentif seperti inisiatif roda Darul Ehsan atau *RIDE* bagi menggalakkan lebih ramai anak-anak muda terlibat dalam gig ekonomi yang hari ini menyuntik nilai pasaran sebanyak US\$2.7 trillion kepada ekonomi dunia menjelang tahun 2025. Berdasarkan laporan 'World Bank' Malaysia pada hari ini mencatatkan 26% populasi pekerja yang terlibat dalam gig ekonomi melalui penjanaan pendapatan secara bersendiri ataupun '*self-employed*'. Angka ini masih rendah jika kita bandingkan dengan negara-negara lain di Asia, seperti India yang hari ini sudah pun mencapai tahap 79%, Vietnam sudah capai tahap 59.6% dan jiran kita Indonesia sudah mencapai tahap 59% dan walaupun eko sistem gig ekonomi ini mampu menyelesaikan masalah pengangguran, tetapi saya kira negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang memiliki prasarana pendidikan yang unggul dan mampu melahirkan sumber daya manusia yang berupaya untuk bersaing dalam '*knowledge*' ekonomi serta memiliki kemahiran yang tinggi Kerajaan Negeri juga harus mengemukakan platform dan insentif supaya lebih ramai anak-anak muda dapat menawarkan perkhidmatan secara profesional dan perkhidmatan-perkhidmatan yang bernilai tinggi. Ini saya kira akan membantu Kerajaan Negeri untuk merealisasikan hasrat Selangor sebagai sebuah negeri yang berpendapatan tinggi.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, setelah saya bahaskan soal konsep belanjawan, struktur belanjawan dan sebagaimana yang saya kira penting untuk kita bincangkan, saya juga ingin mengemukakan dan merayu pada Kerajaan Negeri Selangor, memandangkan Kerajaan Negeri telah meluluskan dua buah pembinaan masjid baru kepada / untuk Masjid Merbau Sempak dan Masjid Batu 20 Kuang, dan sebenarnya sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, kedua-dua masjid ini didirikan juga hasil daripada sumbangan ataupun peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan persekutuan kepada kedua-dua pembinaan masjid ini. Dan saya ingin membawa dan merayu kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, memandangkan ada satu buah masjid lagi turut telah menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, iaitu Masjid Al-Intifakah, Taman Seri Gombak, di dalam DUN Gombak Setia, di mana masjid ini sebenarnya telah pun menerima peruntukan sebanyak RM1.5 juta awalnya dia menerima peruntukan ini hanya untuk membaiki bumbung, tetapi oleh sebab masjid ini masjid yang lama, didirikan tanpa '*piling*' yang betul, maka JKR telah pun mengemukakan cadangan bahawa kita tidak hanya boleh menukar bumbung, kerana kalau kita buat bumbung baru, dia akan runtuh kerana dia tidak menepati piawaian keselamatan yang ditetapkan oleh JKR. Namun begitu, saya memohon dan merayu kepada Kerajaan Negeri, pimpinan yang Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar supaya turut mempertimbangkan supaya sebahagian peruntukan lagi dapat diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan saya juga akan bertemu dan memohon supaya Kerajaan Persekutuan juga dapat '*topup*' lagi sebahagian peruntukan dan in shaa Allah dapat membantu menyelesaikan masalah ini kerana pada hari ini masjid ini tidak lagi kondusif untuk kita melaksanakan aktiviti ibadah dan juga program-program kemasyarakatan. Setiap kali hujan pasti air akan masuk dan saya amat yakin dengan kepimpinan yang kuat dan utuh daripada Kerajaan Negeri dan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor yang juga datang daripada Gombak, saya yakin tak lama lagi akan luluslah peruntukan ini, in shaa Allah dan akhirnya Yang Berhormat Tuan Speaker, Gombak Setia bersyukur kerana berkat daripada kestabilan dan keutuhan kerajaan kepimpinan yang jelas dan wibawa, serta muafakat yang utuh, negeri Selangor hari ini terus menjadi '*frontier speed*' dan nadi kepada ekonomi negara.

Justeru, saya menyeru kepada seluruh rakyat termasuk ahli-ahli dewan negeri sekalian supaya kita memperkuuh kesatuan dan mencipta muafakat yang lebih agung agar kita dapat sama-sama menjamin kepentingan rakyat. Yakinlah, melalui muafakat dan kekuatan ini, kita mampu menjamin Selangor terus unggul sekali gus terus mengangkat martabat kehidupan rakyat negeri Selangor.

Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sokong ke tidak? Sokong ya? Terima kasih Yang Berhormat Gombak Setia, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah, oleh sebab urusan dewan ini masih panjang, maka dewan pada hari ini perlu disambung, saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawa usul.

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut, bahwasanya dewan yang bersidang pada hari ini mengikut peraturan 11 dalam peraturan tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 6.00 petang.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Tuan Speaker saya menyokong.

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Dewan riuh, ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.

**TUAN SPEAKER :** Usul ini dipersetujui. Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya mengucapkan tahniah kepada Dato' Menteri Besar yang berikrar untuk menyumbangkan sejumlah 30% daripada KDNK negara menjelang 2030 berbanding dengan 23% ketika ini. Ayat pertama yang muncul di fikiran saya, bila Dato' Menteri Besar sebut ini adalah, "Selangor...Negeri Yang Paling Maju Di Malaysia". Sebagai negeri yang paling maju, saya bersetuju dengan Dato' Menteri Besar, iaitu kemajuan dan pembangunan perlulah disusuli dengan initiatif-initiatif jangka panjang yang berkesan dan pembangunan tidak berertinya mengkorbankan alam sekitar atau menyisirkan kumpulan masyarakat tertentu.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan tidak pernah memikirkan golongan orang kurang upaya (OKU), dasar-dasar yang digubal atau dikemaskini juga sentiasa mengambil kira akan keperluan golongan ini. Negeri Selangor telah menjadi negeri contoh dan rujukan negeri lain berkaitan perancangan dan pelaksanaan program pembangunan untuk golongan OKU. Saya ingin menyentuh satu perkara yang menjadi kekangan kepada OKU dan penjaga OKU iaitu pelekat parking khas untuk OKU (sticker). Kita tahu hanya kenderaan yang mempunyai pelekat OKU sahaja yang dibenarkan meletak kenderaan di petak parking OKU. Isu sekarang adalah, adakah semua pihak berkuasa tempatan, menyediakan pelekat khas untuk OKU atau penjaga OKU memohon pada bila-bila masa. Saya ingin memaklumkan kepada dewan yang mulia ini, hanya OKU yang tertentu sahaja mampu memandu kereta, lebih ramai OKU yang memerlukan penjagaan sepenuh masa daripada orang lain, dengan erti kata yang lebih mudah, pelekat khas OKU itu lebih diperlukan oleh kenderaan penjaga OKU yang membawa OKU bersama ke mana-mana juga untuk pelbagai urusan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri perlu memastikan semua pihak berkuasa tempatan menyediakan pelekat khas untuk OKU dan penjaga OKU. Kerajaan Negeri juga perlu memastikan pelekat khas yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan boleh diguna pakai di semua petak parkir negeri Selangor dan tidak terhad kepada kawasan tertentu iaitu Pihak Berkuasa Tempatan yang mengeluarkan 'sticker' tersebut. Ini akan memudahkan kepada semua OKU atau penjaga OKU untuk menjalankan urusan mereka di mana-mana tempat di negeri Selangor.

Tuan Speaker, Skim Bantuan Khas Anis Selangor, yang telah dimulakan oleh Kerajaan Negeri, telah menjadi satu titik tolak ke arah pembudayaan golongan OKU di negeri Selangor sebagai sebuah negeri perintis untuk skim seperti ini, ianya dicemburui oleh golongan OKU di negeri lain. Peruntukan RM500 ribu dalam Belanjawan 2020 untuk bantuan Anis sangat dihargai. Bantuan seperti ini sangat membantu OKU dan penjaga OKU dalam memenuhi keperluan mereka yang kita sedia maklum agak mahal dan membebankan bagi keluarga yang kurang berkemampuan. Tanpa meletakkan sebarang syarat pendapatan penjaga, hal ini sangat dialu-alukan oleh penjaga OKU, namun salah satu syarat yang tertera, yang melayakkkan permohonan bantuan Anis ini ialah berumur 18 tahun ke bawah sahaja. Saya minta Kerajaan Negeri mengkaji semula had kelayakan umur bagi permohonan bantuan tersebut, sewajarnya tiada kelayakan had umur diletakkan sebagai syarat permohonan, anak istimewa tetap anak istimewa dan kecacatan mereka

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

tidak boleh pulih walaupun mereka semakin meningkat dewasa, bahkan keperluan golongan OKU ini semakin meningkat dan semakin mahal seiring dengan pertambahan usia mereka. OKU yang berusia lebih 18 tahun juga perlu menjalani terapi yang berterusan bagi meningkatkan kualiti hidup sehari-hari mereka. Mereka juga memerlukan peralatan dan keperluan lain seiring dengan pertambahan umur yang pastinya tidak sesuai menggunakan peralatan yang tidak sepadan dengan usia mereka. Sebagai contoh, jika dulu OKU itu memerlukan kerusi roda kanak-kanak yang khusus, kini kerusi roda dewasa yang khusus yang bukan murah harganya diperlukan jika dulu setin susu khas boleh tahan seminggu kini, mungkin setin susu khas boleh tahan tiga hari.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan had kelayakan umur ini dimansuhkan sebagai satu cara membantu OKU menjalani kehidupan yang lebih baik pada masa yang akan datang.

Tuan Speaker, ucapan Dato' Menteri Besar ada menyebut, Selangor akan terus menganjurkan '*Selangor International Cyber Game 2020*'. '*Cyber Game*' ini telah diilhamkan oleh Dato' Menteri Besar pada enam tahun yang lalu dan sekarang Selangor adalah peneraju bidang e-sukan di Malaysia. Semalam Dato' Menteri Besar dalam '*Twitter*' berkata bahawa Kerajaan Negeri serius dalam membangunkan industri e-sukan. Beliau akan memastikan sentiasa terdapat bakat baru yang mampu diketengahkan sehingga ke peringkat antarabangsa. Komuniti e-sukan adalah sangat besar di Malaysia. Malaysia pernah menang dalam pertandingan antarabangsa seperti '*Dota 2*' dan '*Counter Strike Global Offensive*'. Kalau e-sukan boleh dimajukan dan diperkembangkan di Selangor maka ramai bakat e-sukan dapat dicungkil dan boleh bersaing di arena antarabangsa.

Tuan Speaker, pusat e-sukan adalah tempat yang penting bagi pemain berlatih untuk pertandingan kerana pusat e-sukan mempunyai komputer yang cukup yang berprestasi tinggi untuk satu pasukan yang biasanya terdiri daripada 4-6 orang untuk berlatih. Pusat e-sukan juga boleh mengadakan kejohanan kecil bagi peminat e-sukan. Kejohanan kecil inilah yang merupakan cara yang baik untuk pasukan profesional mencari bakat baru. Dengan ini, saya mendesak Kerajaan Negeri bagi semua pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor mewujudkan lesen perniagaan kategori E-Sukan supaya pihak swasta sama-sama membangunkan sukan ini. Pertandingan E-Sukan diadakan di seluruh dunia dan kebanyakannya pertandingan yang besar diadakan di Amerika Syarikat, Jerman dan China. Oleh itu, kalau pemain E-Sukan ingin menonton atau melayakkan diri dalam pertandingan dunia mereka terpaksa berdepan dengan komputer dan waktu selepas jam 12 malam disebabkan zon masa yang berbeza. Contohnya masa New York jam 3 petang adalah jam 3 pagi di Malaysia. Pasukan Malaysia yang mengambil bahagian di dalam The Internasional 2017 Southeast Asia Qualifiers 2017 yang lalu kena berada di depan komputer pada jam 11 malam.

Oleh itu, pihak pihak berkuasa tempatan perlu mempertimbangkan bagaimana membenarkan pusat E-Sukan beroperasi 24 jam supaya Anak Selangor boleh mengambil bahagian dalam pertandingan antarabangsa. Tuan Speaker sebelum saya mengakhiri perbahasan saya, saya menyahut cadangan baik Y.A.B Dato Menteri Besar iaitu meningkatkan elaun bulanan Ketua Komuniti India. Mereka akan menerima elaun yang sama dengan ketua kampung tradisi dan ketua kampung baru cina iaitu sebanyak RM1,200.00 mulai Januari 2020. Dengan peningkatan elaun tersebut saya harap Kerajaan Negeri boleh mewujudkan struktur organisasi di semua kawasan komuniti india bagi

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

membentuk jawatankuasa untuk ahli-ahlinya berfungsi dan berkhidmat seperti AJK JK KKK Kampung Tradisi dan Kampung Baru Cina. Tuan Speaker saya mengakhiri dengan menyokong belanjawan ini. Sekian, Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Terima Kasih Tuan Speaker kerana memberi Peluang kepada Dusun Tua berbahas. Hari ini kita bersidang untuk sama-sama untuk meluluskan Belanjawan bagi Tahun 2020. Bagi generasi milenial Tahun 2020 melahirkan pelbagai imaginasi tentang masa hadapan. Namun hari ini kita berdepan dengan realiti bahawa masa hadapan itu tidak mudah dibayangkan dengan ledakan revolusi teknologi dan juga revolusi industri. Dengan itu Belanjawan yang akan kita luluskan ini amat penting bukan sahaja untuk memenuhi keperluan rakyat pada masa kini tetapi juga mempersiapkan negeri untuk masa hadapan yang sebenarnya tidak menentu. Tuan Yang Dipertua, Tuan Speaker pada Belanjawan 2019 Kerajaan Negeri telah memperkenalkan pelaksanaan pendekatan klusterisasi. Saya merasakan idea yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar Selangor amat bernes dan saya yakin dapat memacu Negeri Selangor ke arah kemajuan yang bermakna. Belanjawan ini dikatakan akan menumpukan kepada pembangunan prasarana berdasarkan tujuan gugusan-gugusan yang diperkenalkan sebelum ini. Saya dan rakyat Selangor sudah tentulah ingin melihat kemajuan dan kesinambungan kepada pendekatan klusterisasi ini.

Saya berharap Kerajaan Negeri dapat memberikan laporan yang terperinci tentang tahap kemajuan klusterisasi ini setakat tahun 2019 termasuklah jumlah peruntukan yang telah negeri belanjakan kepada gugusan-gugusan yang berkenaan. Bagi memberikan kesinambungan kepada pendekatan klusterisasi ini juga saya mengharapkan Belanjawan 2020 dapat memberi keterangan tentang peruntukan yang disalurkan kepada pembangunan prasarana-prasarana bagi setiap gugusan ini dan bagi memantapkan lagi pendekatan klusterisasi ini adalah lebih baik kita dapat mewujudkan tahap pencapaian sasaran dan penanda arus atau KPI yang bersesuaian kepada setiap gugusan untuk memastikan konsep ini dapat di realisasikan secara objektif. Dewan yang mulia dan Tuan Speaker usaha mewujudkan pusat kitar semula yang komprehensif di semua PBT amat dialu-alukan. Selaras dengan agenda mendukung ekonomi kitaran atau dengan izin *secular economy*. Namun anjakan paradigma daripada *econom i lineal* iaitu ekonomi yang bersifat ambil hasilkan sesuatu dan kemudian buang juga memerlukan satu kerangka yang komprehensif juga kita ingin menuju ke arah ekonomi kitaran atau *secular economy* sepenuhnya. Ekonomi kitaran adalah satu sistem ekonomi yang menyasarkan sifar sisu buangan dengan penggunaan sumber yang berterusan yang mana nilai suatu bahan mentah komponen dan produk dipastikan tidak menyusut dan atau hilang. Amalan kitar semula yang cukup terkenal hanyalah kecil daripada usaha untuk mencapai matlamat sebenar ekonomi kitaran. Ini kerana ekonomi kitaran melibatkan perkongsian, pajakan, penggunaan semula dan baik pulih. Maka sudah tentu jika sudut pandang kita tertumpu pada satu juzuk kecil kita cenderung untuk terlupa pada gambaran yang lebih besar dan lebih menyeluruh. Jika kita merujuk a pelan hala tuju Malaysia ke arah sifar penggunaan plastik sekali guna 2018.

Sasaran pada tahun 2019 adalah untuk setiap negeri mengenakan caj pencemaran sebanyak RM0.20 ke atas beg plastik. Sudah tentu Selangor menerajui dalam soal ini. Apa yang diperlukan kini adalah perhatian terhadap istilah yang digunakan bahawa caj

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

berkenaan bukan semata-mata satu kaedah mencegah pengguna daripada menggunakan beg plastik. Akan tetapi ia merupakan caj yang dikenakan ke atas satu bahan yang menyumbang kepada pencemaran dan hasil kutipan caj ini haruslah disalurkan ke arah menyelesaikan masalah secara preventif dan bukannya reaktif. Saya sedia maklum bahawa Kerajaan Negeri Selangor menasarkan mengutip sendiri bayaran caj RM0.20 penggunaan beg plastik melalui Pihak Berkuasa Tempatan bermula 1 Januari 2020. Yang Berhormat EXCO juga seperti yang di petik di berita menyatakan hasil kutipan itu akan dimasukkan ke dalam Tabung Amanah untuk diserahkan kepada Kerajaan Negeri bagi melaksanakan program-program khidmat sosial korporat ataupun CSR yang melibatkan alam sekitar. Antara contoh program yang disebutkan adalah Tanaman Pokok dan menghasilkan lebih banyak beg kitar semula. Di sini saya ingin menarik kembali perhatian Dewan yang mulia kepada gambaran besar ekonomi kitaran tadi yakni memastikan pengurangan atau sifar sisa buangan dan setiap sumber yang digunakan dapat terus digunakan dan tidak jadi sisa atau buangan. Sudah masanya kita mula mencari dan mengusahakan penyelesaian melangkaui kerangka kitar semula.

Saya berpendapat kutipan hasil daripada beg plastik berserta dengan sedikit suntikan dana daripada Kerajaan Negeri harus diarahkan kepada kajian yang lebih dalam mencari penyelesaian yang lebih tuntas. Bagi mencapai sasaran sifar sisa buangan penggunaan sumber yang berterusan berbanding program-program alam sekitar yang bagus tetapi bersifat jangka pendek. Selangor sememangnya menjadi teraju dalam soal alam sekitar. Banyak usaha dan dasar dilaksanakan ke arah memelihara dan memulihara alam sekitar. Malah kita melihat sendiri pada Belanjawan 2020 strategi khusus untuk menjamin kelestarian alam sekitar ada terdapat di dalam perancangan Belanjawan 2020. Selangor juga ada ikon alam sekitarnya tersendiri kita ada Tengku Datin Paduka Siti Zatasha binti Sultan Sharafuddin Idris Shah yang konsisten dan bersungguh-sungguh sifar sisa buangan dan sifar penggunaan plastik sekali guna. Saya berpandangan Selangor boleh terus menjadi peneraju dengan mewujudkan satu pelan hala tuju ekonomi kitaran melibatkan semua pemegang taaruf baik pihak kerajaan mahupun swasta bagi merangka perubahan penting dan tindakan yang diperlukan untuk Selangor beralih kepada ekonomi kitaran sepenuhnya. Yang Berhormat Speaker kutipan cukai pelancongan sebanyak RM2.6 juta pada tahun 2018 yakni ketiga tertinggi di belakang Pulau Pinang dan Sabah merupakan indikator penting pada potensi Selangor sebagai industri pelancongan. Peruntukan RM9.7 juta mengembangkan lagi industri pelancongan Selangor tentu sekali merupakan pelaburan yang berbaloi mengambil kira pulangan hasil yang di peroleh.

Saya juga ingin menyentuh hasrat Kerajaan untuk melancarkan kempen tahun melawat Selangor 2021 di atas kesinambungan kempen melawat Malaysia 2020. Saya ingin bertanya kepada kerajaan berharap mendapat jawapan daripada keseluruhan jumlah peruntukan untuk pelancongan berapakah jumlah yang akan disalurkan bagi membaik pulih atau membina infrastruktur kawasan-kawasan pelancongan sedia ada. Ini kerana saya mendapati tidak sedikit tempat yang amat memerlukan peruntukan bagi membaik pulih kemudahan-kemudahan awam di kawasan pelancongan. Saya ambil contoh di kawasan saya sendiri di Sungai Congkak, Hulu Langat. Keadaannya yang agak menyedihkan dan kadang-kadang kita mendapat aduan daripada mereka yang berkunjung. Kadang-kadang keluarga kita sendiri pergi kunjung *complain* dengan kita. Jadi kita mahu segala belanja yang dikeluarkan untuk promosi untuk Tahun Melawat Selangor itu nanti akhirnya mendapat maklum balas yang baik dan bukannya apabila mereka tiba di Selangor kemudian memberi maklum balas ia khabar dari rupa. Tumpuan pada penambah baikkan

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

pelaporan statistik pada pandangan saya amat diperlukan. Sudah tiba masanya dasar dan pelan tindakan yang dirangka dikenal pasti potensi pelancongan harus bersandarkan dasar yang jitu. Izinkan saya berkongsi pengalaman saya cuba mencari data-data pelancongan kawasan DUN saya dan saya menghadapi kesukaran untuk mendapatkan data yang bagus dan menyeluruh tidak kira dari agensi ataupun syarikat berkaitan kerajaan dan kadangkala data yang di peroleh sangat terbatas misalnya hanya tertumpu pada kawasan tertentu sahaja. Sebagai contoh saya hanya mampu memperoleh data pengunjung di kawasan rekreasi Sungai Congkak di bawah Tourism Selangor sahaja dan saya ingin merakamkan terima kasih kepada Tourism Selangor atas kerjasama yang diberi namun akan tetapi ramai maklum pengunjung datang ke kawasan Hulu Langat dan DUN Dusun Tua bukan sahaja ke Sungai Congkak tetapi terdapat banyak lagi aktiviti-aktiviti pelancongan lain. Jadi dalam usaha kita menjadi Smart State saya berharap penambahbaikan yang diusahakan turut mengambil kira penggunaan Big Data bagi tujuan analisa pelancongan di Selangor dan tidak bergantung pada statistik tradisional. Data yang dikumpulkan diharap menepati 3V yang menjadi teras data.

Yang Pertama *volume* atau jumlah yang banyak yang mana data yang dikumpulkan haruslah bersekala besar dan tidak lagi tertumpu di kawasan-kawasan yang diketahui tempat pelancongan. Kedua *velocity* ataupun kepentasan dan hari ini dengan teknologi pintar dan data yang dikumpulkan harus dalam bentuk dalam masa nyata atau dengan izin *real time* dan ketiga *variety* atau pelbagai data yang dikumpulkan hendaklah bersifat pelbagai dan dikumpulkan daripada pelbagai sumber termasuklah di media sosial atau transaksi perniagaan dan lain-lain.

Saya kira tadi kita bincangkan dengan berkenaan Smart City penggunaan CTV yang juga pada masa yang sama lampu yang boleh *melakukan facial recognition*, jadi ini hala tuju yang patut kita arah dan melaluinya mungkin dapat menyumbang kepada data dan statistik pelancongan Negeri Selangor. Saya yakin sekiranya Selangor dapatkan data yang gitu untuk di analisa bagi tujuan mencari dan mengenal pasti potensi pelancongan di Selangor malah berkemungkinan besar juga mencipta potensi pelancongan baru yang tidak pernah dijangkakan. Dalam kita berusaha mencari peluang-peluang baru kita boleh juga boleh bergerak selangkah ke hadapan mencipta peluang-peluang yang tidak pernah terlintas dalam pemikiran kita. Semua itu boleh direalisasikan sekiranya kita dilengkapi data dan analisa yang tepat. Dewan yang mulia dan Yang Berhormat Speaker sejak 4 tahun yang lalu Kerajaan Negeri telah berbelanja RM47.7 juta dalam menyediakan beberapa asas dan inisiatif yang dibangunkan oleh Smart Selangor *delivery unit* ataupun SSDU bersama-sama entiti SEATECH menerima RM24 juta sepanjang 4 tahun. Pada Belanjawan 2020 ini kita melihat sebanyak RM50 juta diperuntukkan untuk inisiatif ini. Kerajaan Negeri juga memberikan komitmen bagi memperuntukkan sejumlah RM300 juta kepada inisiatif Smart Selangor sepanjang enam tahun.

Saya menyambut baik gagasan *Premier Smart State 2025* yang mana satu inisiatif pembangunan sosio pintar menyatukan serta membangunkan platform bersepada antara perkhidmatan awam, PBT dan jabatan-jabatan Kerajaan Negeri di Selangor serta meningkatkan mutu pemantauan keselamatan awam, infrastruktur digital, Kerajaan Negeri dan lain-lain. Namun, dengan peruntukan yang besar seperti ini perlulah kita teliti setiap kemajuan dan tadbir urusnya. Lagi-lagi apabila peruntukan untuk tahun 2020 ini mencatatkan satu pertambahan peruntukan yang amat-amat besar. Kita dapat melihat peruntukan untuk tahun setahun sahaja hampir sama dengan jumlah peruntukan empat

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

tahun sebelum ini. Menurut Y.A.B. Dato' Menteri Besar, semenjak diumumkan pada tahun 2016 pencapaian inisiatif Smart Selangor telah mencapai sasaran 26%. Saya fikir 26% tahap pencapaian ini bukanlah satu pencapaian yang boleh dikatakan cemerlang. Saya mohon kepada kerajaan untuk menyatakan bagaimana sasaran 26% ini telah dikira dan juga keterangan lanjut mengenainya. Saya juga ingin mencadangkan bahawa satu laporan khas dilakukan tentang inisiatif ini termasuklah satu keterangan bagaimana peruntukan ini dibelanjakan dan laporan operasi Smart Selangor. Harapnya pandangan-pandangan ini diambil kira supaya kita dapat menjayakan Selangor sebagai *The Premier Smart State* menjelang 2025.

Berkenaan dengan *Selangor Business Capital*. Belanjawan 2020 mencadangkan peruntukan pembangunan berjumlah RM1.133billion atau 4.6% daripada jumlah keseluruhan anggaran belanjawan. Saya ambil maklum tentang pelaksanaan suatu projek pembangunan bersepadu yang digelar *Selangor Business Capital* yang diumumkan oleh Menteri Besar Selangor dengan *gross development value* atau GDV kepada pembangunan ini sejumlah RM12billion. Saya ingin bertanya kepada kerajaan berapakah peruntukan daripada peruntukan pembangunan Belanjawan 2020 yang akan digunakan khusus untuk tujuan projek ini? Bagaimana kita sedia maklum, terlalu banyak projek pembangunan harta tanah di Selangor dan Lembah Klang yang sedang dibangunkan. Ini termasuklah bahagian harta tanah yang melibatkan harta tanah kategori pejabat dan pusat membeli belah. Syarikat-syarikat yang disebut mempunyai hasrat untuk melabur dalam pembangunan *Selangor Business Capital* ini adalah syarikat berteraskan teknologi iaitu Huawei dan Ten Sense. Syarikat Huawei sendiri sudah pun mempunyai penempatan operasi yang besar di Selangor iaitu di Cyberjaya sedang kawasan yang dicadangkan pula bagi projek ini adalah di antara Cyberjaya, Putrajaya dan KLIA.

Saya melihat adalah lebih baik jika kita memberikan tumpuan kembali kepada Cyberjaya untuk terus memajukan kawasan itu sebagai daerah kewangan pintar seperti yang diinginkan oleh Kerajaan Negeri berbanding kita menumpukan pada satu pembangunan besar yang akan mewujudkan satu pusat baru. Bukankah lebih baik kita terus mempromosi dan membangunkan kawasan yang sedia ada yang sebenarnya mempunyai ciri-ciri daerah kewangan pintar serta ekosistem untuk menjadi *sent box* kepada teknologi baru. Bagi saya, pertimbangan kepada penambahan jumlah (dengan izin) *supply* harta tanah-harta tanah perlu diambil serius untuk mengelakkan keadaan yang tidak seimbang kepada sektor harta tanah komersial di negeri ini termasuk kadar kependudukan dan kadar sewa.

Y.B. Tuan Speaker,

Salah satu trend baru dalam ekonomi semasa adalah perkembangan *gig economy*. Di Amerika Syarikat pada tahun 2017, 35% daripada jumlah tenaga kerja mereka terlibat dengan *gig economy* dan trend ini dijangka meningkat pada 43% daripada jumlah tenaga kerja pada tahun 2020. Trend ini juga berkembang dengan pesat di Malaysia dan khususnya di Selangor. *Gig economy* ini merujuk kepada pekerjaan berbentuk jangka pendek dan kontrak bebas. Ia menjadi semakin penting dan berkembang pesat kerana ia memberi peluang pendapatan tambahan. Ia juga boleh menjadi satu bentuk pendapatan permulaan kepada golongan graduan sementara mereka mendapat pekerjaan tetap.

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Saya melihat beberapa inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor termasuklah inisiatif Roda Darul Ehsan (RIDE) yang memberi subsidi RM350 seorang dan juga inisiatif *Work From Home* yang untuk penerima-penerima KISS. Ini semua turut menyumbang kepada pembentukan *gig economy*. Saya merasakan bagi sebuah negeri maju, Selangor boleh melakukan lebih lagi untuk memajukan ekonomi negeri ini. Inisiatif RIDE contohnya boleh dikembangkan lagi misalnya kepada lesen kereta. Malah tumpuan Kerajaan Negeri juga seharusnya bersedia untuk melangkaui pekerja *gig economy* sahaja. Kerajaan Negeri boleh memikirkan sokongan dan dukungan yang sesuai kepada syarikat-syarikat yang terlibat dalam membangunkan *gig economy*. Kerajaan telah pun memperuntukkan RM36.8juta bagi memperkuuh serta menambah baik pelaksanaan program-program keusahawanan negeri Selangor dengan matlamat memastikan usahawan-usahawan lebih berdaya saing dan bersedia menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0 atau IR4.0 dan juga pasaran global.

Saya menjangkakan peruntukan ini bertujuan membantu usahawan-usahawan mempercepatkan migrasi mereka menuju IR4.0. ini kerana untuk menghadapi era IR4.0 yang penuh dengan pelbagai kemungkinan. Usahawan-usahawan perlu segera dinaiktaraf dan sektor pembuatan perlu dibantu menggunakan strategi perniagaan yang boleh bertindak balas segera terhadap keperluan pengguna dan perubahan pasaran. Saya melihat usaha untuk menggalakkan pertumbuhan *gig economy* boleh diletakkan di bawah payung yang sama. Ini kerana ia merupakan satu tindakan kerana ia merupakan satu tindak balas dan pada masa yang sama boleh menjadi penawar sementara dalam berdepan dengan cabaran IR4.0. Di saat IR4.0 membawa bersama *atomasi artificial intelligence, robotic* dan lain-lain sehingga dijangkakan menyebabkan beribu pekerjaan hilang, pekerjaan alternatif boleh ditemui melalui *gig economy* ini tadi. Jadi, seharusnya kerajaan mempertimbangkan untuk kita turut mendukung dan membantu sebarang usaha pembangunan ke arah mewujudkan lebih banyak peluang melalui *gig economy* ini tadi.

Tuan Speaker,

Tanggungjawab sebuah kerajaan bukan sahaja mewujudkan persekitaran yang baik untuk rakyat tetapi juga harus mewujudkan persekitaran yang kondusif sesuai untuk perniagaan. Ini tidak lain bagi tujuan yang semua kita tahu perancakan lagi ekonomi negeri ini. Dasar kelulusan 100 hari melibatkan proses memperoleh kebenaran merancang dan urusan pembangunan tanah tentulah sesuatu yang amat membantu para usahawan. Ini kerana di kalangan peniaga setiap saat dan minit merupakan kos yang perlu diambil kira. Selangor yang telah cukup dikenali sebagai ‘Negeri Peduli Rakyat’ kini membuktikan bahawa kita juga mesra perniagaan dan berusaha memenuhi harapan para peniaga sekiranya dasar kelulusan 100 hari bagi memperoleh kebenaran merancang dan urusan pembangunan hartanah adalah suatu yang boleh dilaksanakan.

Saya ingin mencadangkan agar semangat yang sama turut kita kembangkan dalam hal-hal yang melibatkan projek baik pulih atau naik taraf kemudahan asas rakyat di bawah Kerajaan Negeri atau di bawah pihak berkuasa tempatan. Mungkin kita boleh mula gerakkan dasar 100 hari mula kerja atau barangkali untuk projek-projek membaik pulih 100 hari itu terlalu lama, mungkin kita boleh ambil separuh (mungkin 50, atau mungkin 60 hari) agar semua kerja projek-projek baik pulih yang melibatkan kerajaan tempatan, Kerajaan Negeri boleh dimulakan. Kerana kita dapat banyak juga projek-projek baik pulih dan

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

sebagaimana mengambil masa yang lama bukan kerana masalah-masalah yang lain. Tetapi tersangkut di peringkat kelulusan sahaja.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Bukit Lanjan.

**Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Ya, sila.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Dusun Tua, tadi Dusun Tua telah maklum dalam Dewan ini tentang dasar kelulusan 100 hari. Dan ini untuk Kerajaan Negeri Selangor. Tetapi pada masa yang sama, saya dimaklumkan bahawa di peringkat pusat dasar tempoh masa untuk kelulusan projek-projek sudah turun daripada 100 hari kepada 60 hari. Jadi, saya rasa ada sedikit mungkin ketidakseimbangan kerana biasanya Selangor lebih cepat daripada federal. Tapi kali ini federal lebih cepat daripada Selangor. So, mungkin minta pendapat daripada Dusun Tua.

**Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Terima kasih Bukit Lanjan. Jadi kalau kita mendapati persekutuan telah menjuarai dengan 60 hari, mungkin kita juga perlu pertimbangkan untuk turut ikut serta tapi juga haruslah kita mengambil kira juga faktor-faktor mengapa kerajaan persekutuan mampu mencapai 60 hari dan apakah kita ada halangan-halangan lain yang perlu kita pertimbangkan untuk mencapai tidak kiralah 100 hari, 60 hari atau 70 hari.

Jadi, saya yakin kita bukan saja perlu menjaga kepentingan para peniaga tetapi juga rakyat kerana saya yakin apabila kita menjaga kepentingan para peniaga, maka ekonomi kita akan semakin rancak dan apabila kita menjaga kesejahteraan rakyat maka rakyat akan semakin gembira. Dengan itu, negeri akan semakin makmur. Jadi Selangor mampu belayar jauh membelah setiap ombak cabaran dan mencapai sampai ke destinasi kejayaan sekiranya rakyat sejahtera dan ekonominya berkembang. Jadi saya tidak bercadang bercakap panjang, dengan ini saya menyokong bajet yang telah dibentangkan untuk tahun 2020. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Dusun Tua. Ya Y.B. Subang Jaya.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Tuan Speaker, sebelum saya memulakan perbahasan saya, saya ingin melaporkan satu pencapaian Dewan ini pada 4.57 petang iaitu bahawa kita telah mencapai 0% kehadiran pembangkang. Seorang pun tak ada. Pada sebaliknya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak *back benchers* kerana telah kekal dalam Dewan ini dan pada sebaliknya bergesa-gesa untuk membahas dasar kerajaan demi kepentingan dan pembangunan rakyat Selangor.

Y.B. Tuan Speaker,

Subang Jaya akan menyentuh kepada lima perkara. Pertama, *Smart Selangor Commerce Centre* yang dirancang adalah suatu yang amat diperlukan terutamanya memandangkan perkembangan teknologi dalam sektor-sektor lain. Kerajaan wajar mengambil kesempatan

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

untuk memajukan sistem pentadbiran sedia ada supaya servis kami kepada rakyat kekal relevan dan efisien. Dalam pada itu, Subang Jaya ingin bertanya adakah benar bahawa kita sedang membina infrastruktur *fiber* optik yang mempunyai jalur lebar sebanyak 30megabait *per second* hingga 1gigabait sahaja sedangkan Tuan Speaker terdapat teknologi di luar yang membolehkan *beltway* sebanyak 1terabait. Subang Jaya memohon penjelasan tentang kapasiti jalur lebar *fiber* optik yang akan dibina.

Perkara kedua,

Jabatan Pengairan dan Saliran telah diberikan peruntukan sebanyak RM84.4juta untuk membina tebatan banjir untuk menaik taraf saliran dan lain-lain. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Adun-Adun yang akan menjadi penerima peruntukan ini. Akan tetapi, Subang Jaya ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri kepada perkembangan terkini di mana kawasan-kawasan bandar mula dilanda banjir yang teruk. Terdapat antara lain dua perkara yang menyumbang kepada keadaan tersebut :-

Pembangunan yang pesat di kawasan bandar. Bermaksud tanah yang boleh menyerap air semakin kurang. Ini diakibatkan daripada penambahan permukaan konkrit dan oleh itu *run of surface* (dengan izin).

Punca kedua adalah disebabkan penukaran iklim yang membawa kepada penurunan hujan yang jauh lebih lebat daripada apa yang kita pernah hadapi.

Seperti yang diketahui semua Ahli-ahli Yang Berhormat, pada 15 Ogos 2019 Subang Jaya dilanda banjir yang teruk di mana terdapat satu video viral yang menggambarkan kereta berputar di dalam air. Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia, hujan dikira lebat jika penurunannya adalah di antara 30 sehingga 40milimeter. Walau bagaimanapun, penurunan hujan pada 15 Ogos tersebut adalah sebanyak 160milimeter. Sungai Klang dan Sungai Naga yang menyeberangi Subang Jaya juga kelihatan penuh semasa kejadian tersebut. Dalam pada itu, Subang Jaya ingin mencadangkan supaya semua sistem saliran dalam kawasan bandar dilihat semula dan kalau perlu dilebarkan supaya tampungan air saliran kita dapat dipertingkatkan. Selain itu Subang Jaya juga ingin mencadangkan supaya lebih peruntukan JPS disalurkan untuk menambahkan kerja *deserting* dan pembersihan sungai, supaya *discharge* air hujan ke sungai akan lebih cepat lancar dan tidak terhalang. Perkara ketiga, berkenaan RM124 juta yang diperuntukkan.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :**

Subang Jaya.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :**

Saya benarkan.

**TUAN SPEAKER :**

Silakan.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :**

Saya nak tanya Subang Jaya apakah kerana kebanjiran ini daripada sistem perparitan tidak terurus atau pun daripada pihak yang terutamanya PBT sendiri yang menjalankan suatu meluluskan pembangunan yang tidak terancang. Apakah ini sebabnya, sebab apa kawasan saya juga meliputi bandar dan ada sedikit banjir.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :**

Terima kasih Yang Berhormat Seri Setia. Memang ini juga akan menyumbang kepada banjir. Oleh sebab itu perancangan

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

pembangunan adalah amat penting terutamanya juga di kawasan desa di mana, pembangunan juga akan bertambah. Kita kena lihat kepada peruntukan kejuruteraan sama ada kita dikemas kini memandangkan perubahan iklim dan perubahan keadaan sekarang. Tuan Speaker saya akan bergerak kepada perkara yang ketiga yang saya sentuh tadi. Ini adalah berkenaan RM124 juta yang diperuntukkan untuk penggantian paip sepanjang 150 km. Subang Jaya ingin mengucapkan tahniah dan syabas atas penumpuan belanjawan atas usaha ini yang amat diperlukan. Dalam pada itu Subang Jaya ingin menanya kepada kawasan di mana penggantian ini akan dibuat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari ini sahaja iaitu 4 hari bulan November 2019, terdapat 3 kawasan di Subang Jaya di mana paip telah pecah dan mengakibatkan penduduk tiada air. Kawasan-kawasan tersebut adalah SS18/1, SS18/5 dan SS13. Bagi SS13 saya difahamkan bahawa paip sepatutnya telah diganti pada tahun ini. Tetapi paip yang telah pecah jelas menunjukkan bahawa ia belum dilaksanakan lagi. Subang Jaya juga dengan ini memohon penjelasan. Perkara keempat Kesihatan Mental, Subang Jaya ingin berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah memperuntukkan 1 juta untuk perkara ini. Dalam tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Komoditi 2017, data merekodkan bahawa di kalangan orang muda terdapat 1 daripada 5 menghadapi kemurungan. 2 daripada 5 yang menghadapi kecemasan atau *nicheness* dengan izin. Dan 1 daripada 10 yang menghadapi tekanan tinggi. Oleh itu peningkatan kesedaran amat diperlukan untuk mengurangkan stigma, bagi menggalakkan mereka akan menghadapi masalah untuk tampil ke hadapan untuk menerima bantuan.

Berkenaan pembelajaran peruntukan, saya berharap latihan akan dijalankan untuk semua staff pusat khidmat masyarakat ADUN yang merupakan barisan hadapi kita supaya mereka dilatih untuk mengenal pasti tanda-tanda awal masalah-masalah kesihatan mental dan *try* bagaimana membawa mereka yang menghadapi masalah kesihatan mental untuk mendapat bantuan. Selain itu Subang Jaya juga ingin mencadangkan supaya peruntukan digunakan untuk menjalankan latihan peningkatan daya tahan atau *visellin training* program dengan izin. Di kalangan pelajar-pelajar sekolah dan Universiti. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, Subang Jaya akan atau telah latihan peningkatan daya tahan di 3 universiti di swasta dalam kawasan iaitu Sunway University, Segi College dan Inti University. Latihan-latihan tersebut mengajak anak muda kita tentang nilai *emperty*, *try* bagaimana mengatasi cabaran dan cara menumpukan perhatian bukan kepada masalah tetapi kepada jalan penyelesaian. Latihan-latihan tersebut telah mendapat sambutan yang bagus dan Subang Jaya juga nampak bahawa persekitaran ini yang dicipta akibat daripadanya persekitaran akibat daripadanya membenarkan mereka yang menghadapi masalah untuk mendapatkan bantuan.

Subang Jaya juga lihat bahawa, kes percubaan bunuh diri atau kes bunuh diri yang pada suatu masa merekodkan satu kes sebulan juga telah kurang. Perkara kelima adalah berkenaan Bas Smart Selangor. Subang Jaya menyambut baik penerusan inisiatif peduli rakyat ini. Walau bagaimanapun Subang Jaya berharap EXCO pengangkutan dapat melihat beberapa perkara. Satu, Subang Jaya difahamkan menurut pengawalan Surahanjaya Pengangkutan Awam Darat iaitu SPAD dahulu bahawa laluan bas Selangor tidak boleh bertindih dengan laluan bas Rapid KL. Dengan segala hormatnya Subang Jaya berpandangan bahawa dasar ini perlu dilihat semula. Ini adalah kerana pasti terdapat jalan yang perlu dilalui kedua-dua jenis bas tersebut. Apabila laluan tidak dibenarkan bertindih, maka bas yang terlibat dipaksa melalui jalan yang lebih jauh untuk sampai ke destinasi. Ini membazirkan wang tenaga dan masa. Pada sebaliknya dasar membenarkan beberapa

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

syarikat atau agensi bas melalui laluan yang sama, bermaksud penambahan frekuensi yang dapat mempertingkatkan servis bas untuk orang awam.

Oleh itu Subang Jaya berharap dengan penjajaran semula SPAD kepada Agensi Pengangkutan Awam Darat iaitu APAD, EXCO Pengangkutan dapat membangkit perkara ini dan melakukan perubahan yang sewajarnya. Masih berkenaan topik pengangkutan awam, Subang Jaya ingin meminta supaya pelaburan dibuat dalam bas *medi*. Iaitu bas yang boleh menampung 30 kepada bas biasa yang boleh menampung lebih kurang 60 orang. Ini adalah kerana terdapat jalan-jalan sempit yang tidak boleh dilalui oleh bas biasa. Ini bermaksud bahawa liputan bas biasa adalah terhad. Jenis bas yang sesuai adalah sangat penting. Ini adalah kerana tujuan pengangkutan awam daripada rumah ke iaitu *must go area* dengan izin, kepada contohnya tempat kerja, pusat membeli belah, sekolah, pasar, bangunan kerajaan dan lain-lain. Tanpa melalui kawasan-kawasan perumahan maka pengangkutan awam kita boleh memenuhi potensinya dengan itu Yang Berhormat Tuan Speaker, Subang Jaya berharap barisan EXCO dapat memberi jawapan kepada soalan-soalan yang telah saya bangkit tadi. Dan pada yang sama melaksanakan cadangan yang saya kemukakan. Yang Berhormat Tuan Speaker, Subang Jaya mohon menyokong. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Subang Jaya. Saya persilakan Balakong.

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI :** Terima kasih kepada Tuan Speaker kerana membenarkan Balakong untuk membahas. Akhirnya dapat. Saya ingin menyentuh tentang Projek Rumah Idaman yang disebut dalam ucapan Belanjawan Selangor 2020. Pendapat saya terdapat banyak masalah yang sedia ada tentang isu perumahan perlu ditimbang dahulu sebelum Kerajaan Negeri memperkenalkan polisi ataupun program yang baru. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Tuan Speaker dan rakan-rakan sekalian, banyak Projek Rumah Mampu Milik dan Rumah Selangorku sekarang menghadapi masalah jualan terutama di kawasan Balakong. Menurut laporan daripada salah satu pemaju di kawasan Balakong. Rumah Mampu Milik yang dibina mereka adalah berada bangunan dan blok yang sama dengan projek dengan izin *service apartment* mereka yang berada di Cheras. Biasa adalah bernilai 330.. sorry 330 ribu ringgit Malaysia ke 490 ribu ringgit Malaysia. Harga Rumah Mampu Milik adalah sebanyak 270 ribu seunit. Walaupun harga unit rumah mampu milik adalah lebih murah daripada unit biasa selepas dengan izin *launching* selama 7 bulan tiada seunit pun Rumah Mampu Milik berjaya dijual.

Tetapi pada masa yang sama, unit biasa telah dijual lebih daripada 60%. Masalah yang sama juga dihadapi oleh Projek Rumah Selangorku terutamanya jenis B C dan D sehingga saya menerima surat daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor LPHS yang meminta ADUN-ADUN mempromosikan projek-projek Rumah Selangorku yang telah disiap, tetapi belum dapat ditawarkan sepenuhnya kepada pembeli yang layak. Masalah jualan Rumah Mampu Milik dan Rumah Selangorku adalah disebabkan oleh sebab-sebab berikut. Sebab pertama golongan sasaran tidak mampu membayar bayaran pendahuluan sebanyak 10% daripada harga jualan.

Kebanyakan generasi muda yang berhasrat membeli rumah pertama tidak mempunyai simpanan mencukupi untuk membayar bayaran pendahuluan jika mereka tidak mendapat pinjaman 100 peratus daripada pihak bank. Kedua, kebanyakan pembeli yang mampu membayar bayaran pendahuluan telah membeli rumah atau harta yang pertama. Nombor

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

tiga, terdapat pembeli-pembeli di dalam senarai nama yang disediakan LPHS gagal mendapatkan pinjaman bank untuk membeli Rumah Selangorku. Menurut salah seorang pemaju lebih daripada 60% daripada yang diperolehi daripada LPHS kepada syarikat mereka, gagal memberi rumah Selangorku disebabkan kegagalan mereka mendapatkan pinjaman bank. Masalah kesukaran menjual Rumah Selangorku dan Rumah Mampu Milik perlu diselesaikan sebelum kita memperkenalkan polisi atau pun projek yang baru. Tiada sebarang makna atau kerajaan kalau Kerajaan Negeri bersungguh-sungguh membina rumah demi membekalkan rumah kepada golongan sasaran tetapi realitinya adalah golongan sasaran yang kita sebenarnya tidak dapat sasarkan oleh projek-projek dan polisi-polisi perumahan kita. Sehingga kini terdapat banyak tempat lagi yang terutamanya di kawasan DUN Balakong masih menghadapi masalah fasiliti seperti pasar moden, dewan, tandas awam dan sebagainya.

Adalah sangat sukar kalau kita hanya bergantung kepada bajet Kerajaan Tempatan, sekarang hanya sebahagian besar digunakan untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan. Dengan ini saya mencadangkan pihak Kerajaan Negeri supaya melibatkan Ahli-ahli Dewan Negeri lebih aktif semasa memberi kelulusan pelan pembangunan di kawasan mereka dan memberi peluang kepada Ahli-ahli Dewan Negeri sama ada kawasan mereka memerlukan Rumah Selangorku, Rumah Mampu Milik atau pun fasiliti-fasiliti yang lain. Saya juga perasan di bawah Program Rumah Idaman, Bank Simpanan Nasional BSN dan juga Bank Rakyat telah menyatakan sokongan kepada inisiatif ini dengan memperkenalkan produk pembiayaan-pembiayaan kursus buat pembeli Rumah Idaman pinjaman sehingga 110% daripada harga jualan bagi tempoh pinjaman 40 tahun.

Saya sangat mengalu-alukan inisiatif daripada pihak bank. Pada masa yang sama, saya juga menyeru kepada Kerajaan Negeri supaya berbincang dengan pihak bank pembiayaan kursus ini boleh juga ditawar kepada pembeli-pembeli Rumah Selangorku dan Rumah Mampu Milik. Perkara yang kedua saya ingin menyentuh adalah pelaburan dan perindustrian. Saya berasa bersyukur ke atas prihatin Kerajaan tentang sektor pelaburan dan juga pengindustrian kerana DUN Balakong merupakan satu DUN yang mempunyai kawasan perindustrian yang begitu banyak. Adalah sangat penting untuk pihak Kerajaan Negeri mewujudkan lebih banyak projek pengilangan dan perindustrian yang baru demi menarik pelaburan. Hal ini juga dapat menyediakan kawasan perkilangan yang mempunyai infrastruktur yang sesuai untuk aktiviti perindustrian dan memberi peluang kepada pemilik-pemilik kilang tanpa kelulusan yang tidak akan diluluskan atas sebab-sebab yang tidak boleh dielakkan supaya mereka dapat memindah kilang mereka ke kawasan pengilang yang baru ini. Namun begitu kawasan perindustrian yang sedia ada, bertahun-tahun juga sangat penting demi mengekalkan pelaburan dan pengeluaran produk yang berkualiti dan bersejarah. Kebanyakan kawasan perindustrian di DUN Balakong telah berada di sana melebihi 30 tahun.

Infrastruktur seperti longkang dan jalan di kawasan-kawasan ini memang berada di tahap sangat tidak memuaskan. Untuk masa sekarang, pihak PBT memang tidak mampu menaik taraf atau pun membaiki infrastruktur-infrastruktur tersebut dan kekerapan berlaku banjir kilat dan kerosakan jalan raya telah menyebabkan pemindahan dana daripada kawasan-kawasan tersebut. Saya juga perasan, saya juga perasan bahawa dalam bajet tahun 2020, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM9.7 juta untuk tujuan pembangunan industri pelancongan di Selangor dan Kerajaan Negeri dan akan memberi fokus kepada pelancongan pelayaran mewah. Saya ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri tentang

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

pelancongan dalam *english* adalah *Industrial Tourism* yang kian popular di dunia sekarang. Saya telah menubuhkan satu *Task Force* bersama dengan pihak MITI, persatuan-persatuan peniaga dan pengilang dan juga penduduk setempat demi mencari jalan untuk mewujudkan *Industrial Tourism* di DUN Balakong.

Untuk pengetahuan tuan speaker dan juga ahli-ahli dewan negeri. Taiwan mempunyai sebanyak 136 buah kilang pelancongan, dengan hanya 136 buah kilang ini sahaja telah menjana pendapatan yang berkenaan sebanyak 4.7 billion dalam masa tahun sahaja iaitu tahun 2018 tetapi dalam *billion* itu dalam *new taiwan dollar* lah. Balakong merupakan kawasan tumpuan kilang-kilang industri kecil dan sederhana iaitu amat sesuai dan berpotensi untuk memulakan projek *industrial tourism* yang pertama di Malaysia dan mungkin juga yang pertama di Asia Tenggara. Walau bagaimanapun projek ini sukar direalisasikan sekiranya kawasan-kawasan perindustrian di Balakong ini tidak dapat sokongan daripada Kerajaan Negeri untuk membaiki dan menaiktarafkan infrastruktur kawasan berkenaan. Justeru itu, saya amat mengharapkan bahawa bantuan dan kerjasama daripada pihak kerajaan supaya bukan sahaja memberi tumpuan kepada projek perkilangan yang baru tetapi juga menjaga juga kawasan-kawasan perindustrian yang sedia ada terutamanya kawasan-kawasan perindustrian yang telah bersejarah seperti apa yang berada di Balakong dan hanyalah dengan bantuan dan kerjasama pihak Kerajaan Negeri sahaja, hasrat Balakong menyumbang juga dalam kempen tahun melawat Selangor 2021 boleh direalisasikan.

Saya berasa amat bersyukur juga atas keprihatinan Kerajaan Negeri dalam menangani permasalahan rakyat terutamanya melibatkan aspek keselamatan komuniti. Salah satu usaha Kerajaan Negeri adalah melaksanakan inisiatif penyerapan skim pihak berkuasa tempatan kepada skim polis bantuan yang melibatkan seramai 180 anggota daripada 9 PBT. Sebanyak 2 juta ringgit Malaysia akan disediakan di bawah skim ini. Untuk makluman tuan speaker dan ahli-ahli dewan negeri, anggota-anggota bomba dan penyelamat sebenarnya juga menyumbang banyak untuk memastikan rakyat hidup dalam keadaan selamat dan selesa. Tugas anggota bomba dan penyelamat banyak, boleh dikatakan selain daripada jenayah, hampir semua kemalangan yang mungkin dialami oleh rakyat seperti kebakaran, banjir, kemalangan, orang hilang, mati lemas dan lain-lain perlu bantuan daripada anggota bomba dan penyelamat. Seperti anggota polis dibantu oleh polis bantuan, anggota bomba dan penyelamat dibantu oleh anggota bomba sukarela. Walau bagaimanapun, anggota bomba sukarela tidak dapat apa-apa bantuan daripada pihak Kerajaan Negeri. Banyak pasukan bomba sukarela adalah bergantung pada ahli-ahli mereka yang keluarkan duit sendiri untuk membeli peralatan, keselamatan dan jentera yang diperlukan. Demi menjaga keselamatan dan keselesaan kehidupan rakyat Selangor, saya menyeru rakyat negeri supaya mewujudkan satu skim bomba sukarela yang sama nilainya iaitu sebanyak 2 juta ringgit Malaysia kepada anggota-anggota bomba sukarela demi membantu mereka melengkapkan peralatan keselamatan mereka dan juga mengganti baru peralatan yang telah uzur.

Penukaran cara menunjukkan penghargaan Kerajaan Negeri kepada warga emas melalui Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dari skim khairat kematian digantikan dengan pemberian manfaat semasa hidup di dalam bentuk Jom Shopping seramai 100 ringgit setahun mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan rakyat. Ramai warga emas bersungguh-sungguh mendaftar di bawah SMUE. Walau bagaimanapun, terdapat lebih daripada 50% penerima SMUE tidak dapat kita hubungi setiap bulan disebabkan maklumat

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

mereka tidak dibaharui. Apabila kita minta untuk baharui maklumat-maklumat berkenaan, sebahagian penerima SMUE akan memberitahu bahawa mereka sebenarnya pernah memberi maklumat peribadi mereka dan atau ahli keluarga mereka kerana mereka terlibat dalam IPR yang lain seperti Jom Shopping, TAWAS, MEMOSEL dan sebagainya. Di sinilah saya merasa agak tidak sistematik cara Kerajaan Negeri dalam soal menguruskan data dan maklumat rakyat Selangor terutamanya mereka yang pernah menerima manfaat dari program IPR Kerajaan Negeri. Kebanyakan program IPR mempunyai sistem tersendiri dan informasi tidak dikongsi kan dan tidak di selaraskan dengan program IPR yang lain. Hal ini menyebabkan ulangan kerja memasukkan data rakyat ke dalam sistem-sistem berlainan diperlukan.

Tidak boleh dinafikan salah satu peranan pusat khidmat ahli dewan negeri adalah membantu rakyat untuk mendaftarkan diri mereka di bawah program-program IPR supaya mendapatkan manfaat daripada program-program tersebut tetapi izinkan saya mengingatkan Kerajaan Negeri bahawa ini bukan peranan yang satu sahaja bagi pusat khidmat. Peranan lain pusat khidmat ditubuhkan termasuklah mengendalikan aduan-aduan, mengadakan program mesra rakyat, menangani isu setempat, mempromosikan program-program dan informasi kerajaan dan juga persekutuan, mengeratkan hubungan rakyat dengan agensi-agensi lain dan sebagainya. Banyak peranan yang perlu dimainkan oleh pusat khidmat tetapi sekarang kita diberatkan dengan kerja ulangan kemasukan data rakyat ke dalam sistem IPR yang berlainan.

Saya bercadang, untuk mencapai matlamat Smart Selangor, Kerajaan Negeri perlulah dengan segeranya mengkaji dan mewujudkan satu, dengan izin *Standardize Database Management System* supaya semua data yang di kumpul oleh program-program IPR dapat diuruskan dalam satu sistem yang sama dan kongsian data dapat dilakukan oleh semua jabatan kerajaan. Dengan wujudnya sistem ini, akan membantu Kerajaan Negeri lebih memahami keadaan sebenar di dalam Selangor terutamanya kedudukan kewangan rakyat Selangor dan menguruskan program-program IPR supaya dapat memanfaatkan lebih ramai lagi rakyat Selangor. Selangor merupakan negeri paling kaya di Malaysia namun begitu, kekayaan ini tidak bermakna jikalau ia tidak dinikmati oleh para warga Selangor. Saya amat berharap cadangan-cadangan saya dapat dipertimbangkan oleh dewan yang mulia ini dan dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Balakong. Saya persilakan Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI :** Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum wbt. Terima kasih yang berhormat Tuan Speaker. Pertama, saya ucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor atas pembentangan belanjawan negeri tahun 2020 yang saya fikir dirangka dengan penuh hemah dan selaras dengan kebijakan ekonomi berteraskan keadilan dan pendekatan peduli rakyat. Sebagai mukadimah, saya ingin merakamkan sekali lagi ucapan tahniah kepada Kerajaan Negeri di bawah pimpinan yang amat berhormat Dato' Menteri Besar di atas kejayaan mencatatkan jumlah pelaburan yang tertinggi dalam sejarah negeri Selangor pada tahun ini iaitu sebanyak 18.947 *billion* berbanding 5.592 *billion* ringgit pada tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak 238%. Pencapaian ini secara jelas menzahirkan komitmen serta usaha gigih Kerajaan Negeri menerusi agensi Invest Selangor di bawah portfolio Yang Berhormat Bandar Baru Klang dalam menarik pelaburan asing serta mengekalkan keyakinan mereka untuk menjalankan aktiviti perniagaan di negeri Selangor.

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Meskipun dalam iklim ekonomi global yang diramalkan suram dan tidak menentu. Tuan Speaker, dalam iklim ekonomi yang mencabar menjelang tahun 2020, negeri Selangor masih kekal sebagai penyumbang utama kepada KDNK dan terus mencatatkan kadar pertumbuhan yang positif dengan peningkatan yang lebih tinggi dalam tahun ini dan tahun 2018 berbanding pada tahun 2017. Dengan kedudukan rizab semasa negeri sebanyak 2.3 billion ringgit, pastinya wajar untuk saya sekali lagi merakamkan ucapan tahniah kepada seluruh anggota jentera pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor di atas kegigihan serta komitmen yang cukup tinggi dalam memastikan negeri Selangor ini terus maju dan berdaya saing sejajar dengan aspirasi Selangor Maju Bersama yang digagaskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam usaha merealisasikan gagasan Selangor sebagai sebuah *Premier Smart State* dengan izin, menjelang tahun 2025, saya menyambut baik pengumuman Kerajaan Negeri yang memperuntukkan sejumlah 50 juta ringgit kepada *Smart Selangor Delivery Unit* (SSDU) bagi tahun 2020 sebagai usaha menyokong perancangan serta pelaksanaan agenda Smart Selangor. Saya juga merakamkan ucapan tahniah kepada pihak SSDU yang baru-baru ini telah diumumkan sebagai penerima anugerah *Frost And Sullivan Best Practices Awards* selaku 2019 *Emerging Southeast Asia Smart City Governance Agencies Of The Year Award*. Sememangnya anugerah ini merupakan satu bentuk pengiktirafan kepada usaha Kerajaan Negeri dalam agenda Selangor sebagai negeri pintar dan juga komitmen serta usaha gigih pihak SSDU dalam menjayakan agenda ini. Pengumuman geran inovasi 60 ribu ringgit oleh Kerajaan Negeri untuk menjana pembangunan teknologi *Artive Intelligence* (AI) sebagai galakkan kepada aktiviti kajian dan pembangunan amat dialu-alukan dan sewajarnya diperluaskan kepada para pelajar sekolah khususnya di peringkat rendah dan menengah. Justeru suka saya untuk mencadangkan supaya dana penerokaan solusi pintar yang turut diumumkan oleh Dato' Menteri Besar baru-baru ini sebanyak 100 ribu ringgit dalam ucapan belanjawan Jumaat lalu disalurkan mungkin sebahagian atau sedikit sebagai peruntukkan kepada ahli dewan negeri dalam usaha kami untuk menyokong sebarang permohonan dan projek inovasi yang melibatkan para pelajar sekolah rendah dan menengah di bawah kawasan kami. Saya mengambil contoh, Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 7 di Shah Alam yang terletak di bawah kawasan Kota Anggerik yang telah menerima pelbagai pengiktirafan dan pencapaian cemerlang dalam bidang sains dan inovasi yang mana antaranya telah dicatatkan sebagai juara keseluruhan *Energy Efficiency Challenge* (EEC) 2018, naib johan pertandingan inovasi institut pendidikan perubatan Malaysia 2018 dan *Diamond And Gold Award* dalam pertandingan *Young Innovator Challenges* 2018.

Jadi daripada dana inovasi yang diperuntukkan ini mungkin boleh kita salurkan kepada ADUN-ADUN sebab saya kira ramai ADUN-ADUN ini dapat permohonan kadang-kadang sekolah nak masuk pertandingan di peringkat kebangsaan, di peringkat antarabangsa, nak masuk pertandingan sains misalnya, mereka perlukan dana. Jadi, dana ini barangkali boleh diperuntukkan kepada ADUN untuk mereka gunakan bagi membantu pihak sekolah, terutamanya anak-anak kita yang di peringkat sekolah menengah dan rendah untuk menggarap bakat dan juga kemampuan inovasi mereka. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga menyambut baik pengumuman peruntukkan sebanyak 84.4 juta ringgit bagi tujuan membangunkan tempatan banjir serta menaik taraf saliran seluruh kawasan terjejas di negeri Selangor. Sehubungan dengan itu, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Pandan Indah selaku Pengerusi

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Jawatankuasa Tetap Infrastruktur Dan Kemudahan Awam Negeri atas keprihatinan beliau baru-baru ini yang turun padang bersama-sama saya untuk melihat serta mendengar permasalahan penduduk di Taman Mutiara, Bukit Raja 2, di Klang yang sering kali berdepan dengan musibah banjir kilat setiap kali hujan lebat akibat masalah saliran yang tidak ditangani semenjak 10 tahun yang lalu. Justeru saya, mengharapkan agar pihak Kerajaan Negeri dapat memberi sedikit perhatian dan peruntukan yang sewajarnya bagi menangani permasalahan ini yang telah berlarutan sejak sekian lama.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pembangunan modal insan sewajarnya menjadi keutamaan dalam merangka kebijakan pembangunan pendidikan untuk melahirkan generasi yang berilmu dan berakhhlak. Alhamdulillah komitmen ini ternyata di zahirkan secara serius oleh Kerajaan Negeri menerusi peningkatan dalam peruntukan pendidikan sebanyak 334.15 juta ringgit. Inisiatif Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS), Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS) dan Program Selangor Bitara merupakan pendekatan yang komprehensif merangkumi setiap peringkat persekolahan bermula dari peringkat pra sekolah sehingga ke tahap mempersiapkan anak-anak kita ke universiti. Saya juga menyambut baik usaha Kerajaan Negeri yang sentiasa prihatin kepada golongan orang kurang upaya (OKU) menerusi pelaksanaan insentif Anak-anak Istimewa Selangor (ANIS) juga hasrat Kerajaan Negeri untuk menubuhkan Yayasan Anak Istimewa Selangor wajar diteruskan dan bakal menjadi pemangkin kepada usaha kita dalam memberdayakan golongan OKU ini dengan secara lebih berkesan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Selangor merupakan negeri termaju dan terkaya di Malaysia. Kemajuan dan perkembangan ekonomi negeri Selangor dilihat menerusi kewujudan pelbagai projek pembangunan baru khususnya di bandar-bandar besar seperti di Subang Jaya, Petaling Jaya dan Shah Alam. Ini merupakan perkembangan yang sihat dan membuktikan bahawa kegiatan ekonomi di negeri ini terus subur dan aktif. Namun demikian, sebalik semua pembangunan infrastruktur ini kita tidak seharusnya meminggirkan kepentingan untuk memelihara dan mengekalkan kelestarian alam seperti yang dinyatakan dalam pembentangan belanjawan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Saya menyambut baik pengumuman peruntukan serta inisiatif-insiatif khusus dalam menyokong usaha menjamin kelestarian alam sekitar seperti pemasangan panel solar, program tanam pokok dalam bandar serta pelaksanaan konsep taman dalam bandar. Kesemua inisiatif tersebut amat dialu-alukan namun demikian pada masa sama adalah mustahak untuk Kerajaan Negeri turut memberi tumpuan kepada usaha-usaha memelihara dan memulihara serta mengekalkan sebahagian kawasan hutan yang masih wujud di negeri ini. Seumpamanya di Shah Alam masih lagi ada kawasan hutan simpan Bukit Cherakah yang suatu ketika dulu tidak asing kepada kita semua sehingga hari ini terdapat beberapa lokasi tertentu di kawasan Bukit Cherakah yang dijadikan tapak rekreasi dan riadah yang menarik kehadiran pelbagai lapisan masyarakat khususnya penggemar aktiviti *tracking*.

Walau bagaimanapun mutakhir ini timbul desas desus kononnya wujud rancangan pembangunan melibatkan kawasan hutan tersebut. Justeru, saya mengharapkan kerajaan mengambil sikap yang lebih prihatin dan mengkaji semula perancangan pembangunan yang melibatkan agensi dan syarikat berkaitan dengan Kerajaan Negeri ke atas kawasan hutan di Bukit Cherakah. Ini penting untuk menangkis tohmahan-tohmahan liar yang mendakwa Kerajaan Negeri tidak cakna dalam memelihara dan memulihara hutan simpan di Negeri Selangor.

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Yang Berhormat Tuan Speaker, kemudahan pengangkutan awam yang disediakan oleh Kerajaan Negeri serta kemudahan Bas Smart Selangor sememangnya mendatangkan manfaat dan memberikan impak yang besar kepada rakyat Selangor terutama dalam memudahkan urusan sehari-hari mereka. Pencapaian perkhidmatan Bas Smart Selangor ini cukup penting dan sangat relevan. Justeru saya mohon kepada Pihak Kerajaan Negeri untuk memperluaskan jaringan capaian ini menerusi pengwujudan laluan-laluan baru termasuk di dalam kawasan Seksyen U16 di Shah Alam yang merangkumi kawasan Denai Alam, Elmina dan Bukit Subang. Capaian ini amat penting kerana kadar pertumbuhan ekonomi dan kadar pertambahan penduduk di kawasan ini amat drastik kesan pembangunan projek perumahan baru dan pusat-pusat perniagaan komersial yang baru.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya menyimpulkan perbahasan saya ambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Ahli-Ahli Dewan Negeri dari Pihak Kerajaan yang mengambil bahagian secara aktif dalam sesi perbahasan belanjawan pada hari ini dan ini jelas menunjukkan perbezaan dengan wakil-wakil rakyat pembangkang yang kelihatan seperti tidak berminat untuk menyertai perbahasan dan sekadar mewakilkan cadangan, kritikan dan saranan mereka melalui ketua pembangkang dan saya berharap semangat yang ditunjukkan oleh wakil-wakil kerajaan akan terus kitakekalkan. Sesungguhnya kedudukan kita sebagai Ahli-Ahli Dewan Negeri bukanlah suatu keistimewaan atau kelebihan yang boleh kita ambil mudah dan sewenang-wenangnya. Keberadaan kita di dalam Dewan yang mulia ini adalah sebagai jurubicara rakyat dan sebagai pemegang amanah yang telah dimandatkan oleh mereka kepada kita. Sama-sama lah kita bertekad untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik serta terus konsisten menuju hal-hal kebajikan rakyat dan terus memacu kemajuan negeri Selangor ke tahap yang lebih memberangsangkan, in syaa Allah. Sekian terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya mohon menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Kota Anggerik. Saya persilakan Rawang.

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT :** Terima kasih diberi peluang untuk menyertai Perbahasan Belanjawan Negeri Selangor 2020. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada seorang Menteri Besar yang paling muda di Malaysia mempunyai keberanian untuk mempunyai hala tuju untuk menerajui teknologi supaya negeri Selangor bukan sahaja jaguh di Malaysia dalam melaksanaan teknologi manakala negeri yang canggih di Asean.

Tuan-tuan dan puan-puan, sejak tahun 2018 beberapa inisiatif telah dilaksanakan sebagai contoh salah satu pilot project, projek CCTV, IP yang mempunyai fungsi *face recognition* yang telah bermula di kawasan Subang. Bagi meningkatkan keselamatan penduduk. Smart parking yang telah dilaksanakan di seluruh negeri bagi mempermudahkan kehidupan rakyat setempat dan juga pada tahun ini mempunyai satu aplikasi yang baru, aplikasi cool yang baru diperkenalkan kepada semua yang bergabung semua berita di negeri Selangor dan juga komunikasi antara kerajaan.

Saya mengalu-alukan pengumuman belanjawan tahun ini meneruskan usaha tersebut yang akan menambahkan bilangan 5,000 CCTV di seluruh negeri supaya masalah keselamatan dan penguatkuasaan dapat di tambah baik pada tahun depan. Pelaksanaan Smart State akan membantu untuk meningkatkan produktiviti negeri, meningkatkan

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

efficiency penjawat awam dan juga Bit data dalam Smart State ini juga akan membantu kerajaan untuk merancangkan hala tuju negeri pada masa depan.

Rawang menyerukan supaya ADUN-ADUN negeri Selangor dapat memberi sokongan penuh kepada kerajaan dan juga Menteri Besar supaya pelaksanaan ini dapat dijalankan dengan lancar dan berjaya. Memang untuk melaksanakan Smart State memerlukan dana yang besar dan secukupnya untuk kelengkapan teknologi tetapi saya percaya dalam jangka panjang inisiatif ini akan memberi penjimatkan yang lebih dan juga pendapatan yang lebih lumayan.

Yang Berhormat Speaker dan Ahli Dewan Negeri, di sini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menyentuh beberapa isu. Yang pertama adalah merupakan isu pengangkutan awam, walaupun kita mengetahui bahawa kuasa pentadbiran pengangkutan awam adalah di bawah pentadbiran Persekutuan, terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor yang telah memberi prihatin masalah dan telah mengusahakan Bas Smart Selangor supaya proaktif membantu menyelesaikan masalah pengangkutan awam ini. Dalam setahun setengah saya telah mengadakan beberapa kali perbincangan dan perjumpaan dengan bas operator berkenaan kekangan mereka yang dihadapi yang menjadikan mereka tidak dapat beroperasi dengan baik dan masalah ini telah menyebabkan gangguan terhadap kehidupan rakyat dalam Selangor terutamanya di kawasan desa.

Salah satu cabaran yang dihadapi oleh bas operator ini adalah mereka menghadapi kerugian yang sangat besar adalah disebabkan tiket yang dijualkan harga hari ini adalah harga tiket yang lama. Kerajaan perlu mengambil kira beberapa aspek termasuk perkhidmatan bas pengantaraan transit MRT dan juga LRT yang bakal tambah di kawasan bandar dan juga kawasan desa yang masih menghadapi masalah isu perkhidmatan pengangkutan awam.

Pada bajet negara pada tahun lepas telah melaksanakan tiket bulanan, My50 dan juga MY100 untuk perkhidmatan bas tetapi yang itu adalah tertumpu di kawasan bandar sahaja. Pada bajet tahun ini, tahun yang akan datang ini telah mengumumkan bahawa pada tahun 2020 akan ada penambahan sebanyak 500 bas elektrik di kawasan bandar yang terpilih. Manakala Wilayah Metropolis yang seperti di kawasan Rawang Barat yang mempunyai penduduk yang makin bertambah tertumpu dengan golongan muda memerlukan perkhidmatan pengangkutan yang lebih menyeluruh.

Rawang mengalami masalah perkhidmatan bas. Jajaran perkhidmatan Bas Selangor di Rawang merupakan jajaran yang paling pendek di Selangor. Kini saya telah mengemukakan cadangan supaya perkhidmatan ini dapat diubah secara menyeluruh dan memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk di kawasan Rawang. Kemudahan pengangkutan awam yang *first miles and last miles* sentiasa merupakan cabaran sistem pengangkutan awam yang menyebabkan kegunaan pengangkutan yang rendah dan kesesakan lalu lintas yang merupakan salah satu masalah utama dalam pembangunan. Masalah ini patut diselesaikan supaya produktiviti dan efficiency tidak terjejas. Saya sokong dengan cadangan Bas Mini yang tadi Yang Berhormat Subang Jaya supaya yang kos untuk adakan bas Selangor boleh dikurangkan supaya bilangan bas Selangor boleh ditambahkan.

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Tuan Speaker, pada tahun 2019 dan 2020 disebabkan cuaca yang tidak tentu beberapa daerah di dalam negeri Selangor kerap dilanda banjir kilat termasuk daerah Gombak terutamanya di kawasan saya iaitu DUN Rawang. Tadi saya sempat dengar beberapa hujah daripada ADUN lain cuma pada satu tahun ini di Rawang *alone* dah berpuluhan kali berlaku banjir di kawasan yang sama. Saya menyambut baik atas kerajaan telah memperuntukkan sebanyak 84 juta ringgit untuk projek tambatan banjir dan sebanyak 178 juta ringgit untuk projek jalan raya dan jejantas untuk menyelesaikan masalah infrastruktur dalam negeri ini. Malangnya di dalam DUN Rawang mempunyai beberapa projek yang telah di anugerah pada tahun 2013 dan juga pada tahun 2014 iaitu projek Kolam Takungan Sungai Gong yang kini menghadapi masalah adalah kelewatan. Sekarang kontraktor tersebut dalam denda LED dan juga ada satu projek lagi naik taraf B27 Fasa 2 yang telah di pelaksanaan selama 6 tahun tetapi projek tersebut adalah mempunyai projek sakit yang saya sebut sehingga kini masih tidak selesai lagi dan isu asasnya adalah disebabkan harga tender projek yang dianugerahkan terlalu rendah dan kontraktor tidak dapat melaksanakan kerja-kerja tersebut.

Kemungkinan harga tender yang rendah dia akan menunjukkan dalam *paper* akan menunjukkan penjimatan untuk negeri tetapi kegagalan pelaksanaan projek akan menyebabkan projek sakit melibatkan kos yang lebih tinggi dan kualiti projek yang rendah dan ia tidak akan membawa kebaikan kepada sesiapa pun. Saya mengharap kerajaan supaya boleh menambah baik dan juga mengkaji balik proses pelantikan kontraktor. Harga yang patut ditetapkan pada harga yang munasabah supaya penjimatan dan projek dapat dilaksanakan dengan berjaya pada masa yang sama.

Tuan-tuan dan puan-puan, di sini akhirnya saya nak sentuh adalah satu isu berkenaan dengan isu pelaksanaan pengasingan sampah di kawasan Rawang. Kita memahami setiap tahun memang Selangor menggunakan banyak peruntukan untuk isu sampah. Untuk tahun ini, pengurusan sisa pepejal kawasan desa 8.85 juta untuk program kitar semula PBT 600 ribu dan kampung 500 ribu dan sebelum ini saya merupakan Ahli Majlis dan kita memahami di PBT ini memang dalam belanjawan kita menggunakan majoriti *portion* belanjawan tersebut adalah digunakan untuk menguruskan sisa pepejal dan kita nampak kalau kita negeri Selangor dapat memulakan dengan pengasingan sampah ini kemungkinan apa tu, kos tu akan dijimatkan dan dengan pengasingan sampah tu dapat menjanakan keuntungan untuk negeri ini dan kita dapat tahu di luar situ korporat memang dah bermula dengan inisiatif ini dan langkah-langkah inisiatif daripada NGO dah lebih jauh daripada Kerajaan Negeri Selangor. So, saya berharap cadangan ini dapat didengar oleh pihak kerajaan dan walau bagaimanapun Belanjawan Selangor 2020 telah menunjukkan jiwa muda Menteri Besar yang ingin membawa perubahan negeri menerajui negeri yang paling canggih di Asean dan teknologi yang canggih ini akan membawa *solution*, solusi untuk masalah kehidupan. Oleh itu, saya menyerukan sama-sama kita menjayakan inisiatif ini rancangan 2020 yang lima tahun yang akan datang dan akhirnya saya menyokong Belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Besar semalam. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Rawang. Ya Sungai Ramal.

**Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR :** Auzubillahhiminnassaittonnirojim.  
Bismillahirrahmannirahim. Assalammulaikum Warahmatullahiwabarakatuh. Salam Sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Speaker atas kesempatan yang diberikan kepada Sungai Ramal untuk turut sama membahaskan bajet negeri Selangor untuk tahun 2020.

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

Saya akan menyentuh hanya dalam kira-kira tujuh perkara sahaja dalam perbahasan saya pada kali ini.

Saya memulakan dengan yang pertama berkenaan dengan rumah idaman. Saya berkongsi rasa dengan sahabat saya Yang Berhormat daripada Balakong berkenaan dengan isu rumah idaman ini iaitu realistiknya peluang kepada para pembeli untuk mendapatkan rumah idaman ini. Pertamanya saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana daripada 4,800 unit yang akan dibina itu, fasa permulaan dibina terutamanya di dua kawasan yang berdekatan dengan kawasan saya iaitu Kajang dan juga Bangi.

Yang menjadi isu disini selalunya adalah rumah idaman ini ditujukan kepada mereka yang kurang berkemampuan. Masalahnya, adalah untuk mendapatkan pinjaman. Saya lihat disini, telah disebutkan dua buah bank iaitu Bank Simpanan dan Bank Rakyat. Kedua-dua bank ini bukan bank komersial, tetapi sebaliknya bank yang ada hubungan rapat dengan Kerajaan. Mungkin satu kiraan yang khusus dibuat dengan pihak bank ini, kerana saya lihat yang pertamanya, pinjaman yang diberikan adalah pada kadar 110% daripada harga rumah iaitu melebihi daripada nilai yang sia-sianya diberikan oleh bank komersial dan yang keduanya tempoh bayar balik pun selama 40 tahun.

Walau bagaimanapun, saya berharap, harapan yang mana manis ini dapat benar-benar direalisasikan kerana daripada pengalaman-pengalaman yang telah kita lalui pihak bank sebenarnya sangat ketat polisi pinjamannya dan ramai daripada mereka yang daripada golongan yang kita saring yang merupakan golongan yang kurang berkemampuan ini, akhirnya lepas saringan kita untuk beli rumah tapi tak lepas saringan daripada pihak bank untuk mendapatkan pinjaman. Jadi saya berharap pihak Kerajaan dapat memainkan peranan untuk mungkin memujuk pihak bank ini supaya lebih fleksible dalam syarat-syarat yang dikenakan kepada mereka untuk para peminjam mendapatkan pinjaman rumah agar program ini untuk mereka yang kurang berkemampuan ini, mendapat peluang untuk membeli rumah yang diidamkan.

Yang keduanya, saya juga ingin menyentuh sikit berkenaan dengan soal pertanyaan iaitu insentif yang diberikan oleh Kerajaan khusus kepada penternak dan satu daripada insentif yang disebut disini ialah untuk menaiktaraf kendang ternakan. Saya disini ingin membangkitkan satu masalah yang dihadapi dalam Negeri Selangor ini termasuk di kawasan saya yang agak rumit iaitu masalah ternakan itu merayau yang melibatkan kambing, lembu, kerbau, yang di jaga dengan secara dilepaskan. Lepas bebas untuk mencari makan. Jadi ternakan yang jenis begini sebenarnya telah mendatangkan satu ancaman dan juga pergeseran yang sangat sengit terutama ialah kawasan-kawasan yang sudah membangun, kawasan kampung asalnya sekarang telah jadi bandar. Ditempat saya, di Bandar Baru Bangi, kejadian ini banyak kali berlaku dan menimbulkan masalah yang besar, pergaduhan dan sebagainya. Contohnya, di Sg. Ramal 2 dan juga di Sg. Tangkas. Kadang-kadang masalah ini sebenarnya ia juga melibatkan hingga kerosakan infrastruktur. Misalnya satu perkara yang saya telah bangkit berpuluhan kali disini, tapi masih belum dapat jawapan lagi daripada pihak Yang Berhormat Exco untuk menyelesaiannya adalah masalah jejambat yang strukturnya retak dan rosak teruk di kawasan di Alam Seri. Dan di bawah jejambat itu, terdapat aktiviti penternakan lembu raya ini dalam bilangan ini dalam bilangan yang sangat banyak. Dan saya mendapat tahu daripada laporan awal, antara lain punca kerosakan kepada infrastruktur jejambat itu adalah disebabkan oleh air

## **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

kencing lembu yang begitu besar dan banyak kuantitinya ini dengan apa tu, bahan kimia yang ada dalam air kencing itu, merosakkan struktur tiang di jambat yang begitu kukuh yang dibina di tempat itu. Jadi, jika ini benar sampai begitu sekali kesannya, kepada apa tu, infrastruktur dan apa tu, kerugian kepada Kerajaan dan membahayakan nyawa para pengguna maka kita hendaklah melihat perkara ini dengan serius.

Selain daripada itu, termasuklah juga berlaku kes-kes hingga melibatkan kecederaan, ada anak-anak yang naiki basikal untuk ke sekolah dilanggar oleh lembu-lebu ini sampai patah tulang, masuk hospital. Jadi ibu bapa nya menjerit-jerit meminta perhatian yang saya telah pun menulis surat pun kepada pihak Exco tetapi sehingga hari ini perkara ini masih lagi belum dapat di atasi. Jadi saya harap satu pemerhatian yang khusus dapat diberikan supaya masalah ternakan lembu rayau ini menjadi satu daripada perkara yang diberi fokus oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini dalam bidang pertanian penternakan.

Seterunya saya beralih kepada bekalan air bersih. Kita lihat baru-baru ini dalam satu insiden terbaru, bekalan air bersih telah terjejas melibatkan bukan setakat ribuan malahan jutaan pengguna tapi kali ini bukan hanya di sebabkan oleh kelemahan dalam kita punya sistem urus tadbir air, tetapi disebabkan oleh pengkhianatan iaitu bagaimana bahan solvem telah dibuang secara haram ke dalam lubang ataupun salur IWK. Dimana solvem ini daripada siasatan yang dilakukan adalah disyaki digunakan oleh sindiket pengedar dadah untuk memproses dadah. Esolvem yang telah terpakai ini dalam bilangan yang besar, jumlah yang besar perlu dibuang dan mereka mencari tempat-tempat yang jauh daripada kematian umum dan kawasan itu tidaklah begitu jauh daripada rumah saya sebenarnya. Itu saya berasa sangat-sangat kesal dengan perkara ini, di kawasan yang dinamakan Bukit Mahkota, kawasan lot banglo yang belum dibangunkan perumahannya, jadi jalan situ lengang dan sunyi, penuh dengan pokok-pokok, disitulah mereka membuang bahan solvem tersebut.

Jadi pengkhianatan ini telah terjadi beberapa kali dan kita perlu mengambil tindakan yang tegas kawalan dan juga penguatkuasaan undang-undang yang tegas terhadap mereka ini agar perkara ini tidak berulang lagi. Saya berasa kecewa kerana sehingga hari ini belum ada lagi pihak yang dapat kita tangkap untuk dipertanggungjawabkan dalam hal ini. Selagi kita tidak dapat menangkap satu kes pun, maka tidak ada pengajaran pada mereka ini dan perkara ini boleh berulang lagi dan lagi dan menyusahkan jutaan rakyat, perniagaan dan juga industri.

Berkait rapat juga dengan pembekalan air bersih, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan peranan sungai. Saya dapati ramai dikalangan rakyat yang salah anggap, mereka memikirkan bahawa sumber air yang kita dapat ini di proses ini adalah daripada air empangan. Sebenarnya sumber air bersih yang kita dapat di pili-pili air dirumah ini adalah daripada sungai. Oleh itu, sangat penting kita menjaga kebersihan sungai. Dan saya merujuk kepada disini tajuk "Friends of Rivers" dalam pembentangan Bajet Negeri Selangor dimana peruntukan diberikan sejumlah RM500 ribu untuk program Sahabat Sungai.

Saya berharap, peruntukan ini mungkin boleh dipertingkatkan lagi pada masa hadapan kerana oanya sangat penting, saya sendiri hadir baru-baru ini dalam satu program, Program Geran Pemuliharaan dan Pemeliharaan Anak Sungai di Seksyen 4 Bandar Baru Bangi, dimana para peserta penduduk di situ cuba untuk memulihkan aliran anak sungai di

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

kawasan itu agar menjadi sungai yang kembali kepada asal bersih dan sekitar anak sungai itu juga dibersihkan dan dibina jogging trek dan sebagainya termasuk bangku dan sebagainya supaya boleh menjadi Kawasan lestari dimana para penduduk boleh beristirahat disitu dan Yang Berhormat daripada Kajang sendiri turun pada masa itu untuk memberikan geran tersebut, saya ucapkan sangat banyak terima kasih atas perhatian yang diberikan dan semoga program yang seperti ini dapat di perbanyak lagi.

Seterusnya Tuan Speaker, saya merujuk kepada bidang keusahawanan di mana disini disebut berkenaan dengan Yayasan Hijrah yang diberikan modal tambahan RM30 juta dengan sasaran untuk membantu 3000 ribu usahawan baru. Saya ingin menyentuh dalam satu aspek yang lain sedikit iaitu berkenaan dengan program Blueprint dan selepas pada itu program sambungannya yang dinamakan DUMS (Dana Usahawan Makro Selangor). Saya dapati untuk Dana Usahawan Makro Selangor ini, peruntukan yang diberikan hanyalah di sama ratakan sejumlah RM250 ribu untuk setiap daerah. Untuk peruntukan di DUMS ini dan jumlah yang diberikan maksima adalah RM30 ribu. Dalam peruntukan RM250 ribu itu ertiannya yang menerima manfaat daripada Skim ini di setiap daerah hanyalah sama seramai kira-kira sepuluh atau dua belas orang sahaja setahun. Skim ini sangat bagus, saya sendiri dah turun melihat bagaimana ianya berjalan dan saya telah bersama-sama dengan DUN daripada Kota Kemuning juga memberikan beberapa peralatan-peralatan sebab bawah Skim ini diberikan wang tetapi dalam bentuk peralatan yang diperlukan oleh para peniaga untuk memajukan lagi perniagaan mereka.

Oleh itu, para peniaga ini di saring para peniaga yang dinilai sebagai telah pun menjalankan perniagaan dan terbukti perniagaannya berdaya saing dan berdaya maju sahaja benar-benar serius sahaja dalam industri ini yang diberikan bantuan ini dan laporan yang saya terima daripada pejabat daerah menunjukkan bahawa para penerima Skim DUMS ini hamper 100% boleh kata 90% daripada mereka yang menerima di bawah Skim ini berjaya dalam bidang perniagaan masing-masing. Jadi satu tahap peratusan kejayaan yang sangat tinggi, maka itu saya berharap peruntukan yang diberikan di bawah program ini dapat dipertingkatkan lagi jauh melebihi daripada yang ada sekarang dan mungkin boleh diberikan berdasarkan kepada faktor bilangan penduduk dan juga keluasan satu daerah itu sebab masing-masing daerah mempunyai keperluan yang berbeza dan saya daripada daerah Hulu Langat adalah antara daerah yang terbesar, ramai penduduk, peruntukan RM250 ribu hanya untuk sepuluh atau dua belas orang peniaga sahaja sangat tidak mencukupi dan memadai untuk kawasan yang seluas itu.

Lagi pula, dengan kita sekarang ini ada dua-dua Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat yang seajar dan selari, kita sepatutnya mengelakkan daripada pertindihan kerana saya lihat pemberian di bawah Skim Hijrah ini, dia lebih kurang sama dengan pemberian di bawah Amanah Ikhtiar yang di jalankan oleh di bawah Jabatan Perdana Menteri. So, peruntukan Amanah Ikhtiar juga boleh digunakan untuk manfaat para perniaga seperti mana dihajatkan dibawah Skim Hijrah itu.

Seterusnya, program "Food Bank Selangor" dengan peruntukan sejumlah RM5 juta dalam pembentangan Bajet ini, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar menekankan kepada sasarannya adalah penduduk di kawasan projek perumahan rakyat PPR, *urban poor* ataupun miskin bandar. Ingin saya juga bawa perhatian Dewan Yang Mulia ini kepada keperluan diperingkat para siswazah kita, siswa siswi kita di Universiti. Di dalam kawasan

#### **4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

saya terletak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan dalam Universiti itu, saya sendiri berasa sangat tersentuh hati apabila keadaan para pelajarnya.

Ramai daripada pelajar, para pelajar UKM adalah para pelajar daripada golongan keluarga B40 dan datang daripada kampung dan desa, datang ke Univeristi dan belajar, mereka ini sebenarnya tidak mempunyai wang yang cukup. Jadi ada yang datang, nak makan itu hanya makan nasi dan kuah sahaja, dalam masa-masa tertentu, mereka ini juga perlukan bantuan dan saya juga di fahamkan di Universiti juga berada dalam keadaan dilema kerana demi menjaga ranking Universiti itu, beberapa perkara perlu mereka pelihara, antaranya termasuklah mereka menyediakan tiap-tiap tahun satu *amount research paper* yang tidak boleh jatuh daripada bilangan tersebut, kalau jatuh tu, ranking mereka akan jatuh diperingkat dunia.

Untuk memelihara ranking ini, maka juga daripada peruntukan duit Universiti digunakan sebagai insentif kepada para pensyarahnya untuk membuat ataupun masa mereka memenuhi kuota untuk mendapatkan bilangan *research paper* mencukupi dan duit yang itu kalau tidak dibelanjakan ke sana, boleh dibelanjakan lebih untuk kebajikan siswa siswi. Jadi kita mungkin, kita faham dilema yang Universiti ini mungkin kita boleh melihat juga bagaimana kita boleh membantu siswa siswi disana.

Seterusnya, saya pergi kepada konsep taman dalam bandar. Dengan peruntukan sejumlah RM40 juta yang akan dibelanjakan untuk membuat Taman Rakyat Selangor, terutamanya ini akan diserahkan kepada Majlis Bandaraya Shah Alam. Penting taman ini dan kami di dalam Sg. Ramal ini juga..

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, sila duduk, masa sudah habis. Sila gulung, sokong tidak?

**Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR :** Saya menyokong Bajet yang telah dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Berhormat Sg. Ramal. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 6:00 petang, dengan ini saya menangguhkan sesi Perbahasan Rang Undang-undang Pembekalan 2020 sehingga hari esok, 5 November 2019 bermula jam 10:00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 6.00 PETANG)**